



# قلبتا بروني

## Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 4

RABU 22 JANUARI, 1992.

1412 رابو 17 رجب،

PERCUMA

### Lawatan muhibah Raja Jordan

BERAKAS, 20 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien Ibn Talal, Raja Jordan yang telah berkenan berangkat melakukan lawatan muhibah tiga hari ke negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhiah, Menteri Kewangan juga berkenan berangkat sama.

Sejurus sebelum menaiki pesawat khas, Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien juga berkenan menerima junjung ziarah dari Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet dan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja.

Terdahulu sebelum itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan adinda-adinda baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkhiah,

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penuh mesra mengalu-alukan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien Ibn Talal, Raja Jordan.

### Kursus komputer akan diperkenalkan

GADONG, 20 Januari. — Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad berkara Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan Kursus Komputer Peringkat Biasa (O Level) di sekolah-sekolah dan maktab-maktab di negara ini secara berperingkat-peringkat.

Oleh Hj. Ahat Hj. Ismail

Sebagai langkah permulaan katanya, kementerian berkenaan telah pun mengenal pasti tiga buah sekolah yang akan memulakan kursus tersebut.

"Adalah dihasratkan bahawa langkah ini akan memperluaskan tenaga-tenaga kerja di negara ini bagi menghadapi perkembangan-perkembangan abad 21 nanti di mana saya berkeyakinan bahawa komputer akan digunakan sehabian seperti kita menggunakan telefon," jelas Dato Paduka.

Berucap di Majlis Perasmian Seminar Koperasi Sekolah 2 anjuran Jabatan Kemajuan Kerjasama, beliau menambah bahawa keperluan ini adalah selaras dengan perkembangan-perkembangan industri-industri

perkhidmatan yang ada di negara ini iaitu seperti pusat perkhidmatan komputer, agensi-agensi penerangan, bank-bank, syarikat-syarikat insurans dan pemasaran.

Terdahulu sebelum itu beliau menyatakan bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam konsep gerakan kerjasama ini hidup dan bernafas di atas satu fungsi yang sama dengan budaya kerja memucang-mucang di mana perpaduan dan sokongan padu orang ramai atau ahli-ahlinya sangat-sangat dititikberatkan.

"Belia-belia kita terutama sekali penuntut-penuntut yang masih muda perlu dipupuk dengan nilai-nilai keperibadian dan sikap bersatu padu demi mengukuhkan rasa persaudaraan dan persahabatan," jelasnya.

"Setiap yang terlibat perlu memahami bahawa sekolah-sekolah menengah di negara ini harus memikirkan dan menghasilkan cara-cara un-

### Agar tidak jejas kesihatan

## Hidangkan makanan bersih dan seimbang — titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Salcha bertitah kaum wanita hendaklah berhati-hati ketika menyediakan sesuatu hidangan itu supaya ramuan yang digunakan dipastikan bersih dari bahan-bahan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan.

Bertitah ketika berangkat melancarkan buku "Resipi Kegemaran BISTARI" yang dihasilkan oleh ahli-ahli Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI) yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di negara ini, baginda menegaskan di samping menitikberatkan kelazatan masakan masing-masing, kaum wanita perlulah membuat perancangan supaya jenis makanan yang dihidangkan sehari-hari itu seimbang dengan keperluan-keperluan tubuh badan kita dari segi kesihatan.

Menyentuh mengenai penerbitan buku ini, baginda percaya akan bertambah khazanah kaum wanita di negara ini yang diharapkan akan dapat dijadikan sebagai pendorong bagi kaum wanita, tidak kira yang bernaung ataupun belum, bagi menambahkan kemahiran masing-masing dalam bidang masakan.

Oleh Dk. Fatimah PHMN

"Seperti yang sama-sama kita sedia maklum bahawa bidang masakan merupakan bidang yang tidak dapat dipisahkan dengan kaum wanita. Malahan kemahiran dalam bidang tersebut adalah merupakan ciri penting yang perlu dimiliki oleh kaum wanita," titah baginda.

Baginda kemudiannya berkenan menerima cenderamata yang disembahkan oleh BISTARI.

Aturcara pada pagi ini disertakan dengan pertunjukan koleksi pakaian wanita yang digayakan oleh beberapa peragawati dari Singapura.

Baginda juga dibawa menyaksikan pameran yang mengetengahkan hasil-hasil kerajinan yang juga disertai oleh kedutaan-kedutaan asing di negara ini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Juga hadir ialah isteri menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap.

Lihat muka 16

### فتيكتيتيه

## PETIKAN TITAH

"BETA percaya, negara ini akan terus stabil dan selamat, ialah kerana kesediaan kita untuk sentiasa mencari sumber-sumber kebajikan seberapa yang banyak, di samping tidak berdiam diri membiarkan sesuatu yang patut diubah atau diperbaiki, sekiranya perkara itu boleh mendatangkan kerugian atau kemudaratan."

Dititahkan sempena hari keputeraan baginda yang ke-45 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai, 1991.

Lihat muka 16

MANISNYA IMAN

"BAHAWA bulan Syaaban itu ialah bulan yang diangkatkan amal manusia di dalamnya, maka saya suka amal saya diangkatkan untuk diperiksa sewaktu saya berpuasa." — Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.



# قائتار برهوني Pelita Brunei

INTRODUKSI PADA TIAP-TIAP HARI RABU

22 JANUARI, 1992 BERSAMAAN 1412 رجب، 17

دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا  
فَمُورَهُ دَانَ مَهَا فَيَاغِ

## PERAYAAN JUBLI PERAK KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA MENAIKI TAKHTA AKAN DIADAKAN DENGAN PENUH ADAT ISTIADAT

**KEBAWAH Duli** Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut tahun baru Masihi 1992 antara lain bertitah, menjelang tahun 1992 ini negara memerlukan kelesaan di mana kelesaan itu hanya akan wujud apabila adanya keamanan. Kerana dalam tahun 1992 ini kita akan menyaksikan suatu perayaan bersejarah yang agak berbeza dari lain-lain perayaan iaitu perayaan menyambut genapnya baginda 25 tahun menaiki takhta.

Keamanan yang kita nikmati selama ini adalah berpunca daripada kebijaksanaan baginda menerajui kerajaan dan kecermerlangan baginda memimpin rakyat dan penduduk serta isi di dalamnya dalam sama-sama menjalani kehidupan berbangsa dan bernegara. Sejarah kecermerlangan pimpinan baginda yang tidak lama lagi genap 25 tahun menjelang bulan Oktober tahun ini adalah merupakan suatu sejarah yang perlu dihargai. Lagipun faktor sejarah memainkan peranan bagi menyelesaikan pelbagai masalah kita dan negara. Sebab itulah perayaan ini dimaksudkan kerana semata-mata menghargai sejarah.

Kita penuh berkeyakinan perayaan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta ini nanti tidak hanya memamerkan perkara-perkara yang bersifat sementara malah yang lebih utama ianya akan dapat menonjolkan atau menghasilkan sesuatu yang bersifat kekal, yang boleh dirojak dan dibaca oleh generasi akan datang.

Bagi melaksanakan perayaan ini berjalan dengan sempurna dan lutanannya maka beberapa jawatankuasa telah pun dibentuk iaitu Jawatankuasa Penasihat yang dianggotai oleh 14 orang, Jawatankuasa Tertinggi dianggotai oleh 53 orang dan 18 buah Jawatankuasa Kerja yang mengendalikan rancangan-rancangan tertentu.

Jawatankuasa ini tentu didukung oleh seluruh rakyat dan penduduk negara terencana ini semata-mata jua bagi menuju dan memenuhi hasrat baginda agar sambutan ini merupakan hari bersejarah, penuh kesyukuran dan keriaian yang selayaknya di samping memperkuatkan lagi kefahaman institusi berjaya dalam menuju kepada penghayatan cara hidup kebrnanean yang mendukung falsafah Melayu Islam Beraja.

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mempunyai adat istiadatnya yang tersendiri maka perayaan ini akan dimulakan dengan Majlis Membuka Gendang Jaga-Jaga dan juga akan ditutup dengan Majlis Penutup dan Doa Selamat sebagaimana menurut adat istiadat yang turun-temurun. Di samping itu acara-acara keagamaan juga akan diatur misalnya majlis redaruz selama 11 malam selain dari doa kesyukuran di semua masjid seluruh negara sebagai mendukung konsep perayaan itu sebagai satu kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala.

Insyaa-Allah, pelancaran penerbitan kitab suci Al-Quran yang dikenali sebagai 'Mushaf Brunei Darussalam' yang ditulis tangan oleh pakar tulisan khat akan juga dilakukan bersempena dengan sambutan Jubli Perak ini di samping pembukaan rasmi masjid wakaf baginda yang letaknya di Kampong Kiulap.

Dalam waktu yang sama Jawatankuasa Tertinggi juga bersetuju mengusahakan rancangan berbentuk kekal yang akan menjadi ristan dan kenangan seperti penubuhan sebuah 'Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkhiah' yang akan dikawal oleh sebuah badan. Yayasan ini merupakan satu amal jariah baginda yang berupa sumbangan dalam bentuk harta yang nanti dikembangkan dan membiayai perkara-perkara yang berkebakikan di bidang ilmu pengetahuan.

Sebuah Dewan Jubli juga akan dibina yang akan mempamerkan koleksi-koleksi tertentu baginda sejak pemerintahan baginda selama 25 tahun di mana di sekitar bangunan itu pula sebuah taman rekreasi akan dibina bagi kunjungan orang ramai dan para pelancong.

Apa pun bentuk rancangan yang kita akan adakan bagi memperingatkan Jubli Perak baginda menaiki takhta ini selayaknyalah mendapat sokongan dan dukungan sepenuhnya dari seluruh rakyat dan penduduk dan isi di dalamnya kerana penyertaan dan penglibatan orang ramai itu walau sekecil manapun ianya tetap mempunyai nilai bakti semata-mata jua bagi mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

# Masyarakat pengguna perlu bijak membuat pilihan — sabda

Bismillahir Rahmanir  
Rahim

Assalamualaikum  
Warahmatullahi  
Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala. Tuhan yang mencipta dan mentadbir alam semesta, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana dengan izin dan hidayat Allah Subhanahu Wataala maka kita dapat bersama-sama di perhimpunan yang berkebakikan ini, iaitu Majlis Perasmian 'Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar' anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Di kesempatan ini saya dengan ikhlas mengucapkan terima kasih kepada Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam kerana mengundang saya hadir di majlis ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 1992 kepada ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam dan juga badan dan pertubuhan wanita yang lainnya serta kepada kaum wanita di seluruh Negara Brunei Darussalam. Semoga tahun 1992 ini akan membawa lebih kejayaan dan kemajuan kepada kita semua dalam sama-sama membangun negara dan bangsa yang kita cintai ini.

Pada umumnya pengguna atau 'consumers' dewasa ini adalah begitu sofistikated dan mempunyai pilihan barang-barang pengguna yang begitu meluas. Ini disertai pula dengan kemajuan di bidang pengiklanan oleh pembuat dan pengedar barang-barang pengguna, dalam mana keberkesanan pengiklanan barangan melalui media cetak dan elektronik dengan mudah mempengaruhi dan menarik minat orang ramai untuk membeli atau menukar penggunaan dari satu jenama kepada satu jenama yang lain.

Keadaan ini secara tidak langsung telah merubah cara hidup orang ramai iaitu daripada penggunaan bahan-bahan asli kepada barang-barang alternatif dan semi-artificial atau separuh tiruan yang kurang berkhasiat.

Perubahan cara hidup ini adalah begitu ketara dan bergerak begitu cepat dikalangan masyarakat yang mempunyai taraf hidup yang tinggi seperti yang kita nikmati di Negara Brunei Darussalam.

Tidak kurang pula di dalam keghairahan pengguna atau orang ramai untuk mendapatkan barangan yang terbaru dan mempunyai reputasi, ada pihak yang mengambil kesempatan untuk membuat barang-barang tiruan yang renda mutunya daripada barangan asal bagi



SABDA Dull Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, di Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam pada 10 Januari, 1992.

tujuan untuk mendapatkan keuntungan tanpa memikirkan risikonya kepada pengguna dan masyarakat.

Di samping itu, ada sebilangan negara pengeluar barang-barang pengguna juga mengambil kesempatan menjadikan negara-negara yang sedang membangun sebagai tempat pembuangan atau 'dumping ground' barangan mereka yang mana boleh menjejaskan ekonomi negara-negara penerima.

Menyadari dengan permasalahan yang dihadapi, masyarakat pengguna khususnya pengguna di Negara Brunei Darussalam, perlu mempunyai kesedaran akan mustahaknya membuat pilihan bijaksana dan praktikal dalam mendapatkan barang-barang pengguna.

Yang penting sebarang pembelian barang pengguna hendaklah dibuat dengan teliti dan diselarasakan dengan keperluan mutlak pengguna sendiri. Sebagai contoh, masyarakat khususnya kaum ibu janganlah mudah terpengaruh dengan pengiklanan berbagai jenama susu kanak-kanak damit sehingga menggantikan penyusuan ibu dengan membeirikan susu tin kepada anak-anak damit mereka tanpa alasan yang munasabah untuk berbuat demikian.

Begitu juga orang ramai hendaklah jangan mudah terpengaruh di dalam membuat pilihan barang pengguna kepada jenama yang mahal. Pemilihan adalah perlu diselarasakan dengan keupayaan kewangan masing-masing dan menghindarkan pembaziran. Masyarakat juga perlu memahami bahawa barangan asal yang murah juga mempunyai mutu atau kualiti yang tinggi jika dibandingkan dengan jenama yang mahal.

Sehubungan dengan ini, sebagai pengguna, orang ramai mempunyai hak untuk diberikan pengetahuan daripada menjadi mangsa pengiklanan barang-barang pengguna dan juga perlindungan daripada

kepentingan pengguna-pengguna.

Satu lagi fenomena yang membimbangkan masyarakat masa kini ialah pencemaran alam sekitar yang telah menyebabkan lapisan ozon menjadi tipis dan suhu panas dunia telah meningkat akibat 'green house effect'.

Masalah yang dihadapi ini secara langsung mempunyai pertalian dengan tabiat pengguna. Ketidakecakapan pengguna tentang bahaya penggunaan dan pembuangan secara berleluasa barangan yang mengandungi bahan-bahan kimia dan racun telah menyebabkan pencemaran alam sekitar dan pemusnahan 'eco-system' yakni kehidupan di dalamnya.

Sungguhpun kita di Negara Brunei Darussalam adalah masih beruntung dalam mana tahap pencemaran alam sekitar belum lagi sampai ke peringkat yang membimbangkan dan begitu juga hutan tropika kita dan kehidupan dari dalamnya adalah masih terpelihara dan terhidar dari pemusnahan. Akan tetapi bagi memastikan khazanah yang berharga ini tidak tercemar dan tetap terpelihara, pihak pengguna perlu diberikan kesedaran yang menyeluruh akan permasalahannya mereka menghidangkan penggunaan barangan yang menyebabkan pencemaran alam sekitar dan pemusnahan 'eco-system'.

Adalah diharapkan "Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar" yang julung-julung kali diadakan ini akan menjadi langkah permulaan ke arah memberikan pendidikan kepada pengguna di Negara Brunei Darussalam mengenai hak dan peranan mereka sebagai pengguna dalam berbagai aspek. Di samping itu juga akan dapat memberikan kesedaran mengenai tanggungjawab mereka untuk menghindarkan pencemaran dan pemusnahan alam sekitar.

Dalam waktu yang sama perlu juga diingatkan, di tengah-tengah kesedaran mengenai hak pengguna, masyarakat di negara ini janganlah 'over reacted' dengan mengambil sesuatu keputusan secara terburu-buru.

Akhirnya dengan melafazkan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', saya sukacita merasmikan Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar ini.

Sekian, Wabilillah Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### PERHATIAN

NASKHAH salinan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1412 Hijrah yang masing-masing disiarkan pada keluaran Tahun 37 Bilangan 2, Rabu 8 Januari, 1992 dan Tahun 37 Bilangan 3, Rabu 15 Januari, 1992 hendaklah permulaannya dibaca dengan memasukkan perenggan seperti berikut:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassallatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa 'Alaa Aalihie Wasabihie Ajma'een, Wa Ba'Du bukannya, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, seperti yang telah tersiar.

Kesilapan yang terdapat di kedua-dua keluaran tersebut adalah sangat-sangat dikesal dan dipohonkan kepada pembaca supaya akan mengambil perhatian ke atas perbetulan yang disebutkan di atas. — PENYUNTING.

## "25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

# Negara perlukan rakyat berilmu pengetahuan

OLEH  
MOHD. SALLEH  
ABDUL LATIF

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, bagi mendukung dan memelihara perkembangan negara dalam segala bidang maka Negara Brunei Darussalam sangat-sangat berkehendakkan orang-orang yang berilmu pengetahuan dan pakar dalam segala bidang.

"Beta akan meneruskan cita-cita dan asas-asas yang telah diletakkan oleh paduka ayahanda beta dan seterusnya berseru kepada rakyat beta sekalian, khususnya penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah supaya menyedari akan proses kemajuan dan perkembangan negeri ini serta menanamkan semangat yang tidak kendur-kendurnya untuk mencapai ilmu pengetahuan yang tinggi," titah baginda di Majlis Pembukaan Rasmi Sambutan Nuzul Al-Quran yang ke-1, 400 tahun di Lagun Masjid Omar Ali Saifuddin pada 18 Disember, 1967.

Baginda menekankan sekiranya ramai rakyat di negara ini mempunyai kelulusan-kelulusan yang tinggi dan mempunyai akhlak yang mulia dan terpuji tentunya kita akan dapat berdiri di atas kaki kita sendiri.

Seminggu sebelum itu, iaitu pada 11 Disember, 1967 ketika merasmikan Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri di Dewan Kemasyarakatan, Bandar Seri Begawan, baginda bertitah bahawa kerajaan adalah bertujuan untuk memelihara kedudukan kewangan yang teguh di samping menumpukan hasil-hasil kepada kemajuan yang bermanfaat.

Di samping itu baginda juga bersyukur atas terkawalnya keamanan dan ketenteraman yang rakyat Brunei telah nikmati dan bebas dari kecacauan dalam negeri.

Baginda menyeru kepada ahli-ahli majlis supaya bersungguh-sungguh dan laila ikhlas dalam menjelaskan apa-apa jua rancangan kerajaan dalam usaha mening-

gikan taraf hidup yang laila sederhana ke arah kebajikan.

"Tanpa ilmu pengetahuan laila pengalaman, kejuruan, keikhlasan dan amanah, walau sebesar-besarnya usaha pun tiada ada kemungkinannya akan sebenarnya membuah niktat kebajikan laila bahagia," titah baginda sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 2 Januari, 1968.

Baginda mengingatkan bahawa di samping usaha-usaha kerajaan, rakyat sendiri hendaklah sedar akan tanggungjawab mereka terhadap kerajaan dan negara.

Usaha dan pengorbanan yang mementingkan kepentingan perseorangan yang tidak ambil endah terhadap kepentingan-kepentingan negara yang mempunyai isi di dalamnya adalah satu perkara yang tidak seharusnya elok diamalkan dan cara yang sedemikian janggan dipercayai, titah baginda lagi.

Baginda juga menyentuh tentang perkembangan agama Islam yang dilaksanakan dengan baiknya sebagai alat atau sistem untuk terus mencapai satu matlamat yang menjadikan Islam itu sebagai cara hidup yang lengkap dan penuh dengan niktat kebajikan bagi seluruh rakyat dan penduduk.

Sementara itu sempena menyambut kedatangan tahun 1968 yang disiarkan melalui Radio Brunei, baginda menegaskan betapa perlunya diteruskan Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan sejak akhir tahun 1962.

Baginda bertitah, melihat keadaan negara-negara tetangga, baginda berpendapat Undang-Undang Darurat itu perlu diteruskan demi untuk kepentingan keselamatan dan kemakmuran Negeri Brunei.

Di samping itu projek-projek ke arah kemakmuran negara adalah satu-satunya yang tertakluk kepada keadaan dan suasana yang aman tenteram dan bebas dari sebarang ancaman dan perbuatan yang mengacau-bilaukan sama ada dari dalam atau luar negeri.

"Oleh sebab itulah juga, kerajaan beta memikirkan

betapa perlunya Undang-Undang Darurat itu diteruskan sehingga satu masa yang benar-benar difikirkan pada menguatkannya tidak lagi diperlukan," titah baginda.

Baginda menegaskan hanya dengan perpaduan dari hasrat hati segala pihak, sama ada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan ataupun segala peringkat penduduk negeri ini maka segala usaha-usaha kebajikan itu akan dapat mencapai kesempurnaan dan berkesan yang akan tercatat menjadi sejarah negara.

### KURNIAKAN GELARAN


Pada 31 Januari, 1968 baginda telah berkenan mengurniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa kepada Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, ketika itu menjadi Kadi Besar Negeri Brunei. Pengurniaan gelaran ini dilakukan dalam satu istiadat menggelar di Balai Pemandangan Indera Kencana, Istana Darul Hana. Gelaran Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa itu adalah kepala bagi Menteri

Kemudian pada 1 Februari 1968, baginda berkenan mengurniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja kepada Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz yang ketika itu menjadi Mufti Kerajaan Negeri Brunei.

Pengurniaan gelaran itu adalah merupakan pengurniaan negara yang pertama diperkenankan oleh baginda sejak baginda menaiki takhta dalam bulan Oktober 1967.

Pada hari Jumaat, 16 Februari, 1968 baginda bertitah, pegawai-pegawai pentadbir adalah sebagai tulang belakang pada usaha bagi melaksanakan segala kebajikan negara ini.

Baginda bertitah demikian sewaktu merasmikan kursus bagi pegawai-pegawai pentadbir dan pegawai-pegawai kanan kerajaan di Dewan



Kemasyarakatan, Bandar Seri Begawan.

Kursus ini adalah mustahak kerana ianya dapat mengukuhkan hubungan bertulus mesra di antara peserta dalam melaksanakan usaha bagi perkembangan dan kemajuan negara di samping mempunyai asas tujuan untuk menambah dan membaharui lagi ilmu pengetahuan pegawai-pegawai bukan sahaja dalam segi hal ehwal pentadbiran malah meliputi beberapa aspek kehidupan yang penting untuk kebajikan negara.

Kursus itu juga akan dapat menanamkan lagi adat resam dan kanun negara, titah baginda, dan dapat mengulangkaji serta membaharui ilmu pengetahuan dan menambahkan dalam aspek pentadbiran dan perkara yang berkaitan dengannya.

### LATIHAN

Baginda bertitah bahawa tanpa laila kemurnian dan kesungguhan bagi mengikuti latihan dan ilmu pengetahuan dan jika hanya akan diketahuhi dan diamalkan oleh sebahagian daripada pegawai-pegawai kepada pegawai-pegawai yang laila menyumbangkan akan tenaga dan akal laila fikirannya dalam keadaan yang gelap yang mana sudah tentu akan mendatangkan satu dari jenis kepincangan.

Kepincangan seperti ini, titah baginda, tidak mendatangkan manfaat dan bukanlah satu cara atau langkah yang

harus boleh diamalkan malah adalah kurang dan tidak munasabah menjadi anutan kerajaan satu-satu negara khususnya dan rakyat penduduk negara ini umumnya.

Jika ketika itu kursus untuk pegawai dan kakitangan kerajaan diadakan hanya dapat dihitung dengan jari dalam tempoh lima tahun setelah baginda menaiki takhta tapi sekarang kursus-kursus itu begitu meningkat yang diberikan kepada semua peringkat kakitangan kerajaan baik di peringkat tinggi mahupun peringkat rendah dengan tertubuhnya Unit Latihan, Pejabat Perjawatan.

Unit Latihan, Pejabat Perjawatan ditubuhkan pada 1 Januari 1977 iaitu sembilan tahun setelah baginda menaiki takhta. Antara lain tujuan penubuhannya ialah bagi memupuk nilai-nilai dan prinsip-prinsip bersih, cekap, jujur dan penuh amanah dalam perkhidmatan awam; membentuk langkah-langkah progresif dan sikap positif pada jiwa setiap pegawai/kakitangan awam dalam melaksanakan peranan mereka sebagai ejen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mempertingkatkan dan mendalami ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman pegawai-pegawai di bahagian pentadbiran dan profesional

dalam perkhidmatan awam terutama sekali dalam usaha merancang dan melaksanakan projek-projek dan dasar-dasar kerajaan.

Kemudian pada tahun 1984, ianya bertanggungjawab dalam dua perkara utama. Pertama, memberi nasihat kepada jabatan-jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kursus-kursus di sebarang laut dan mentadbirkan hal-hal yang berkaitan dengan tanggungjawab ini.

Kedua, memberi bantuan secara langsung dengan mengadakan kursus-kursus, bagi kakitangan-kakitangan rendah yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai latihan di samping mengadakan kursus-kursus yang dikendalikan oleh pakar-pakar perunding sebarang laut.

Pada masa ini, Unit Latihan, Pejabat Perjawatan telah menawarkan kira-kira 50 jenis dan seminar tempatan setiap tahun kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat perkhidmatan awam.

Suatu pencapaian yang agak baik semata-mata juga bagi memenuhi hasrat baginda untuk membentuk suatu perkhidmatan awam yang jujur, amanah, bertanggungjawab dan berilmu pengetahuan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien Ibn Talal berbuli mesra sejurus berangkat tiba di Istana Edinburgh, istana persemayaman Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien di sepanjang keberangkatan lawatan baginda (atas). Sementara gambar bawah baginda dan Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien dijunjung berangkat masuk ke Istana Edinburgh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan ketika berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien Ibn Talal, Raja Jordan.

## LAWATAN MUHIBAH DYMM RAJA JORDAN

Liputan oleh  
Abd. Karim HAB  
Gambar-gambar oleh  
Hj. Sharbini Taha,  
Halim HS, Pg. Bahar PHO  
Pg. Hj. Abu Bakar  
PHO dan Harun Rashid

BERAKAS, 19 Januari. —  
Duli Yang Maha Mulia Raja  
Hussien Ibn Talal, Raja Jordan  
berangkat tiba hari ini  
bagi lawatan muhibah.

Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
telah berkenan berangkat ke  
Lapangan Terbang Antarabangsa  
Brunei bagi mengalu-alukan keber-  
angkatan tiba baginda.

Berangkat sama ialah Duli  
Yang Teramat Mulia Paduka  
Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Haji Mohamed  
Bolkiah, Menteri Hal  
Ehwal Luar Negeri dan Duli  
Yang Teramat Mulia Paduka  
Seri Pengiran Digadong  
Sahibul Mal Pengiran Muda  
Haji Jefri Bolkiah, Menteri  
Kewangan.

Sejurus pesawat khas yang  
membawa Duli Yang Maha  
Mulia Raja Hussien selamat  
mendarat, baginda dijunjung  
turun oleh Grand Chamberlain,  
Yang Amat Mulia  
Pengiran Lela Cheteria  
Sahibun Najabah Pengiran  
Anak Haji Abdul Aziz dan  
seterusnya dialu-alukan oleh  
Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
dan kedua adinda baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien kepada ahli-ahli rombongan baginda (gambar atas dan bawah).



DULI Yang Maha Mulia Raja Hussien Ibn Talal, Raja Jordan dijunjungperkenalkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria sejurus keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## Bersopan santun jadi budaya kerja dalam perkhidmatan awam

MENTIRI, 14 Januari. — Kursus Bersopan Santun anjuran Jabatan Perdana Menteri dan Unit Latihan Pejabat Perjawatan yang diadakan selama dua hari di Kelab Perkhidmatan Awam. Menteri berakhir hari ini dengan meninggalkan beberapa pengetahuan yang sangat berkesan untuk dijadikan panduan ke arah mengamalkan sopan santun itu menjadi budaya kerja dalam perkhidmatan awam.

Pegawai dan kakitangan kerajaan yang menyertainya berpendapat kursus ini banyak memberikan pengetahuan

Oleh  
Dk. Fatimah PHMN

betapa mustahaknya bersopan santun itu diuji dalam diri setiap pemimpin, pegawai dan kakitangan yang menyertai Perkhidmatan Awam. Dengan maksud mengamalkan bersopan santun itu menjadikan satu budaya kerja.

Lanya dihadiri oleh Timbalan Pengarah Perjawatan, Dato Paduka Awang Abdul Aziz bin Mohammad serta pegawai-pegawai kanan di Jabatan Perdana Menteri dan beberapa orang peserta.

Di hari pertama para peserta diberikan ceramah bersopan santun, yang disampaikan oleh Pengarah Institut Kemahiran dan Keusahawanan Negeri Johor Malaysia, Encik Zubir Harun bertajuk 'Mewujudkan Budaya Bersopan Santun Sebagai Cara Untuk Meningkatkan Kualiti dan Produktiviti Kakitangan.'

Beliau berkata sebagai kakitangan kerajaan, adalah menjadi perhubungan di antara kerajaan dengan orang awam dapat membuat timbangan tentang hasrat dan kecekapan jentera pentadbiran kerajaan. Di dalam konteks ini katanya orang awam atau pelanggan akan mengukur sejauh mana anda mengamalkan cogas kata 'Bersopan Santun Budaya Kerja'.

Ini diikuti dengan ceramah mengenai terasul dan adat istiadat yang disampaikan oleh Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof yang menekankan betapa pentingnya kita mempertahankan cara-cara hidup seharian orang-orang Brunei yang kaya

dengan bersopan santun dan adat istiadat yang perlu ditanamkan di setiap pegawai dan kakitangan kerajaan.

Mereka juga mendengar ceramah 'Bersopan Santun Dalam Islam,' oleh pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. Beliau menegaskan sebagai sebuah negara yang mengamalkan Melayu Islam Beraja adalah wajar segala aktiviti yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam berteraskan nilai-nilai dan ajaran-ajaran Islam.

Ceramah-ceramah mengenai konsep sopan santun dalam perkhidmatan awam, peranan tanggungjawab pegawai dan kakitangan terhadap perhubungan awam (sopan santun) yang juga disampaikan oleh Encik Zubir Harun.

Para peserta juga diberikan tujuh kumpulan mengikuti kesesuaian dari segi peranan dan tugas masing-masing bagi membincangkan bagaimana menanamkan sikap bersopan santun dalam perkhidmatan awam kepada pegawai dan kakitangan kerajaan atau swasta. Segala idea dan cadangan oleh ahli-ahli kumpulan telah dibentangkan oleh ketua kumpulan.

Antara lain objektif kursus ini ialah mengasah dan mempertahankan cara-cara hidup seharian orang-orang Brunei yang penuh bersopan santun; memberikan perkhidmatan dan layanan yang sempurna, berbudhi bahasa dan hormat-menghormati sama ada dalam perkhidmatan awam atau swasta; mewujudkan pentadbiran yang mengamalkan sikap cekap, berkesan, jujur dan penuh amanah; Mempertingkatkan perhubungan pegawai-pegawai kerajaan dengan orang ramai; dan meningkatkan imej Negara Brunei Darussalam.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin telah menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang menyertai Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam. Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

## Negara sentiasa peka tentang tahap pencemaran

BERAKAS, 12 Januari. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka tentang keperluan untuk mengekalkan supaya tahap pencemaran di negara ini tidak meningkat ke paras yang paling buruk.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin berkata walaupun negara ini masih bernasib baik bahawa pencemaran itu belum lagi sampai ke tahap seperti yang dialami oleh negara-negara membangun khususnya negara-negara perindustrian tetapi negara ini memertingkatkan industri-industri yang tidak menimbulkan risiko pencemaran.

Beliau menegaskan

Oleh  
Dk. Fatimah PHMN

demikian di majlis penyampaian sijil kepada para peserta Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam bertempat di Stadium Negara Hassanah Bolkihah di sini.

Di samping itu, Dato Paduka berharap agar pihak-pihak berkuasa seperti Kementerian Pembangunan, Jabatan Lembaga Bandaran, Jabatan Daerah dan lain-lain agensi kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang tertentu untuk membendung pencemaran itu di negara ini.

"Apa yang diharapkan ialah kerjasama pihak orang ramai supaya meningkatkan

lagi kesedaran dan usaha-usaha di dalam mengatasi masalah pencemaran alam sekitar," jelas Dato Paduka lagi.

Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam di dalam menyedari akan keperluan alam sekitar yang bersih dan selesa untuk kehidupan manusia adalah sangat-sangat dihargai dan dialu-alukan.

Beliau juga menyeru kaum wanita sebagai pembangun keluarga adalah pembimbing dan pembina kemahiran di dalam bidang 'consumerism' di kalangan ahli keluarga mereka, khususnya dalam membimbing anak-anak mereka berjinat cermat, mendidik cara berbelanja di dalam membeli barang-barang yang berfaedah serta

mengelakkan pembelian kemudatan, baik dari segi fizikal mahupun pemikiran.

Aturcara pada malam itu diteruskan dengan majlis penyampaian sijil kepada hampir dua ratus peserta yang mewakili jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan belia dan persatuan wanita yang bergabung dengan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Seminar yang bermula pada 10 Januari lalu telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Antara lain seminar itu dihasratkan untuk meningkatkan kebimbangan-kebimbangan yang utama terhadap pencemaran industri, sisa-sisa buangan industri dan perubahan cuaca. Masalah alam sekitar perlu diatasi untuk menuju ke arah pembangunan yang berkekalan dalam tahun 90-an.



PERJANJIAN Perhubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Senegal telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap negara kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York pada 25 November, 1991. Gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Jaya bin Abdul Latif, wakil tetap Negara Brunei Darussalam ke pertubuhan tersebut mewakili negara kita, sementara Senegal pula diwakili oleh Tuan Yang Terutama Madam Absa Calude Diallo, Wakil Tetap Senegal ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



TIMBALAN Pengarah Perjawatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dan pegawai-pegawai kanan kerajaan ketika mendengar ceramah Mewujudkan Budaya Bersopan Santun Sebagai Cara Untuk Mewujudkan Produktiviti dan Kualiti Kakitangan yang disampaikan oleh Pengarah Institut Kemahiran dan Keusahawanan Sakudai Negeri Johor, Awang Zubir Harun. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . Siri ke-623**

**MASALAH TALAK DENGAN NIAT DAN TIADA DENGAN LAFAZ, BILA MULA PUASA ENAM, ZAKAT HARTA EMAS DAN PERAK, SELALU QADA SEMBAHYANG SUBUH DAN PUASA ENAM SERTA QADA.**



YANG Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufli Kerajaan.



**Bahagian Keenam**

**Soal :** Adakah jatuh talak jika suami berkata-kata di dalam hatinya seperti, "Kutalak engkau" tetapi tidak dilafazkan dari mulutnya sendiri.

**Jawab :** Jatuh talak isteri dengan dilafazkan dan tiada jatuh talak isteri dengan niat dalam sahaja. Sayugia dijauhi menyebut talak isteri, ketika berbangkit sesuatu di antara suami isteri kerana ia akan membawa berbagai-bagai masalah dan kacau-bilau hidup rumah tangga. Sebagaimana berlaku kepada suami yang lekas radang dengan menyebut talak itu.

**Soal :** Mengenai Puasa Enam, adakah mesti dimulai pada 2 Syawal ataupun bila-bila masa dari bulan Syawal itu?

**Jawab :** Sunat Puasa Enam dalam mana-mana hari dari bulan Syawal lepas hari pertama dari Hari Raya Puasa itu.

**Soal :** Bagaimana caranya untuk mengeluarkan zakat perniagaan seperti terdiri dari emas dan perak?

**Jawab :** Jika seseorang ada berniaga emas atau perak, maka ia hargakan dan nilaikan emas atau perak yang ia miliknya itu, dengan wang Brunei umpamanya, jika ada nilainya atau harganya lapan puluh enam ringgit dua puluh lapan Brunei, maka ia keluarkan zakatnya dua setengah peratus, dan nilai yang lebih dikira mengikut kadarnya seperti seratus ringgit Brunei maka ia bayar zakatnya dua ringgit setengah Brunei dan seribu ringgit Brunei maka ia bayar zakatnya dua puluh lima ringgit Brunei. Begitulah seterusnya ia kira dan ia bayar zakatnya kepada amil atau kepada pejabat zakat negeri atau negara atau daerah. Ia nilaikan emas perak itu pada akhir haul tahun iaitu sudah setahun Hijrah.

**Soal :** Adakah pahala akan berkurangan, jika kita selalu mengqada sembahyang terutama sembahyang Subuh?

**Jawab :** Jika kiranya seseorang cuai atau melampau, tiada hiraukan sembahyang fardu, kemudian apabila sudah keluar waktu sembahyang fardu itu, baharu hendak mendirikan sembahyang fardu yang luput itu maka orang itu orang fasiq, tiada sah ia jadi wali nikah dan saksi dan orang itu telah melakukan dosa besar bertempat neraka. Bagaimana firman Allah Taala dalam Surah Al-Maa'uun yang tafsirnya :

"Celaka dan azab dan binasa ke atas orang-orang yang sembahyang yang mereka lupa akan sembahyang mereka dengan mengeluarkan sembahyang fardu dari waktunya."

Dari itu wajib orang itu tidur segera supaya dapat ia sembahyang Subuh dalam waktunya sebelum mata-hari terbit dan hendaklah sembahyang di awal-awal waktu apabila telah masuk waktu sembahyang fardu.

Ini banyak berlaku dalam majlis-majlis kahwin, majlis agama dan bukan agama, majlis tahlil dan dalam perayaan-perayaan am atau khas.

Hendaklah kita buang perangai mengabai-abaiakan waktu sembahyang itu saya ada di Pakistan dan di Mekah dan di Jeddah, maka orang-orang berniaga dan orang ramai pergi ke masjid apabila masuk waktu sembahyang dan di hotel-hotel juga sembahyang di awal waktu dan ada tempat sembahyang disediakan dan orang-orang bergegas mengemaskan tempat-tempat sembahyang di hotel-hotel apabila azan dilayangkan.

Sayugia ditinggalkan berjaga malam dengan melihat televisyen dan berbual dan berhibur dengan per-

kara sia-sia supaya dapat sembahyang dalam waktu.

Makan malam dengan sederhana, supaya ringan badan bangun pagi-pagi menunaikan Subuh.

Sentiasa utatkan azam hendak sembahyang Subuh dalam waktunya. Wallahu a'alam.

**Soal :** Bagaimana kita berniat jika kita Berpuasa Enam kita sertakan dengan niat qada?

**Jawab :** Puasa qada itu wajib ditunaikan dengan segera kiranya ditinggalkan Puasa Ramadan itu dengan tiada apa-apa uzur.

Hendaklah dibuat puasa qada lebih dahulu, kemudian apabila sudah selesai hari-hari, puasa qada itu, barulah dia Puasa Enam, jika kiranya bulan Syawal sudah selesai dan timbul bulan Zulkaedah maka boleh qada Puasa Enam itu dalam bulan Zulkaedah itu.

Jangan buat perkara sunat padahal perkara wajib dan fardu diabaikan, orang macam itu orang jahat derhaka kepada Allah dan dia orang fasiq dan berbuat dosa besar.

WALLAHU A'ALAM  
(Bersambung)

**Al-Quran sebagai pedoman hidup**

**A**L-QURAN diturunkan adalah untuk menjadi petunjuk ke arah jalan yang diredai Allah dan untuk memperbaiki keadaan umat manusia, serta memimpin mereka itu ke pintu kejayaan di dunia dan di akhirat.

Firman Allah dalam Surah Al-Maaidah sebahagian ayat 15 dan 18 yang bermaksud :

"*Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah dan kitab yang menerangkan, dengan kitab inilah Allah menunjukkan orang-orang yang mengikut keredaan-Nya ke jalan keselamatan dan dengan kitab itu pula mengeluarkan orang-orang itu dari gelap-gelita kepada cahaya yang terang-benderang dengan izin-Nya dan menuntun ke jalan yang lurus.*"

**Al-Quran Sebagai Undang-Undang Kehidupan**

Al-Quran adalah perlembagaan dan undang-undang yang tertinggi dalam hidup setiap Muslim. Maka yang demikian setiap Muslim haruslah selalu memperhatikan dan menganalisa apa

yang diturunkan Allah kepada hamba-Nya.

Dalam hubungan ini Allah telah melarang umat Islam untuk mengikut dan mentaati peraturan-peraturan atau undang-undang yang dibuat oleh manusia, jika iaanya bertentangan atau berlawanan dengan ketetapan Allah, sebagaimana yang telah sedia terdusun dan teratur dalam kitabnya yang mulia itu.

Di dalam Al-Quran, Allah telah memberi peringatan agar manusia jangan sampai terpengaruh kepada kenikmatan hidup yang mempersonakan di dunia ini. Sebaliknya Allah telah sedia memperingatkan betapa kenikmatan hidup di akhirat bagi orang-orang yang berbuat kebajikan di dunia, iaitu sesuatu kehidupan yang penuh dengan kasih sayang, keamanan dan keredaan Ilahi

**Menuju Keredaan Allah**  
KELOLAAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

yang menjadi impian bagi setiap manusia yang beriman dan beramal salih.

Dalam menghadapi kehidupan di dunia ini terdapat tiga macam pandangan hidup di kalangan kaum Muslimin.

1. Yang menjadikan dunia ini sebagai tujuan hidup semata-mata. Mereka hanya memikirkan hidup di dunia ini seolah-olah untuk mencari kekayaan, kemegahan, kekuasaan dan kesenangan sahaja. Hidupnya hanyalah semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu

tanpa mengira akan cara dan gaya mereka melakukannya.

2. Yang menjadikan dunia ini sebagai jambatan hidup. Mereka menerima kesenangan dan kenikmatan dunia ini tetapi hanya sekadar perlunya sahaja, supaya fikiran tenang, kedudukan teguh, dan jasmani sihat untuk berbakti kepada Allah dan berbuat kebaikan terhadap sesama manusia, tujuan utama mereka ialah kenikmatan kehidupan yang kekal abadi.

3. Yang menjadikan dunia ini sebagai penjara hidup. Mereka ini adalah golongan yang tidak mahu tahu dengan nikmat yang ada di dunia ini. Kesemua hidupnya ditumpukan hanya untuk berbakti dan beramal, sehingga tidak ada masa untuk bergaul dengan anak isteri dan masyarakat di sekelilingnya, padahal

kehidupan mereka sendiri adalah susah dan merana.

Dari ketiga-tiga sikap hidup di atas maka seseorang mukmin sejati akan memilih cara yang kedua, iaitu menjadikan dunia ini sebagai jambatan hidup, di mana kegiatan hidupnya ditetapkan untuk menjadi bekal hidup di akhirat sebagaimana yang digariskan oleh Al-Quran. Firman Allah dalam Surah Al-Qisas yang bermaksud :

"*Carilah dengan (kekayaan) yang diberikan Tuhan kepada engkau kebaghayaan hidup di akhirat, dan jangan engkau lupakan bahagian engkau di dunia ini. Perbuatlah kebaikan-kebaikan sebagaimana Tuhan telah berbuat kebaikan kepada engkau, dan janganlah engkau membuat bencana di muka bumi ini.*"

**Kenikmatan Dunia Yang Hanya Sementara**

Seseorang Islam yang benar-benar mukmin, tidak akan terpesona melihat kepada kemewahan dan kenikmatan hidup di dunia ini. Kerana mereka dapat melihat dengan mata hati mereka, di mana kemewah-

an dan kenikmatan itu akan hilang dan lenyap. Dia juga faham bahawa orang-orang yang hidup hanya mengejar kekayaan dengan tujuan untuk mencapai kenikmatan hidup di dunia seringkali pada akhir hidupnya akan mengalami penderitaan, di mana apa yang dikejanya itu tidak akan memberikan jaminan kepada kehidupan mereka di akhirat kelak.

Agama Islam memberikan satu pegangan supaya manusia menjaga keseimbangan antara kepentingan hidup duniawi dengan kepentingan hidup ukhrawi, di mana jelas ditekankan kepada persiapan-persiapan untuk hidup ukhrawi dengan tidak mempersesatkan diri kepada kenikmatan hidup duniawi semata-mata. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Waallam yang bermaksud :

"*Beramallah untuk kenikmatan hidup di dunia ini seolah-olah engkau akan hidup di dunia ini selamanya, dan beramallah untuk (kepentingan dan persiapan) hidup di akhirat seakan-akan engkau akan mati di esok hari.*"

**SESEORANG Islam yang benar-benar mukmin, tidak akan terpesona melihat kepada kemewahan dan kenikmatan hidup di dunia ini. Kerana mereka dapat melihat dengan mata hati mereka, di mana kemewahan dan kenikmatan itu akan hilang dan lenyap.**

# MEREKA YANG BERTINDAK MENGIKUT KEPERLUAN MASA SELAMAT, ORANG YANG LALAI BERTANGGUH RUGI

**M**ARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya. Pada hari ini kita memasuki ruang baru atau lembaran baharu bagi tahun 1992.

Apabila kita menyambut tahun baru bukan artinya kita hendak membesar-besarkan atau merayakan kedatangan tahun Masihi itu. Kita di sini hendak menjadikan bilangan tahun itu yang telah berubah satu angka 91 kepada dua 92.

Sebagaimana biasa pada mula-mulanya pertambahan itu dari satu kepada dua akan mengingatkan kita kepada banyak perkara yang telah lalu terutama yang terlepas tidak dapat diselesaikan atau tidak boleh diambil semula.

Dan mengingatkan kita kepada banyak perkara yang akan datang setahun ini yang pada setengah kita tentulah mempunyai azam dan niat masing-masing untuk melakukan apa yang tidak dapat dilakukan setahun dahulu.

Perkara ini adalah perkara biasa bagi manusia. Tetapi seperti biasa juga masa itu tidak ia menanti atau memanggil kita kalau kita lupa, tidak akan berhenti sesaat untuk membenarkan kita sempat melompat ke dalam ruang perjalanannya.

Maka baringsiapa yang dapat mengira masa dan bertindak mengikut keperluan dan perjalanan masa itu ia akan selamat sedangkan orang yang lalai dan selalu bertangguh itu akan rugi. Ini hukum Allah Taala.

Contoh yang paling senang dan dekat ialah sembahyang. Allah Taala memerintahkan kita sembahyang tunai pada waktunya, wajib pada lima waktu. Jikalau kita ingat dan menjalankan suruhan itu pada waktunya, kita akan selamat.

Sebaliknya jikalau malas atau terlupa dengan sendirinya kita akan terpaksa menggada dan dianggap berhutang.

Dalam dunia moden ini, masa adalah sangat mustahak. Pengiraan masa bagi semua orang dan semua urusan memerlukan ketepatan. Jikalau tidak maka banyak perkara akan terbengkalai dan menghadapi risiko-risiko yang menyulitkan. Untuk itu manusia telah mereka berbagai-bagai rekaan untuk menolong manusia mengetahui masa dan menetapkan

rancangan-rancangan mengikut masa.

Kemajuan dunia sains tidak putus-putus mengeluarkan rekaan memudahkan manusia menghadapi masa, komputer-komputer, mesin-mesin jam malah buku-buku peringatan berbagai-bagai dijual untuk tujuan mengatur masa manusia.

Bagi kita umat Islam, masa dan pengaturan masa pun tidak kurang mustahaknya kerana kita mempunyai kewajiban terhadap Allah, terhadap orang lain dalam masyarakat dan terhadap diri.

Perancangan Allah yang diaturkan Allah kepada manusia adalah sangat teliti dengan pertolongan para malaikat yang mengawasi setiap gerak manusia itu pada setiap waktu.

Para malaikat kemudian pergi mengadap Allah membuat laporan tentang apa-apa jua tingkah laku manusia. Tidak ada sesuatu yang nampak atau yang tidak nampak akan terkeluar daripada laporan itu dan semuanya akan ada di dalam ilmu dan pengetahuan Allah Taala untuk disimpan di dalam buku catatan masing-masing yang kemudian akan dibuka seluruhnya di hadapan Allah pada Hari Kiamat.

Menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, pada tiap-tiap hari para

sembahyang dan kami datang pula pada waktu mereka sembahyang."

Ertinya para malaikat itu membuat laporan kepada Allah semata-mata untuk membuat penegasan sahaja sedangkan Allah telah lebih maklum akan perbuatan hamba-hamba-Nya.

Dan ertinya pula, jikalau para hamba itu tidak sembahyang atau berbuat apa-apa jua yang salah pada waktu para malaikat itu datang atau naik ke langit nescaya laporan itu pula akan menjadi sebaliknya iaitu para malaikat akan memberitahu Allah apa jua yang dibuat oleh seseorang itu, tidak lebih dan tidak kurang. Semuanya sekali dipaparkan.

Sesudah itu buku-buku laporan setiap manusia itu akan dibawa naik ke langit pula dua kali pada tiap-tiap minggu iaitu pada hari Isnin dan pada hari Khamis untuk diperhatikan (review) semula.

Segala amal manusia yang dibuatnya pada hari Selasa, Rabu dan Khamis diperhatikan/dikaji pada hari Khamis itu sedangkan amal yang dibuat pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan Isnin diperhatikan dan dikaji pada hari Isnin.

Sebab itulah disunatkan kita berpuasa pada hari Isnin dan hari Khamis iaitu hari laporan amal manusia

diperiksa dan dikaji oleh Allah.

Mudah-mudahan dengan sebab berpuasa itu mana-mana amal yang salah, mana-mana perbuatan yang terlanjur atau mana-mana isi kandungan laporan itu yang agak 'rucih' akan menjadi bersih dan putih dan kurangnya kesalahan kita pada pandangan Allah di waktu pemeriksaan itu dan memudahkan Allah Taala mengira laporan itu kerana pemeriksaan pada hari Isnin dan hari Khamis itu merupakan pemeriksaan yang teliti dan rumit satu persatu.

Di samping itu, ada lagi waktu pemeriksaan tahunan yang merupakan pemeriksaan secara am sahaja iaitu pada malam Nifsu Syaaban (malam 15 Syaaban) sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Imam Ahmad bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya oleh para sahabat mengapa Baginda sangat banyak berpuasa di bulan Syaaban. Sabda Baginda yang ertinya :

"Bahawa bulan Syaaban itu ialah bulan yang diangkat amal manusia di dalamnya, maka saya suka amal saya diangkatkan untuk diperiksa sewaktu saya berpuasa."

Diriwayatkan juga, amal manusia akan dinaikkan ke langit pada malam Lailatul-qadar.



Demikianlah Allah Taala melalui nabi-Nya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerangkan perihal perkiraan Allah tentang amal manusia pada setiap waktu, teliti dan penuh perhatian, tidak mungkin akan tinggal suatu pun daripada perkiraan itu sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 284 yang tafsirnya :

"Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan semoga kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian ia mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendakinya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa di atas tiap-tiap sesuatu."

Maka supaya kita sentiasa mendapati diri kita dalam perhitungan yang baik daripada Allah, laporan para malaikat mengenai

diri kita kepada Allah pada waktu siang dan pada waktu malam berjalan baik tidak menghadapi kesulitan di waktu menghadapi pemeriksaan Allah, kita hendaklah menjaga masa, memerhatikan jadual waktu yang telah disusun oleh Allah kepada kita, memerhatikan setiap arahan yang mesti dibuat atau yang mesti dijaui.

Elok kita memerhati dan mengira sendiri, membuat perhitungan terlebih awal sebelum kita dikira dan diperhitungkan kerana pada waktu buku-buku laporan dibuka pada hari penghabisan tidaklah lagi ada apa perubahan terhadapnya dapat dilakukan atau dipohonkan untuk diadakan perubahan.

Pada masa kita hidup, bernafas dan berdaya inilah masanya kita membuat perubahan, memperbaiki, menghapus mana yang salah, membersihkan mana yang kotor iaitu semua yang berkenaan dengan umur kita, harta benda kita, tubuh badan kita dan akal serta ilmu pengetahuan kita.

Pendeknya semua perilaku hidup manusia itu hendaklah selalu dikaji, diperhatikan dan diperbaiki selagi ada masa berbuat demikian.

**PADA masa kita hidup, bernafas dan berdaya inilah masanya kita membuat perubahan, memperbaiki, menghapus mana yang salah, membersihkan mana yang kotor iaitu semua yang berkenaan dengan umur kita, harta benda kita, tubuh badan kita dan akal serta ilmu pengetahuan kita.**

malaikat akan turun silih berganti pada waktu siang iaitu waktu asar dan pada waktu malam iaitu waktu Subuh sebagaimana sabda Baginda yang ertinya :

"Para malaikat datang berganti menjaga kamu pada waktu malam dan malaikat pada waktu siang dan mereka itu bertemu pada waktu sembahyang Subuh dan sembahyang Asar. Kemudian para malaikat yang menjaga bermalam dengan kamu akan naik ke langit (membuat laporan) maka Allah Taala akan bertanya kepada mereka, sedangkan Allah terlebih tahu akan hal mereka itu. Bagaimana hamba-hamba-Ku pada waktu kamu tinggalkan mereka? Para malaikat akan menjawab, kami meninggalkan mereka pada waktu mereka itu sedang

## وقت سمیع ، امساک دان مہاری تربیت

وقت ۲ سمیع امساک دان مہاری تربیت باکی دائره برونی دان موارا مولای دري هاري رابو، 17 رجب، 1412 برسمان 22 جینواری، 1992 هیگک کهاری ثلاث، 23 رجب، 1412 برسمان 28 جینواری، 1992 اداله سفرت دباوه این :-

هاریبول	ظہر		عصر		مغرب		عشاء		امساک		مہاری تربیت		هاریبول
	برمولا	براخیر	برمولا	براخیر	برمولا	براخیر	برمولا	براخیر	برمولا	براخیر	صبح	ترتیب	
رجب	12.33	3.54	3.55	6.28	6.29	7.41	7.42	5.13	5.14	5.04	6.35	6.35	17
	12.33	3.54	3.55	6.28	6.29	7.41	7.42	5.13	5.14	5.04	6.35	6.35	18
	12.34	3.54	3.55	6.28	6.29	7.41	7.42	5.13	5.14	5.05	6.35	6.35	19
	12.34	3.55	3.56	6.29	6.30	7.41	7.42	5.14	5.15	5.05	6.35	6.35	20
	12.34	3.55	3.56	6.29	6.30	7.42	7.43	5.14	5.15	5.05	6.35	6.35	21
	12.34	3.55	3.56	6.29	6.30	7.42	7.43	5.14	5.15	5.05	6.35	6.35	22
	12.35	3.55	3.56	6.30	6.31	7.42	7.43	5.15	5.16	5.06	6.36	6.36	23

وقت سمیع دان امساک باکی دائره بلایت هندقله دتمبه تنگ مینیت دان دائره توتوؤ هندقله دتمبه ساتو مینیت متکالا باکی دائره تمبوؤ هندقله دکورگن ساتو مینیت تیف ۲ وقت. سمیع فرض جمعة دسلوروه نکارا برونی دارالسلام دمولاوی داری فوکل 12.45 تہاری.



# DYTM PENGIRAN BERANGKAT RASMIKE PENDIDIKAN PENGGUNA PEMELIHARAAN ALAM

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat merasmikan Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dengan diiringi oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini telah dijunjung oleh Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali serta ahli-ahli jawatankuasa majlis itu.

Dalam sabda, Duli Yang Teramat Mulia antara lain berharap agar seminar ini akan menjadi langkah kepada pihak pengguna Negara Brunei Darussalam mengenai hak dan peranan mereka sebagai pengguna dalam berbagai aspek, di samping mereka dapat memberikan kesedaran mengenai tanggungjawab

mereka untuk pemusnahan

Duli Yang Teramat Mulia menyakikan sebab-sebab untuk menghidupkan makanan.

Hampir dua jabatan beraja satuannya di Negara Brunei diadakan semalam.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menyaksikan pameran yang menekankan alam sekitar—peranan masyarakat dalam pemeliharaan dan bagaimana mengambil langkah untuk mengurangkan kepupusan dan kemusnahan sumber semulajadi sempena Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam berkenan menyabdakan sesuatu ketika menyaksikan pameran mengenai keselamatan makanan anjuran Makmal Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan salah sebuah agensi kerajaan yang menyertai pameran.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berdiri tegak semasa lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.



PUAN Foo Galk Sim, konsultan dari Pertubuhan Kesatuan Pengguna Antarabangsa ketika menyebarkan ucapan kepada didikan pengguna dan pemeliharaan alam sekitar (kiri) manakala gambar atas sebahagian daripada para jamputan majlis tersebut.

## MELAHIRKAN BELIA BERDIKARI



SKIM Latihan dan Kemajuan Belia yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan merupakan satu langkah pemeduliaan kepada belia dan beliawanis yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran akademik mereka ke tahap yang lebih tinggi disebabkan perkara-perkara yang tertentu. Pemeduliaan itu wajar diberikan kerana mereka adalah warga masa depan negara.

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

### ANTARA KANDUNGAN

- Pat-Fat Gulambir — muka 12
- Nya Nini — Daun Jeruju — muka 6
- Kajian Semantik dan Keberkesanan Dalam Drama Radio 'Takut' — muka 3
- Soalan Di Udara — muka 6
- Cerpen — Pangkal Hujung Penuntut — muka 4 & 5
- Rancangan Radio & TV — muka 8 & 9

## Rencana



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Setiausaha Tetap di Kementerian Kemajuan Belia.

“PEMUDA harapan bangsa, pemu- di tiang negara” dan “Belia hari ini bakal pemimpin hari esok” merupakan moto belia dan beliawanis dalam usaha untuk mengejar kejayaan.

Moto ini sentiasa ada di sanubari para belia yang berdedikasi dan dianggap sebagai perangsang di dalam apa jua bidang pekerjaan.

Sikap pemeduliaan dan kepekaan yang ditunjukkan oleh pihak-pihak tertentu terhadap belia dan beliawanis yang tidak bekerja dan sebagainya berperanan dalam mengubah sikap mereka untuk menjadi belia yang bertanggungjawab baik terhadap diri sendiri, keluarga, bangsa, negara dan agama.

Dalam hal ini usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, salah satu contoh baru-baru ini, telah memperkenalkan Skim Latihan dan Kemajuan Belia adalah merupakan satu langkah pemeduliaan kepada para belia yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran akademik ke tahap yang lebih tinggi disebabkan oleh perkara-perkara yang tertentu.

Skim Latihan dan Kemajuan Belia adalah skim lepas sekolah bagi belia dan beliawanis yang ingin berdikari, menentukan masa depan mereka.

Ia akan dilaksanakan secara evolusi dan berpe-

ringkat-peringkat menurut keupayaan dan kemudahan-kemudahan yang ada dan perkembangan-perkembangan di dalam kemajuan sosioekonomi negara masa-kini.

Skim tersebut merupakan latihan-latihan kemahiran yang diharapkan boleh melengkapkan diri para peserta yang terdiri dari golongan muda remaja lingkungan umur 15 hingga 25 tahun agar menjadi pekerja-pekerja mahir.

Kursus yang dijalankan oleh para peserta mengandungi perkara-perkara yang bersangkutan dengan pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran, penyelesaian masalah dan membuat 'keputusan'

perancangan perniagaan, etika kerja, motivasi dan lain sebagai bekal mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Dalam Skim Latihan dan Kemajuan Belia sebagai permulaan hanya empat jenis kemahiran ditawarkan iaitu :

- \* Memasak - sate, panggang dan roti.
- \* Tukang gunting (lelaki dan perempuan) dan solekan (perempuan).
- \* Tukang jahit pakaian (lelaki dan perempuan).
- \* Memproses makanan.

Walaupun bagaimanapun sebagai langkah permulaan hanya kursus-kursus penyediaan permakanan sahaja yang ditawarkan.



PARA pelatih Skim Latihan dan Kemajuan Belia ketika sedang mengadakan iwtatan sambil belajar ke Penyajian Syarikat Diraja Brunei (Royal Brunei Catering).

## Skim Latihan dan Kemajuan Belia

# BIMBING PARA BELIA BERDIKARI

OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR

Kursus memasak dibagikan kepada enam peringkat yang mana peringkat pertama para peserta seramai 28 orang termasuk 10 orang perempuan telah menjalani kursus orientasi selama seminggu.

Orientasi yang bermula pada 15 Disember hingga 22 Disember tahun lepas yang berlangsung di Pusat Belia, di ibu negara itu bertujuan untuk memberi penerangan lebih lanjut mengenai kursus yang bakal diikuti serta membina diri para peserta.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika berucap di Majlis Pelancaran Skim Latihan dan Kemajuan Belia pada 16 Disember, 1991 antara lain menjelaskan:

“Selain daripada membekalkan para belia dengan sesuatu kemahiran atau 'life-skills', adalah tujuan utama kita dalam Skim Latihan dan Kemajuan Belia ini untuk membina

golongan belia bukan sahaja dari segi kemahiran tetapi yang lebih penting lagi sebagai persediaan bagi mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan kerana Skim Latihan dan Kemajuan Belia ini juga termasuk skim motivasi, kepimpinan, kecergasan dan disiplin dan skim khidmat nasihat, skim bantuan kewangan dan pengurusan.”

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga mengumumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan peruntukan yang tertentu bagi menubuhkan sebuah Pusat Latihan Kemahiran Belia di mana pelbagai kursus akan ditawarkan.

“Dengan itu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru para belia untuk tampil ke hadapan sama ada untuk mengikuti kursus-kursus yang akan disediakan nanti atau untuk memberi perkhidmatan sukarela bagi sama-sama menjayakan Skim Latihan dan Kemajuan Belia ini,” kata Yang Berhormat.

Baru-baru ini wakil PELITA BRUNEI telah menemubual beberapa orang pelatih yang mengikuti skim latihan yang ditempatkan di Pusat Belia pada ketika ini.

“Antara tujuan saya mengikuti skim ini ialah untuk menimba pengalaman dan menambah pengetahuan khususnya dalam bidang masakan,” jelas Awang Mahmodin bin Ibrahim, 18 tahun yang berasal dari Kampong Tanah Jambu, Daerah Brunei dan Muara.

Berlainan pula dengan rakan beliau, Awang Muzafar Shah bin Abdullah, 25 tahun dari Kampong Perpindahan Lambak Kanan yang menjelaskan, “Harapan saya apabila menamatkan kursus ini nanti ialah hendak membuka perniagaan sendiri bersama dengan rakan kongsi.”


“Saya pula berhasrat untuk memulakan karier yang bersangkutan-paut dengan bidang yang diceburi pada masa kini,” ujar Awangku Aswandi bin Pengiran Mohammad, berusia 18 tahun.

Jelaslah kepada kita bahawa ada segolongan belia dan beliawanis kita pada masa kini yang hidup berdikari demi kepentingan masa depan.

Selaku rakyat dan penduduk sudah semestinya memberikan sokongan padu kepada hasrat murni Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan itu kerana kita tidak mahu melihat golongan belia di bumi darusalam ini terbiar begitu sahaja.



AWANG Mahmodin bin Ibrahim



AWANG Muzafar Shah bin Abdullah



AWANGKU Aswandi bin Pg. Mohammad

Sastera dan Budaya

# Kajian semantik dan keberkesanan dalam drama radio 'Takut'

OLEH MAS OSMAN

SIRI KETIGA

**D**I SAMPING itu, motif yang lain pula ialah adanya nada menaruh harapan yang membayangkan hasrat pemeran pertama agar pemeran kedua sudi menerima hasratnya (suatu kemungkinan saja) untuk menjadikan pemeran kedua sebagai calon isteri barunya.

Bagi lebih memperjelaskan penelitian tadi, berikut disediakan satu carta ringkas yang menerangkan motif keseluruhan data yang telah dihuraikan lebih awal. (Rujuk siri pertama dari siri kedua):

**Keberkesanan Daripada Sudut Struktur, Semantik dan Sosiolinguistik**

Setelah meneliti semantik yang berdasarkan motif, kajian selanjutnya memfokus keberkesanan daripada sudut struktur, semantik, dan sosiolinguistik.

**STRUKTUR**

Menerusi kajian struktur ini kita akan dapat melihat sama ada ujaran (berdasarkan data awal) tersebut merupakan ayat tanpa makna, ayat kabur, parafrasa, ataupun ayat yang baik. Berdasarkan penelitian daripada data, cuma tiga kategori ayat yang terkandung di dalamnya, iaitu (i) ayat yang baik; (ii) ayat kabur; dan (iii) parafrasa.

ayat yang baik: Data 8: Bukankah Pak Kudin yang mengguris keliling bangunan syarikat ini?

Data 9: Saya rasa dia

sudah cukup mendapat pengajaran.

Data 10: Saya sembah Puan Maria.

Ayat Kabur:

Data 1: Buat kerja pun tak betul.

Data 2: Saya sebenarnya sedang mencari tanah.

Data 3: Kita tolong dia, dia pula nak bunuh kita.

Data 4: Maksudmu dia buaya

Data 5: Kalau tidak dah ada yang gol.

Data 6: Esok-esok pasti kereta comel aku tu kena tarik.

Data 11: Masalahnya rumahtangga kami itu sunyi.

Data 12: Berdentum-dentumlah rumah tuan itu nanti.

Parafrasa: Parafrasa adalah ayat yang mempunyai satu makna tetapi

boleh dikaitkan dengan dua atau lebih ayat.

Data 7: Apa yang ditakutkan. Hukuman Tuhan itu yang patut digerunkan. Awak tak takut pada Tuhan?

Data 13: Awak tahu Dalima, semalam isteri saya telah memberi persetujuan malah menyuruh saya untuk menikah lagi satu. Jadiii..

Meskipun lebih separuh daripada sumber data adalah ayat kabur, tetapi kekaburannya itu masih dapat difahami kerana konteks dialog berikutnya dapat memperjelaskan kekaburan ayat tersebut. Dengan ini akan meng-

**SEPERTI yang kita ketahui bahawa semantik adalah istilah yang merujuk pada kajian makna, yang juga merangkumi kajian perhubungan ekspresi-ekspresi linguistik dengan benda-benda di dunia yang dirujuk (Kuliah TL 908 — Bahasa Retorik, Universiti Malaya Kuala Lumpur 1990/1991).**

**SEMANTIK**

Seperti yang kita ketahui bahawa semantik adalah istilah yang merujuk pada kajian makna, yang juga merangkumi kajian perhubungan ekspresi-ekspresi linguistik dengan benda-benda di dunia yang dirujuk (Kuliah TL 908 — Bahasa Retorik, Universiti Malaya Kuala Lumpur 1990/1991).

Berdasarkan daripada ujaran dalam data, kesan daripada sudut semantik atau kesan daripada sudut kajian makna ini menimbulkan unsur-unsur ketepatan dan kesesuaian bagi penggunaan kata-kata yang terkandung dalam ujaran tersebut, dan ada juga yang kurang tepat.

Hal ini akan dapat dihuraikan menerusi huraian selanjutnya.

Buat kerja pun tak betul (Data 1).

Daripada sudut semantik, pada tanggapan saya data ini adalah betul meskipun ujaran ini agak sedikit kabur.

Kekaburannya dapat diperjelas apabila kita meneliti dan mengikut dialog berikutnya (dengan merujuk pada teks skrip di halaman 1).

Saya sebenarnya sedang mencari tanah (Data2).

Daripada sudut struktur, ayat ini kabur, tetapi daripada sudut semantiknya ayat ini dapat dianggap sebagai tepat.

Kekaburannya menjadi lebih jelas apabila disokong oleh dialog yang berikutnya, yang memperjelaskan lagi makna ujaran tersebut.

Kita tolong dia, dia pula nak bunuh kita (Data 3).

Yang menjadi kekaburan dalam ayat ini adalah perkataan 'bunuh'. Mengikut pengertian lexis, bunuh adalah perbuatan yang : (+ sebab) dan (+ tidak bernafas — mati), dan biasanya perkataan 'bunuh' mesti dipadankan dengan 'membunuh'.

Bagaimanapun dalam konteks ujaran ini, saya berpendapat penggunaan perkataan 'bunuh' untuk dipadankan dalam dialog ini adalah tepat dan bersesuaian mengikut konteks kerana ia menimbulkan kesan yang mendalam kepada pendengar.

'Bunuh' dalam konteks dialog ini adalah bermaksud 'membunuh' (melumpuhkan/merosakkan) perniagaan pemeran pertama akibat daripada sikap malas 'dia'.

Maksudmu dia buaya (Data 4).

Ujaran yang mengandungi tiga patah perkataan ini, jikalau dilihat secara umum, gambaran yang paling mudah ialah kata 'buaya' itu sendiri. Apabila ditinjau daripada sudut semantik, maknanya lebih mendalam lagi, iaitu dia yang dimaksudkan 'buaya' itu mungkin berperangai seperti buaya.

Dengan ketepatan penggunaan kata-katanya, ujaran ini juga berhasil dan memberikan nada yang mengesankan. Saya juga berpendapat penuturan ini mempunyai kekesan dalam bidang keretorikannya atas sebab yang saya nyatakan tadi.

"Kalau tidak dah ada yang gol (Data 5).

Dialog ini juga mempunyai ketepatan makna daripada sudut semantik. Perkataan 'gol' dalam ayat ini bukanlah gol ataupun bolos bagi permainan bola-sepak, tetapi adalah bermaksud mati atau meninggal dunia. Penggunaan kata 'gol' amatlah baik kerana ia dapat menimbulkan kesan retorik bahasa yang menarik.

Esok-esok pasti kereta comel aku tu kena tarik (Data 6).

Menerusi ujaran ini juga dapat dikesan makna semantik yang dapat menghasilkan retorik bahasa yang menarik. Kata-kata 'kena tarik' adalah retorik bahasa dalam ujaran ini yang menimbulkan kesesuaiannya.

BERSAMBUNG MINGGU DEPAN

DATA	MOTIF
1	Penghinaan; Marah
2	Permintaan
3	Kesalan; Penghinaan
4	Pertanyaan; Penghinaan
5	Kenyataan; Sindiran; Marah; Kurang senang
6	Kesalan; Merayu belas kasihan
7	Peringatan; Amaran
8	Peringatan; Pertanyaan
9	Komen; Pengajaran
10	Merayu
11	Komen; Kecewa; Merayu belas kasihan
12	Komen; Usikan; Gurauan; Sindiran
13	Gembira; Penerangan; Harapan; Bayangan hasrat

# PANGKAL HUJUNG PENUNTUT



ARI masih pagi. Jalan raya di ibu kota sudah mulai sibuk dengan berjenis-jenis kenderaan. Begitu juga orang-orang yang berjalan kaki mundur-mandir ke sana sini. Masing-masing dengan cara dan gayanya berjalan menuju ke arah

tempat mereka bertugas. Sama ada ia seorang buruh kasar mahu pun pegawai. Itu tak kisah tetapi apa yang penting mereka itu semuanya hendak memburu masa mahukan cepat sampai.

Di tepi tebing sungai pula penambang-penambang motor sangkut sibuk memanggil-manggil pelanggan dan penumpangnya yang hendak pergi ke seberang dan ada juga yang menurunkan penumpang yang baru saja tiba dari seberang. Datang dan pergi silih berganti tidak berhenti-henti. Begitulah keadaannya saban hari di kawasan motor penambang di sungai Brunei.

Penuntut-penuntut sekolah lelaki dan perempuan yang tidak punya kenderaan, mereka berjalan kaki. Beriring-iring dua tiga orang sekawan sambil bercerita-cerita. Usik mengusik antara satu dengan yang lain. Ada-ada saja cerita yang mencuit jiwa mereka. Maklumlah penuntut sekolah menengah orangnya sedang meningkat remaja.

Inah dan dua orang lagi temannya Santi dan Shita berjalan-jalan di kawasan sekolah sementara menunggu lonceng dibunyikan masuk ke kelas. Tiba-tiba Inah nampak Jeffry sedang bercakap-cakap dengan teman-temannya tidak berapa jauh dari tempat mereka.

"Jeffry! Jeffry!! Ke mari sebentar ada perkara penting." Kata Inah sambil memandang pada Shita.

"Eh, Jeffry. Kau dengar tak? Inah memanggil kau tu. Pergilah cepat." Kata Hashim mendesak.

"Ya tak ya juga nanti Inah merajuk pula." Kata Kassim sambil bergurau.

"Jeffry, cepatah buat-buat tak dengar pula dia." Ujar Inah lagi.

"Yalah aku datang ni." Jawab Jeffry sambil menggaru-garu tengkoknya yang tidak gatal.

"Ada apa Inah?" Jeffry bertanya sambil ekor matanya memandang ke wajah Shita yang sedang

berdiri di belakang Inah tunduk kemalu-maluan.

"Orang baru agaknya." Bisik hati kecilnya.

"Aku hendak kenalkan padamu. Ini Shita, dia baru saja pindah sekolah ke mari." Ujar Inah memperkenalkan Shita kepada Jeffry. Lalu Inah memegang tangan Shita untuk berjabat salam dengan Jeffry.

"Silakan Jef jangan buang masa." Kata Santi sambil tersenyum.

"Apa khabar?" Tanya Jeffry dan Shita serentak. Inah dan Shanti ketawa.

"Selamat kita berkenalan," kata Jeffry sambil menjabat tangan Shita.

"Terima kasih." Ujar Shita ringkas. Kemudian anak matanya beralih memandang Inah dan Santi sambil mengukir senyum di bibirnya.

"Kami harap Shita akan merasa senang belajar di sini. Jika ada apa-apa kesulitan Shita jangan malu-malu beritaukan kami. Insya-Allah kami sedia membantu. Kan begitu Inah?" Kata Jeffry ikhlas.

"Terima kasih di atas ingatan kalian." Ujar Shita sambil merenung tepat ke wajah Jeffry.

Ringgg...Lonceng berbunyi menandakan waktu belajar sudah tiba.

"Maafkan, aku pergi dulu nanti kita jumpa lagi." Kata Jeffry lalu beredar menuju ke kelasnya.

Malam itu Shita dan Santi menghadiri majlis hari jadi Inah. Agak ramai juga teman-teman yang hadir di majlis itu.

Shita bersendirian. Tiba-tiba dia ditegur oleh Jeffry.

"Hai, releks nampaknya? Ada siapa duduk di sini?" Tanya Jeffry sambil tersenyum.

"Oh, kau Jef. Aku ingat siapa tadi. Kalau Jef sudi silalah. Ita pun dari tadi keseorangan. Tak ada teman nak dengan berbicara. Sunyi pula rasanya." Balas Shita dengan sopan mempelawa.

"Tak sangka ada juga orang yang sudi mengajak


Jef duduk," kata Jeffry mengusik Shita.

Perbualan rancak mereka berdua terhenti apabila mendengar bunyi tepukan dan nyanyian lagu selamat panjang umur.

Kira-kira jam sebelas malam baharulah selesai majlis itu dan masing-masing yang menghadiri majlis itu pun bersurai dari perkarangan rumah Inah untuk pulang ke rumah masing-masing.

"Err...Apa kata kalau Jef hantar Shita pulang, Bolehkah?" Kata Jeffry.

"Terima kasih sajalah. Nanti tak manis dipandang orang kalau kita berjalan




berdua-duaan saja di waktu malam begini. Jef tentu faham pandangan masyarakat nanti terhadap kita. Mungkin ada saja tuduhan yang bukan-bukan." Jawab Shita dengan tenang menolak.

"Maafkan Jef, Shita." Kata Jeffry kesal.

"Shita harap Jef tidak marah dan berkecil hati dengan sikap Ita. Kerana untuk menjaga nama baik kita berdua." Ujar Shita memujuk.

"Okey tidak masalah. Jef pergi dulu. Selamat malam dan jumpa lagi." Kata Jeffry.

Sejak pertemuan malam itu perhubungan Jeffry dan Shita tambah erat hingga ramai teman-temannya mengusik Jeffry Romeo dan Julia.



Lepas sarapan malam. Shita menuju ke meja belajar dan melabuhkan punggungnya di atas kerusi. Dari dalam beg sekolah dikeluarkan buku-buku yang akan dibaca untuk mengulang-kaji dan menyiapkan kerja sekolahnya. Shita sangat mengambil berat tentang pelajarannya. Kerana Cikgunya pernah berkata: "Rajin dan usaha itu tangga kejayaan. Tanpa berusaha kejayaan tidak mungkin dicapai." Kata-kata hikmah inilah mendorong Shita lebih giat belajar untuk mencapai cita-citanya hendak masuk ke universiti.

Kakaknya datang mendekati Shita. Lantas kakaknya bertanya. "Ita, bagaimana dengan pelajaranmu di sekolah?" Ujar kakaknya.

"Cukup memuaskan Kak." Ita menjawab sambil memandang ke wajah kakaknya.

"Bagaimana pula tentang pergaulan Ita dengan teman-teman di sekolah?" Soal kakaknya lagi.

"Juga cukup menyenangkan dan memuaskan tapi ada juga yang nakal-nakal." Jawab Shita dengan sopan.

"Kalau begitu baguslah. Kakak senang sekali mendengarnya, tapi,"

"Tapi kenapa Kak?" Tanya Shita minta penjelasan.

"Tidak apa-apa, cuma kakak ingin menasihati Ita. Pandai-pandailah menjaga kehormatan dan harga diri sebagai seorang gadis remaja bila bergaul dengan teman-teman di sekolah, terutama teman lelaki." Ujar kakaknya merupakan nasihat sambil merenung tepat wajah Ita.

"Maksud Kakak, Ita belum mengerti kak?.."

"Begini Ita, kakak khawatir pergaulan muda-mudi zaman sekarang ni terlalu bebas tanpa batasan. Kakak takut nanti Ita akan terpengaruh oleh mereka." Kata kakak memberi penjelasan.

Shita membisu seketika seolah-olah ia sedang memikirkan sesuatu. Melihat Shita membisu tanpa kata lalu kakaknya berkata, "Kakak yakin, Ita belum dapat berfikir secara dewasa untuk menilai mana yang baik dan mana yang buruk."

"Terima kasih atas nasihat kakak. Ita berjanji Kak, akan mengikut nasihat kakak demi untuk menjaga nama baik keluarga kita." Kata Shita sambil mencium tangan kakaknya.

"Baguslah tu, kakak harap-harapkan pun begitu. Belajarlah rajin-rajin untuk mencapai cita-cita Ita untuk masuk ke UBD. Kakak doakan semoga cita-cita Ita akan tercapai. Insya-Allah," ujar kakaknya lagi memberikan semangat dan nasihat. "Biar kakak masuk, Ita belajarlah dulu."

Shita termenung bersendirian. Fikiran jauh melayang dibawa oleh tiupan angin malam. Shita teringat kembali akan kata-kata kakaknya dari kotak-kotak kepalanya: "Pandai-pandailah menjaga kehormatan dan harga diri sebagai seorang gadis remaja bila bergaul dengan teman-teman di sekolah terutama teman lelaki." Shita melamun terus sambil mempermain-main-

LIHAT MUKA 5

DARI MUKA 4

kan batang pena dengan jarinya yang halus.

"Shita, belum masuk tidur. Jam dah pukul sebelas ni. Esok hendak sekolah nanti terlewat pula bangun." Tiba-tiba ibu Shita tersembul di muka pintu kamarnya.

Shita terkejut mendengar suara ibunya memanggil. "Baiklah bu, Ita datang ni," ujar Shita sambil mengemaskan buku-buku pelajaran.

Hidup ini tidak selamanya manis. Seperti air laut, ia juga tidak selamanya tenang. Ada pasang ada surut dan ada kalanya bergelombang, bergelora menghempas pantai. Bila keadaan demikian, kita tentu memerlukan pertolongan atau sekurang-kurangnya mengadukan hal, meluahkan rasa hiba dan sesak dada.

Selak akhir-akhir ini Jeffrey selalu saja termenung dan suka bersendirian tanpa banyak bicara. Hatinya resah, fikiran bersebab tidak menentu. Teman-temannya haliran melihat keadaan Jeffrey tidak seperti sebelumnya.

"Aku hairanlah Kassim, dulu Jeffrey tidak pernah macam ni," ujar Hashim sedih.

"Wah aku jadi bingung melihat keadaannya sekarang. Kasihan Jeffrey." Kata Kassim.

"Aku rasa ini mungkin ada sesuatu yang tidak kena." Kata Hashim sambil berfikir.

"Habis, bagaimana pendapatmu?" Kassim bertanya.

"Gini sajalah ada baiknya kita beri taukan Inah, Shita dan Santi mungkin mereka tu dapat membantu kita, ape kate kau?" Kata Hashim memberikan pendapatnya.

"Ah, itupun elok juga cadangan kau tu. Aku setuju," jawab Kassim.

"Kalau begitu mari kita pergi mencari mereka," kata Hashim sambil menarik tangan Kassim.

"Eh, Hashim. Hendak ke mana tu? Tergesa-gesa aje. Cari siapa?" Tiba-tiba saja Inah menegur.

Hashim dan Kassim berhenti bila mendengar Inah memanggil namanya. Hashim dan Kassim jadi berpandang-pandangan lalu ketawa.

"Orang mencari belum menemui dan orang yang dicari pula memanggil. Aneh juga. Ini mungkin satu petanda baik buat Jeffrey." Bisik hati kecil Hashim.

Lalu mereka berjalan ke arah Inah. Santi dan Shita juga ada bersama.

"Eh, kenapa kamu berdua berjalan tergesa-gesa ni ah? Macam orang dikejar hantu aje. Dahlah tu ketawa pula. Kamu berdua ketawakan kami ya." Kata Inah sambil memandang wajah Hashim dengan wajahnya seakan-akan marah. Shita dan Santi tersenyum melihat tetelah Inah seperti orang berlakon drama.

"Bertenang, jangan lekas marah, tidak baik. Kami dah penat ni mencari awak." Kata Hashim sambil mengesat peluhunya dengan saputangnya.

"Mencari aku? Kenapa? Dan apa-hai?" Inah bertanya agak hairan. Hashim dan Kassim tunduk membisu seketika.

"Mana Jeffrey tidak ikut bersama kamu. Dia tidak sekolahkah?" Ujar Shita.

"Apa yang sudah terjadi pada Jeffrey. Kamu berkelahi?" Inah bertanya lagi. "Kenapa kamu diam. Jawablah Shim. Kami ingin tahu ni." Ujar Santi pula mendesak minta penjelasan.

Tiba-tiba Hashim berkata : Kami tidak berkelahi. "Tetapi"... "Tapi kenapa?" Tanya Inah dengan rupa yang tidak sabar.

"Begini, sejak beberapa hari ini Jeffrey bersedih saja. Asyik termenung dan bersendirian. Dan suka menajuhkan dirinya dari kami, tak macam dulu."

Bila mereka mendengar penjelasan dari Hashim. Inah, Shita dan Santi lalu berpandangan antara satu sama lain. Masing-masing diam membisu tidak tahu apa yang hendak dikatakan. Nampak terbayang rasa sedih di wajah masing-masing.

Lantas Hashim menyambung bicaranya lagi : "Sebab itulah kami berdua mencari Inah tadi. Aku harap kamu bertiga akan dapat berbuat sesuatu untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi Jeffrey. Kerana kami berdua telah pun berusaha memujuk dia tapi Jef enggan memberitahukan kami tentang masalahnya."

"Kita tidak patut membiarkan Jef berterusan begitu aje. Kerana dia adalah teman kita. Nanti bertambah teruk pula," kata Kassim dengan perasaan setiakawan.

"Baiklah Shim, Ita akan jumpa Jef esok. Kerana Jef pernah berkata padaku tempoh hari bahawa jika ada apa-apa kesulitan Shita jangan malu-malu beritahukan kami. InsyAllah kami sedia membantu. Nah, sekarang giliranmu pula untuk membantunya." Ujar Shita dengan nada sayu. Ringgg....loncong pun berbunyi menandakan masa rehat penuntut sudah berakhir.

Esoknya, awal-awal lagi Shita sudah datang ke sekolah. Ia nekad hendak berjumpa Jeffrey. Ia ingin tahu sama ada benar ataupun tidak seperti apa yang telah dicakapkan oleh Hashim dan Kassim semalam tentang Jeffrey.

Setelah ia menaruh beg buku-buku pelajarannya di kelas lantas ia pergi ke kelas Jeffrey di block C. Lama juga ia menunggu. Hatinya resah dan fikiran bersebab orang yang dinanti belum juga tiba.

"Jangan-jangan Jef ni tidak bersekolah, tapi tidak mungkin." Bisik dalam hatinya.

Tidak lama kemudian Jeffrey pun tiba. "Selamat pagi Ita." Jeffrey menegur.

"Selamat pagi Jef." Shita menjawab.

"Dah lama Ita menunggu?" Tanya Jeffrey lagi sambil merenung ke wajah Shita.

"Lama juga tapi macam mana Jef tau?" Shita menyoal.

"Hashim yang beritahukan Jef semalam." Ujar Jeffrey.

"Ya, benar Jef, kerana Ita ingin berbicara dengan Jef. Bolehkan?"

Jeffrey hanya menganggukkan kepalanya tanpa kata.

"Mari kita ke hujung beranda sana. Di sini tidak elok didengar teman kalau kita berbicara." Kata Shita mempelawa. Lalu mereka berdua pun berjalan ke hujung beranda.

"Err...Cakaplah apa yang Ita hendak cakapkan." Ujar Jeffrey sambil menyandarkan belakangnya ke tiang beranda.

"Gini Jef, sejak beberapa hari ini Ita perhatikan Jef selalu saja termenung, bersendirian dan menjauhkan diri Jef dari kami. Kenapa Jef? Jef marahkan kami?" tanya Shita sambil merenung tepat ke wajah Jeffrey. Jeffrey tunduk membisu sambil menguis-guiskan. Kenapa Jef begini? Kenapa Jef sanggup merosakkan diri Jef sendiri? Kenapa? Tak baik ikutkan perasaan sangat nanti buruk padahnya."

Tiba-tiba Jeffrey memandang Shita lantas ia berkata; "Shita, hidup ini sulit bagiku. Banyak yang menyusahkan daripada menyenangkan. Tidak ada yang membahagiakan. Hatiku ini terlalu kosong. Sunyi dan sepi. Bukan sekarang saja malahan sejak aku kecil-kecil lagi."

Jeffrey berkata dengan perasaan sayu sambil menyapu airmatanya dengan hujung jarinya.

Dengan perasaan sedih Shita berkata, "Telapi Jef, hidup kita ini tidak akan terlepas daripada masalah. Setiap masalah akan bertambah rumit, kalau hanya memikirkan tanpa mencari penyelesaian atau jalan keluar." Shita memberi harapan.

"Susah Ita," keluh Jeffrey. Dia sendiri tidak tahu bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang dialami sekarang.

"Habis?, Sampai bila Jef berkeadaan macam ni? Termenung, bersedih. Tindakan yang Jef ambil ni akan merugikan diri Jef sendiri, malah akan menghancurkan masa depan Jef nanti," kata Shita kesal.

"Jef jadi bingung, kepalaku naik pening dan fikiranku bersebab tidak menentu. Kerana sikap perbuatan keluarga Jef sendiri yang tidak bertanggungjawab terhadap diri Jef. Mereka lebih mementingkan diri mereka sendiri kerana hendak memburu harta, mencari nama dan pangkat." Ujar Jeffrey kesal.

Dengan wajah yang sedih Shita berkata; "Bersabarlah Jef. Mungkin ini satu ujian terhadap diri Jef. Jef harus mengerti. Hidup tanpa masalah juga kadang-kadang membuat manusia leka dan lalai. Hadapilah masalah dengan tabah dan sabar serta tawakal kepada Allah mengikut kemampuan diri Jef sendiri." Shita tetap memberi semangat dan harapan.

Mereka membisu seketika seolah-olah ketidusan kata-kata yang hendak dibicarakan. Shita dan Jeffrey merenung jauh. Macam ada sesuatu yang hendak diucapkan tetapi masing-masing merasa malu untuk meluahkan kerana belum tiba masanya. "Err ... serentak mereka ingin memulakan."

Mereka ketawa. "Shitalah bercakap dulu." Jeffrey memberikan peluang pada Shita. "Tak apalah Jef cakap dulu," Shita menolok pula.

"Jef mengucapkan berbilang-banyak terima kasih pada Ita. Kerana Ita telah membuat Jef sedar sekarang. Jef tidak akan berputus asa lagi. Jef cuba mencari jalan Jef sendiri. Biarkanlah keluarga Jef bermain sandiwara di pentas dunia yang penuh kepalsuan ini."

"Jef, Ita mahu Jef benar-benar sayangkan diri Jef. Belajarlah bersungguh-sungguh untuk masa depan Jef." Ujar Shita sebagai satu permintaan dan harapan.

"Baiklah, Jef berjanji." Ujar Jeffrey sambil merenung tepat ke arah bebola mata Ita yang sedang mengukir senyum di bibirnya.

"Jangan bersedih lagi," ujar Shita. Ringgg ... bunyi loncong dari arah blok A menandakan waktu belajar akan bermula.

PUISI

SEMINAR DIALEK

Tiga hari kami berlayar tari ombak memandu bahtera mudik sasar nakhoda silih berganti jadi pemburu kertas kerja peta pedoman pandu menyulat madu kecana hati cendekiawan fikir mengulas tafsir bertip kau mengelus angin bina bertiti merangkak bahasa tanahair pandu, pandulah ke pelabuhan fakta. Angin bahasa sesekali singgahmu merejam menggawatkan penumpang bahtera dewan Bergerak pantas menyingkap minda yang pasrah terciptalah ribut dangkal satu demi satu kata dipintal, ada berdiri terkeliru mengungkap tafsir ombak memecah busanya bagai tiada minta damai memaksa nakhoda menukar haluan arah ada lagi berdiri seperti arjuna membedik panah dari busar menuju sasar menongkang arah putuslah ribut kembali mendesir halus angin mengelus. Seminar dialek melegakan kau puput angin bahasa busana bangsa menyapa wajah, hati, fikir yang pasrah undang lagi awam undang lagi ombak sama-sama mengarak ke pesisir kata anak-anak biar pada tahu inilah dewan perundangan mendaulatkan bahasa biar ribut seketika menggerak ombak nafas di dada atau sang arjuna membedik nakhoda manahan tafsir yang kabur suram tapi hambur mutiaramu membawa senyum tawa dan seri wajah.

LIPAN BERNANG RTB BRUNEI.

ZAMAN PEMBAHARUAN

Kehadirannya di sini kehilangan punca jejak-jejak langkah kepalsuan insan suci zaman pembaharuan. Di antara kita ada dia seorang tua mengaku berfikir tua umur setengah abad berpengalaman belasan tahun bekerja di wajahnya kebenaran manis kata suka bermuka-muka mengadu domba sesama manusia munafik agama bertuhankan harta harta berjasa kepada manusia. Kehadirannya di sini kehilangan punca jejak-jejak mewarnai kehidupan tanpa keimanan tanpa ketakwaan insan suci zaman pembaharuan.

CATATAN 1

Terkunci hatinya di wajahnya membayang senyuman hati pekat hitam legam tekanan jiwa membara bila akan berakhir lakonan kepalsuan ini

CATATAN 2

Materialisma keduniahan angkuh sendiri membara di jalanan dunia pembela diri katanya : 'kenyataan'

CATATAN 3

Doa dari orang dikasihni meskipun esok masih ada lagi pun dipersalahkan tinggal di jalanan perjuangan dan pengorbanan memberi semangat kehidupan sinaran suci membela diri pasti akan menjelma di akhirat percayalah .....

TUAH BERMA, BRUNEI

DENGAN wajah yang sedih Shita berkata : "Bersabarlah Jef. Mungkin ini satu ujian terhadap diri Jef. Jef harus mengerti. Hidup tanpa masalah juga kadang-kadang membuat manusia leka dan lalai. Hadapilah masalah dengan tabah dan sabar serta tawakal kepada Allah mengikut kemampuan diri Jef sendiri." Shita tetap memberi semangat dan harapan.



# سکیتار . تی . بی

## SEKITAR RTB

### UNTUK BISKITA

#### SOALAN DI UDARA

SEPERTI biasanya inilah lima soalan-soalan beserta jawapan yang telah dikemukakan dua minggu yang lepas - 3 Januari 1992.

1. Dalam tahun berapakah bangunan Pusat Belia yang terletak di Bandar Seri Begawan siap dibina?

Jawapan :  
1969

2. Berikan penerangan ringkas mengenai sejenis bekas buatan orang Brunei yang dipanggil dengan nama 'Bukor'.

Jawapan :

'Bukor' adalah sejenis bekas tembaga yang biasanya digunakan bagi menyimpan air untuk membasuh tangan dalam majlis-majlis keramaian.

3. Apakah nama taman rekreasi yang banyak memperlihatkan alam semula jadi yang letaknya kira-kira 2 kilometer dari pusat bandar?

Jawapan :

Taman Rekreasi Tasek Lama

4. Gunung Fuji yang terletak di Kepulauan Honshu, Jepun mempunyai dua panggilan yang berbeza di kalangan orang-orang Jepun. Nyatakan nama-nama tersebut.

Jawapan :

Fuji Yama dan Fuji San

5. Berapakah peratus kandungan air yang ada dalam badan manusia?

Jawapan :

6 peratus

Berikut dimuatkan lima lagi soalan-soalan baru untuk keluaran rancangan minggu ini - 17 Januari, 1992.

1. Persidangan Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN kali ke-6 telah diadakan di negara ini dalam tahun 1988. Siapakah yang merasmikan persidangan tersebut?

2. Di manakah berlangsungnya Majlis Menandatangani Perjanjian Mencetak Mushaf Al-Quran pada bulan September, 1991?

3. Berapa buahkah kampung-kampung yang termasuk di dalam Mukim bokok, Daerah Temburong?

4. Nyatakan dua masyarakat yang pernah mempopularkan permainan guli, sejenis permainan yang tertua di dunia antara tahun 27 sebelum Masihi hingga 14 Masihi.


5. 'Marzipan Chocolate' adalah sejenis gula-gula yang paling besar di dunia. Nyatakan berat gula-gula tersebut dalam kiraan kilogram.

Tarikh tutup : 22 Januari 1992.

### BINGKA KENTANG DAGING

#### Bahan-bahannya :

- 1½ kati ubi kentang
- 1 kati daging
- ½ gelas susu cair
- 1 biji telur ayam
- 1 sudu teh jintan putih
- 2 ulas bawang putih
- 1 inci halia
- 1 labu bawang besar
- Sedikit daun bawang, garam dan serbuk perasa, sedikit minyak sapi.



dan halia ditumbuk halus. Manakala ubi kentang direbus sampai lembut lalu dilecek, kemudian dicampur dengan telur dan susu cair serta gaul rata-rata.

#### Cara-cara membuatnya :

Daging dicincang halus serta bawang dihiris halus. Jintan putih, bawang putih

Panaskan minyak sapi dalam periuk, masukan jintan yang bergiling tadi kemudian masukkan daging dicampurkan sedikit garam dan serbuk perasa. Apabila sudah kering angkat.

Masukkan setengah dari banchuan ubi kentang tadi ke dalam acuan pembakar, taburlah daging yang telah dimasak di atasnya hingga habis, kemudian separuh lagi banchuan ubi kentang diletakkan meliputi bahagian atasnya. Bakarlah di atas api yang sederhana hingga masak.

## TERIMA KASIH DENGAN SENYUMAN

MEDIA masa, sama ada media cetak mahupun elektronik mempunyai peranan yang penting dalam memberi maklumat, di samping menghibur dan memberi pengajaran. Ianya memang satu sistem perhubungan yang mudah didampangi oleh orang ramai. Mereka boleh mengikuti bermacam-macam perkembangan di dalam dan di luar negeri, dan juga maklumat apa yang sedang dalam perancangan.

Yang penting ialah ketepatan maklumat yang diedarkan dalam media berkenaan.


Contoh yang boleh digunakan ialah mengenai peranan menyebarkan tahun 1992 sebagai musim untuk melawat ASEAN - TAHUN MELAWAT ASEAN 1992. Media masa mengambil peranan yang penting dalam memberi publisiti Tahun Melawat ASEAN ini dan mengumumkan acara-cara yang berkaitan sempenanya. Dalam bulan Disember tahun lalu, sudah mula kedengaran melalui radio beberapa

slogan sentiasa digunakan oleh juruhebah:-

- Kedatangan pelancong menjadi kebanggaan kita. Bersopan santunlah menyambut mereka.
- Kelembutan tutur kata dan keindahan budi bahasa menarik pelancong ke negara kita.

Ini merupakan salah satu cara radio menyampaikan pesanan untuk para pendengar melayan kedatangan pelancong ke negara kita. Umumnya radio dan televisyen menyalurkan publisiti dan maklumat ini dalam dua cara:-

- Siaran promo : Untuk menyampaikan maklumat yang adanya musim Tahun Melawat ASEAN dan disiarkan secara harian.
- Siaran Berita, Hal Ehwal Semasa dan Rancangan. Untuk memaklumkan dan membuat liputan acara-acara



tertentu yang bermusim dan juga memberi pendekatan mengenai negara-negara ASEAN melalui rancangan rencana dan drama.

Di samping membuat publisiti dan memberi maklumat tadi, RTB juga cuba berusaha "menyediakan" orang ramai di Negara Brunei Darussalam ini untuk menyambut dan melayan kedatangan tetamu kitani secara sopan dan keriang. Makanya timbul slogan-slogan seperti di atas tadi yang disiarkan lebih awal, dan akan terus digunakan hingga ke penghujung tahun ini.


Tunjukkan kemersaan hormatilah mereka. Berbudi bahasa beramah mesra. Terima kasih dengan senyuman. SENTIASA BERSAMA BISKITA

### NYA NINI . . .

### KHASIAT DAUN JERUJU

ORANG tua-tua kitani dahulu, kaya dengan petua yang tersendiri, terutamanya mengubati penyakit. Tumbuh-tumbuhan yang terdapat di negara kita ini ada mengandungi khasiat yang tertentu, umpamanya daun jeruju.

Daun ini boleh didapati ditebing-tebing Sungai. Nya orang tua-tua daun jeruju dikatakan menghindarkan sakit mata, dengan mengantungkannya di hadapan pintu rumah. Insya Allah.







ستتاس برسام بيسيت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنجان تليزيون

## susunan rancangan TELEVISYEN

PHK MTS Berhak  
memakai MASA  
dan konsepnya

### RABU 22 JANUARI

#### PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 THE RAGGY DOLLS
- 4.45 GHOST OF FAFFNER 'Delighting In Sounds'
- 5.10 RAIDER OF THE SOUTH SEAS
- 5.35 GROWING PAINS 'Ben And Mikes Excellent Adventures'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GROWING PAINS — Sambungan
- 6.10 RISKING IT ALL
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.44 RISKING IT ALL — Sambungan
- 6.50 EHWAL IBADAT

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Hutang' Bhg I
- 7.35 GOLDEN YEARS
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.47 GOLDEN YEARS — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 SUDUT PELITA
- 9.10 LIPUTAN SEMASA
- 9.40 MURPHY'S LAW 'Do Some One A Favour'
- 10.30 CAROL AND COMPANY 'Reunion'
- 11.10 MIAMI VICE
- 12.00 DOA
- 12.10 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS 23 JANUARI

#### PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.10 FANTASTIC MAX
- 5.35 HOGAN FAMILY
- 5.45 'Bad Day At Bossy Burger'
- 5.50 RINGKASAN BERITA
- 6.10 HOGAN FAMILY — Sambungan
- 6.10 NATURE WATCH 'Lost In The Garden Of Eden'
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.44 NATURE WATCH — Sambungan
- 6.50 EHWAL IBADAT 'Rukun Sembahyang'

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 HIDAYAT
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.47 HIDAYAT — Sambungan
- 8.00 SURAH YAASIIN
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 PALACE GUARD
- 10.25 WAYANG PILIHAN 'Angel Dusted'
- 11.55 DOA
- 12.05 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT 24 JANUARI

#### PAGI

- 11.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN

- 11.02 AL-QURAN
- 11.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 11.15 DOCUMENTARY: — ASTRONOMERS 'Prospecting For Planets'

#### TENGAH HARI

- 12.00 GREAT DESERT OF THE WORLD
- 12.15 BIMBINGAN ISLAM — Ulangan
- 12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB (Siaran Langsung)

#### PETANG

- 1.30 SEKITAR HAL EHWAL AGAMA
- 2.00 SUKAN DUNIA
- 3.00 TENNAGE MUTANT NINJA TURTLES
- 3.25 STARSTREET ANIMATION
- 3.55 AZAN ASAR
- 4.00 ASEAN DOCUMENTARY 'Social Culture Aspects Of ASEAN (We Are Many But One)'
- 4.25 THE YOUNG RIDERS 'Gathering Clouds' Bhg I
- 5.15 THE COSBY SHOW
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MARI BELAJAR MENGAJI SCIENTIFIC EYE
- 6.05 AZAN MAGHRIB
- 6.29 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.44 SCIENTIFIC EYE — Sambungan
- 6.50 EHWAL IBADAT

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Hutang' Bhg II
- 7.35 DRAMA 'Di Hujung Muara' Bhg II
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.47 DRAMA — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 KHUTBAH JUMAAT
- 9.20 LIPUTAN SEMASA
- 9.50 DOKUMENTARI : BUNGA RAMPAI BAHASA MELAYU 'Pengaruh Bahasa Melayu Di Sri Lanka Dan Thailand'
- 10.20 MAN IN THE FAMILY 'Real News'
- 10.50 SHARK IN THE PARK 'Acting Sergeant'
- 11.40 DOA
- 11.50 SIARAN TAMAT

### SABTU 25 JANUARI

#### PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.10 TINY TOON ADVENTURES 'Here's Hamin'
- 5.40 DIFFERENT WORLD
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DIFFERENT WORLD — Sambungan
- 6.10 LITTLE FLYING BEARS
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 LITTLE FLYING BEARS — Sambungan
- 6.50 EHWAL IBADAT 'Kelebihan Fatimah'

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 SESAT DALAM CAHAYA 'Hutang' Bhg III

- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.47 SESAT DALAM CAHAYA — Sambungan
- 8.00 MUSTIKA SILAM 'Hujan Panas'
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 MUSTIKA SILAM — Sambungan
- 10.00 WORKING IT OUT
- 10.30 SON OF MORNING STAR
- 11.20 POT BLACK 1991
- 11.50 DOA
- 12.00 SIARAN TAMAT

### AHAD 26 JANUARI

#### PAGI

- 8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 8.02 AL-QURAN
- 8.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 8.15 DOI GINISNYA 'Mematuhi Peraturan Di Jalan Raya'
- 8.30 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung)
- 9.30 SECRET OF THE STONE
- 10.00 ZORRO 'The Buccaneers'
- 10.30 THE FLOWER SHOP
- 11.00 SUNDAY MATINEE 'Transformers'

#### TENGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 SUNDAY MATINEE — Sambungan
- 12.34 AZAN ZUHUR
- 12.39 SUNDAY MATINEE — Sambungan
- 12.50 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.55 ENGLISH SOCCER 1991/92

#### PETANG

- 1.45 THE BLUE REVOLUTION 'The Ocean Planet'
- 2.35 TAYANGAN GAMBAR
- 3.56 AZAN ASAR
- 4.01 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
- 4.10 FUN HOUSE
- 4.35 TOTALLY HIDDEN VIDEO
- 5.10 RENCANA TEMPATAN : MENYUSUR KE PEDALAMAN Bhg. I 'Wasat Wong Kadir' — Ulangan
- 5.35 FAMILY MATTERS — Episod Akhir 'Rachel's Place'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 FAMILY MATTERS — Sambungan
- 6.05 EWOKS 'Battle Of The Sunstar'
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 EWOKS — Sambungan
- 6.50 EHWAL IBADAT 'Rukun Sembahyang'

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 SESAT DALAM CAHAYA 'Masjid' Bhg I
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 SESAT DALAM CAHAYA — Sambungan
- 8.00 TIRAI KELUARGA 'Pendekar Ilmu Api'
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 TIRAI KELUARGA
- 10.00 SUDUT ASIA
- 10.20 CHINA BEACH 'Souvenirs'
- 11.10 DOA
- 11.20 SIARAN TAMAT

### ISNIN 27 JANUARI

#### PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 THE ADVENTURES OF THE BLACK STALLION 'Black Pearl'
- 4.40 SCHEME OF THINGS 'Wildlife S.O.S'
- 5.05 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER — Sambungan
- 6.10 DINK THE LITTLE DINOSAUR — (Episod Akhir)
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 DINK THE LITTLE DINOSAUR — Sambungan
- 6.50 EHWAL IBADAT 'Rukun Sembahyang'

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Masjid' Bahagian II
- 7.35 MATLOCK 'The Man Of The Year'
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 MATLOCK — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 LIPUTAN SEMASA
- 9.35 FAMILY MEDICAL CENTER
- 10.35 TAYANGAN GAMBAR
- 11.55 DOA
- 12.05 SIARAN TAMAT

### SELASA 28 JANUARI

#### PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 WONDERFUL WIZARD OF OZ 'The Journey To Emerald City'
- 4.40 INTERNATIONAL VIDEO CHALLENGE
- 5.10 MIGHTY MOUSE AND FRIENDS
- 5.40 BIRDS OF AMSTERDAM — Episod Akhir
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BIRDS OF AMSTERDAM — Sambungan
- 6.05 PETER PAN AND THE PIRATES
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 PETER PAN AND THE PIRATES — Sambungan
- 6.45 EHWAL IBADAT 'Fadilat Selawat'

#### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Cucu'
- 7.35 MACGYVER 'Jerico Games'
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 MACGYVER — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 REKASENI 'Bunga Ros Lipat'
- 9.35 ARENA SUKAN
- 10.35 JUST FOR THE RECORD
- 11.00 DARK JUSTICE 'Nowhere To Hide'
- 11.30 DOA
- 11.40 SIARAN TAMAT

## لؤلؤ عبادوة

### EHWAL IBADAT

- (22 Januari)
- Tajuk : Rukun Sembahyang.
- (23 Januari)
- Tajuk : Rukun Sembahyang.
- (24 Januari)
- Tajuk : Rukun Sembahyang.
- (25 Januari)
- Tajuk : Kelembihan Fatimah.
- (26 Januari)
- Tajuk : Rukun Sembahyang.
- (27 Januari)
- Tajuk : Rukun Sembahyang.
- (28 Januari)
- Tajuk : Fadilah Selawat.
- (29 Januari)
- Tajuk : Rukun Sembahyang.
- (30 Januari)
- Tajuk : Sunat Sembahyang.

Tetamu Undangan : 22 hingga 24 Januari, Haji Azahari Haji Abd. Rahman dan 25 hingga 30 Januari, Haji Ismail Haji Sulaiman.

## AMALAN-AMALAN SUNAT DI RADIO

- (22 Januari)
  - Tajuk : Doa Ketika Berkakaian.
  - (23 Januari)
  - Tajuk : Melihat Diri Di Cermin.
  - (24 Januari)
  - Tajuk : Doa Sebelum dan Sesudah Makan.
  - (25 Januari)
  - Tajuk : Zikir dan Doa Keluar Rumah.
  - (26 Januari)
  - Tajuk : Zikir Dan Doa Masuk Rumah.
  - (27 Januari)
  - Tajuk : Zikir Selepas Berwuduk.
  - (28 Januari)
  - Tajuk : Menanti Sembahyang.
- Disiarkan selepas Azan Zuhur dan jam 6.00 petang.

## SIRI PILIHAN A DIFFERENT WORLD

(25 Januari, jam 5.40 petang)

DALAM episod 'Blues For Nobody's Child' Freddie cuba untuk mendapatkan tempat tinggal Alex, seorang anak yatim. Kesulitan timbul bila Alex menyangka yang dia telah mendapat tempat tinggal yang baru.

## DARK JUSTICE

(28 Januari, jam 11.00 malam)

SIRI yang unik dan menyeronokkan ini menyelidiki jenayah dan hukuman di kota besar yang moden, dengan penuh tanggungjawab Nick Marshall berjalan di atas garisan apa yang menurut undang-undang dan apa yang tidak. Saksikanlah siri ini setiap hari Selasa kira-kira jam 11.00 malam.



## IKLAN-IKLAN

### JABATAN PENJARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwah Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam

#### 1. JAWATAN:

##### KETUA PEGAWAI (Lelaki)

##### Tanggungjawab:

P 7 - \$1550 - \$2290 sebulan

(Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman).

##### Elauan-Elauan:

a. Elauan 'P' - \$100.00 sebulan

b. Elauan Khas - \$70.00 sebulan

c. Elauan Odceli - \$130.00 sebulan.

##### Kestimewaan:

Rumah, elektrik dan air diberikan secara percuma.

##### Syarat-Syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan ini hendaklah mempunyai kelayakan-kelayakan seperti berikut:-

##### Kelayakan Akademik:

a. Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) dalam bidang yang beresuaian.

##### ATAU

b. Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan sekurang-kurangnya Pegawai Penjara atau jawatan yang beresuaian tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

##### Kelayakan Fizikal:

a. Tinggi tidak kurang 1.63m (5'4") tidak bersepatu.

b. Ukuran dada sekurang-kurangnya 86cm (34") apabila tidak ditarik nafas.

c. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekak (contact lens) dan boleh membaca dekat J.1/N.5. Tidak buta warna.

d. Pendengaran biasa dan tidak cacat.

e. Tubuh badan yang tegap dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-Ray.

##### Pengalaman:

a. Mempunyai pengalaman sebagai pegawai rendah penjara adalah satu keutamaan.

b. Mempunyai pengalaman dan kepandaian dalam jurusan-jurusan yang lain adalah satu kelebihan.

##### Tempoh Percubaan:

Di antara 1 hingga 3 tahun.

##### Latihan:

Akan menjalani latihan seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Penjara.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab:**

Tertakluk kepada Akta dan Aturan-Aturan Penjara (Penggali 51) dan semua undang-undang bertulis mengenai penghuni-penghuni dan Pusat Pemulihan Dadah serta lain-lain tugas seperti yang diarah oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa.

#### 2. JAWATAN:

##### PEGAWAI PENJARA (Lelaki)

##### Tanggungjawab:

P 1 - \$1105 - \$1825 sebulan

(Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman).

##### Elauan-Elauan:

a. Elauan 'P' - \$100.00 sebulan.

b. Elauan Khas - \$70.00 sebulan.

##### Syarat-syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan ini hendaklah mempunyai kelayakan-kelayakan seperti berikut:-

##### Umur:

Umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih dari 26 tahun.

##### Akademik:

Mempunyai Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya dan lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu).

##### Fizikal:

a. Tinggi tidak kurang 1.63m tidak bersepatu.

b. Ukuran dada sekurang-kurangnya 86cm apabila tidak ditarik nafas.

c. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekak (contact lens) dan boleh membaca dekat J.1/N.5. Tidak buta warna.

d. Pendengaran biasa dan tidak cacat.

e. Tubuh badan yang tegap dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-Ray.

##### Pengalaman:

a. Mempunyai pengalaman sebagai pegawai rendah penjara adalah satu keutamaan.

b. Mempunyai pengalaman dan kepandaian dalam jurusan-jurusan yang lain adalah satu kelebihan.

##### Tempoh Percubaan:

Di antara 1 hingga 3 tahun.

##### Latihan:

Akan menjalani latihan seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Penjara.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab:**

Tertakluk kepada Akta dan Aturan-Aturan Penjara (Penggali 51) dan semua undang-undang bertulis mengenai penghuni-penghuni dan Pusat Pemulihan Dadah serta lain-lain tugas seperti yang diarah oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa.

#### 3. JAWATAN:

##### WARDEN (Lelaki)

##### Tanggungjawab:

P 1 - \$605 - \$885 sebulan

a. Elauan 'P' - \$100.00 sebulan

b. Elauan Khas - \$10.00 sebulan.

##### Syarat-syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan ini hendaklah mempunyai kelayakan-kelayakan seperti berikut:-

##### Umur:

Umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun.

#### Akademik:

Lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan kelulusan yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.

#### Fizikal:

a. Tinggi tidak kurang 1.57m tidak bersepatu.

b. Ukuran dada sekurang-kurangnya 81sm apabila tidak ditarik nafas.

c. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekak (contact lens) dan boleh membaca dekat J.1/N.5. Tidak buta warna.

d. Pendengaran biasa dan tidak cacat.

e. Tubuh badan yang tegap dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan termasuk pemeriksaan X-Ray.

#### Pengalaman:

a. Mempunyai pengalaman dan kepandaian dalam jurusan-jurusan yang lain adalah satu kelebihan.

#### Tempoh Percubaan:

Di antara 6 hingga 12 bulan.

#### Latihan:

Akan menjalani latihan seperti yang ditetapkan oleh Pengarah Penjara.

#### Tugas-Tugas dan Tanggungjawab:

Tertakluk kepada Akta dan Aturan-Aturan Penjara (Penggali 51) dan semua undang-undang bertulis mengenai penghuni-penghuni dan Pusat Pemulihan Dadah serta lain-lain tugas seperti yang diarah oleh Pengarah Penjara dari semasa ke semasa.

#### CARA MEMOHON:

Seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan dan Ketua Jabatannya

itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Suhi dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada:

Ibu Pejabat Penjara,

Rumah Penjara Jerudong,

Jalan Penjara Jerudong,

Negara Brunei Darussalam.

Borang tersebut hendaklah disisakan sepenuhnya dalam 2 salinan dengan

membubuh 2 keping gambar pada tiap-tiap borang yang disisakan dan

dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil

persekolahan kepada:

Pengarah Penjara,

Jabatan Penjara,

Bandar Seri Begawan 2013

#### Atau

P.O. Box 2256,

Bandar Seri Begawan 1922,

Negara Brunei Darussalam.

Atau di hantar terus secara persendirian kepada:

Ibu Pejabat Penjara,

Rumah Penjara Jerudong,

Jalan Penjara Jerudong,

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup: 16 Mac, 1992



### KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA,

Bilangan Tawaran: 1/1992

PENAWAR-PENAWAR yang berdaftar sebagai peniaga kecil dan seumpamanya adalah dipelawa menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwah Ugama, Negara Brunei Darussalam 1180 tidak lewat daripada 29 Februari, 1992 hari Rabu jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin bagi:-

1. a. Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Kampong Lurong Dalam, Brunei II (murid 1,092 orang).

b. Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, Brunei II (murid 1616 orang).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dalam sampul surat yang tertutup beserta dengan salinan surat/sijil perniagaan dan ditulis dengan perkataan yang berikut di luar sampul surat tanpa menunjukkan identiti pengirim:-

a. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam, Brunei II.

b. Tawaran Kantin Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, Brunei II.

3. Penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei II atau Guru-Guru Besar Sekolah Ugama berkenaan bila-bila masa waktu pejabat/sekolah.

4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas atau tanpa menyertakan salinan surat/sijil perniagaan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.

### TAWARAN KAWASAN-KAWASAN INDUSTRI KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

#### 1. LAMBAK KANAN (BARAT)

LOKASI: Di antara Jalan Berakas Link disebelah kiri menuju ke Lebuhraya Muara-Tutong, berhadapan dengan kawasan Perindustrian Lambak Kanan, kira-kira 12 kilometer dari bandar.

PLOT YANG DITAWARKAN: 49 Plot (@ ½ ekar)

AKTIVITI: Sektor memproses makanan dan industri bersih.

#### 2. SERASA, MUARA

LOKASI: Kawasan ini berhadapan dengan air-dalam Muara dan berhampiran dengan Kompleks Pemunggalan Ikan, kira-kira 27 kilometer dari bandar.

PLOT YANG DITAWARKAN: 119 Plot (@ ½ ekar)

AKTIVITI: Sektor perusahaan berat yang memerlukan kawasan yang berdekatan dengan pelabuhan dan diutamakan bagi pengeluaran untuk eksport.

#### 3. SALAR

LOKASI: Tapak ini terletak di Jalan Muara dan simpang Jalan Kota Batu kira-kira 20 kilometer dari bandar.

PLOT YANG DITAWARKAN: 79 Plot (@ ½ ekar)

AKTIVITI: Sektor perusahaan perabot, gudang dan stor simpanan.

#### 4. SERAMBANGUN, TUTONG

LOKASI: Kawasan ini terletak berhampiran dengan Jambatan Tutong dan Sungai Tutong disebelah kiri menuju ke Kuala Belait kira-kira 48 kilometer dari bandar.

PLOT YANG DITAWARKAN: 25 Plot (@ ½ ekar)

AKTIVITI: Sektor perusahaan ringan yang berhubung kait dengan perusahaan perkhidmatan dan pembuatan.

#### 5. KUALA BELAIT (FASA I, FASA II)

LOKASI: Kawasan ini terletak di sebelah Selatan Jalan Setia Diraja dan sebelah timur penempatan Marine Yard dan Gudang B.S.P. Co. kira-kira 2 kilometer dari Pekan Belait.

PLOT YANG DITAWARKAN: 53 Plot (@ ½ ekar)

AKTIVITI: Sektor perusahaan ringan yang berhubung kait dengan sektor perusahaan perkhidmatan dan pembuatan.

#### 6. SUNGAI BERA

LOKASI: Kawasan ini terletak di Jalan Seria By Pass disebelah kiri menuju Kuala Belait kira-kira 21 kilometer dari Pekan Belait.

PLOT YANG DITAWARKAN: 120 Plot (@ ½ ekar)

AKTIVITI: Industri ringan, gudang dan stor penyimpanan.



### JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran: JPE/LTN/10/1992

#### Tajuk Kerja:

ELECTRICAL INSTALLATION FOR SPORTS COMPLEX AT

TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran: \$200.00

Tarikh Tutup: 10 Februari, 1992 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup: Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan

Kelayakan Pemborong: Pemborong elektrik kelas "A" & "B" sahaja.

Bilangan Tawaran: JPE/LTN/11/1992

#### Tajuk Kerja:

SUPPLY AND INSTALL SERVICE MAINS, FITTINGS, WIRINGS

AND ACCESSORIES FOR HOUSING SCHEME AT KAMPONG

RATAIE, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran: \$200.00

Tarikh Tutup: 10 Februari, 1992 jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup: Kotak Tawaran, Kementerian Kewangan

Kelayakan Pemborong: Pemborong elektrik kelas "A" & "B" sahaja.

#### PERINGATAN:

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut

bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik,

Bangunan SPA, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

# IKLAN-IKLAN



## JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal untuk membekalkan perkara-perkara berikut kepada Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

Bilangan Tawaran : JSPN/T/67/91 ROOFING SHEET,

Bilangan Tawaran : JSPN/T/68/91 TYRE

Bilangan Tawaran : JSPN/T/69/91 HYDRANT VALVE,

Bilangan Tawaran : JSPN/T/70/91 BRC FABRIC,

- Tarikh tutup : Isnin, 3 Februari 1992, tidak lewat jam 12.00 tengah hari.
- Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Km 5 1/2 Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu-waktu bekerja.
- Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, dan diterima tidak lewat dari tarikh tutup di atas.

### HARGA BARANG

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 22 Januari, 1992.

Jenama	Harga	Nama Kedai
Lada Kering 1 Kilogram	\$6.00	Thye Seng Department Store, B1, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan.
	\$5.00	Chop Hoe Hing, No. 4, Jln Enche Awang, Tutong.
	\$6.00	Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai, Kuala Belait
	\$6.00	Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan, Omar Ali, Seria
Halia 1 Kilogram	\$2.40	Chop Hen Long, No. 31 Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
	\$2.80	Soon Lee Mimi Mart, 1, Jln Enche Awang, Tutong.
	\$3.30	Koh Kee No. 60, Jalan Pretty, Kuala Belait
	\$3.00	Haji C.A. Mohamad, No. 51, Jalan Bunga Kuning Seria
Q.B.B Pure Ghee 500 ml.	\$4.20	Chop Kian Lee A4, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan.
	\$4.20	Chop Tong Huat No. 17, Jalan Enche Awang, Tutong.
	\$3.80	Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty, Kuala Belait.
	\$4.20	Chop Nam Wah No. 64, Jalan Bunga Kenanga, Seria

Dikeluarkan oleh Bahagian Pengawal Harga, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.



## JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

POS/01/1992 : MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

POS/02/1992 : MEMBEKALKAN KASUT UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- Borang-borang dan penerangan lanjut boleh diperolehi daripada, Bahagian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pusat Memproses Surat & Bungkusan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 2050
- Tarikh tutup ialah pada hari Rabu 5 Februari, 1992 jam 2.00 petang.



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-syarat Tawaran :-

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

- Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat (I) Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tawaran Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, bolehlah diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Kuala Belait.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JKR 9 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "AX" & "A" sahaja untuk :

PROJEK NO : AD621/2301  
MENAMBAH/UBAHSUAI MASJID MOHAMED BOLKIAH, KAMPONG SERUSOP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 6 Februari 1992.

Tarikh Tutup : 10 Februari, 1992

Cagaran Tawaran : \$500.00 + \$100.00 (Lukisan)



## JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PRE-QUALIFICATION APPLICATION FOR LINE PLANT TURNKEY PROJECTS

- PEMOHON-PEMOHON adalah dipelawa untuk ikut serta dalam 'pre-qualification' bagi pemborong-pemborong antarabangsa yang bersesuaian dan berkelayakan bagi tawaran projek 'turnkey basis' bagi kawasan litar-rangkaian kabel-kabel telefon secara 'turnkey basis' bagi kawasan litar-sawat Sengkuring, Jerudong, Mumong, Subok dan kawasan-kawasan RSLU yang berkenaan.
- Borang permohonan bagi kelayakan pemborong-pemborong 'pre-qualification of tenderers' boleh diperolehi daripada Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Korporat, Jabatan Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas
- Notis bagi kelayakan pemborong-pemborong 'pre-qualification of tenderers' dibuka dari jam 9.00 pagi, 18 Januari 1992 dan tarikh tutup adalah pada jam 3.00 petang, 18 Februari 1992.
- Dokumen-dokumen yang berkaitan bagi permohonan ini hendaklah disertakan bersama. Pemohon-pemohon yang lewat menghantar permohonan mereka daripada tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

Bilangan Rancangan : JTB/SLR 0028

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong kelas A yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.
- Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan HAULING, JOINTING & TESTING CABLES AND PROVIDING SERVICE IN SALAR CABINETS 01, 02, 04, 05 & 06 AREAS.
- Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 10 Februari, 1992. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :

JTB/SLR 0028

HAULING, JOINTING & TESTING CABLES AND PROVIDING SERVICE IN CABINETS 01, 02, 04, 05 & 06 AREAS

- Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Pentadbiran Jabatan Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam, dengan cagaran tawaran sebanyak \$2,000.00 yang akan dikembalikan dan \$100.00 tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.
- Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi, Isnin, 3 Februari, 1992 bertempat di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian Jabatan Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan.
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.
- Pemborong-pemborong hendaklah menyertakan salinan pendaftaran perniagaan bersama-sama dengan tawarannya.

Bilangan Rancangan : BGR 0021

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong kelas A yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan PROVISION OF SUB DUCT FOR OPTICAL FIBRE CABLE BETWEEN BANGAR EXCHANGE AND RATAIE RSLU.

- Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Perhubungan, Tingkat 2, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam 1150 sehingga jam 2.00 petang pada hari Rabu, 12 Februari, 1992. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :

BGR 0021

PROVISION OF SUB DUCT FOR OPTICAL FIBRE CABLE BETWEEN BANGAR EXCHANGE AND RATAIE RSLU

- Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Ofis Pengarah Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam, dengan cagaran tawaran sebanyak \$1,000.00 yang akan dikembalikan dan \$100.00 tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.
- Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.00 pagi, Rabu, 5 Februari, 1992 bertempat di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian Jabatan Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan.
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.
- Pemborong-pemborong hendaklah menyertakan salinan pendaftaran perniagaan bersama-sama dengan tawarannya.

# IKLAN-IKLAN

## KURSUS DIPLOMA JURURAWAT DI MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan bagi mengikuti Kursus Diploma Jururawat di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selama 3 tahun 6 bulan iaitu bagi sesi 1992-1995 adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing. Penduduk-penduduk tetap bolehlah juga memohon.

### 1. JENIS KURSUS

Pada masa ini maktab ini hanya akan menjalankan kursus asas jururawat jawatan Jururawat.

### 3. SYARAT DAN KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang akan ditemuduga untuk dipertimbangkan:-

- a) **Kelulusan Akademik.**
  - i) Memiliki sekurang-sekurangnya empat (4) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa, sama ada diperolehi dalam sekali atau terkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge atau peperiksaan yang sebanding dengannya.
  - ii) Mata-mata pelajaran dalam peringkat biasa hendaklah mengandungi mata pelajaran Bahasa Melayu dan salah satunya mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, atau Sains atau Bahasa Inggeris dan mempunyai 2 mata-mata pelajaran yang lain.
  - iii) Mereka yang mempunyai kelulusan Bahasa Melayu (pangkat lulus) dan 3 kredit dalam mata-mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris atau salah satu dari mata-mata pelajaran Sejarah, Geografi, Ekonomi, Perniagaan, Prinsip Akaun boleh juga diberi pertimbangan khas. Calon-calon sedemikian diwajibkan untuk mendapatkan kepujian dalam Bahasa Melayu dalam masa berkursus di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Negara Brunei Darussalam.

- b) **Umur.**  
Tidak melebihi 30 tahun pada 1 Julai, 1992.
- c) **Perjanjian**  
Calon-calon yang terpilih dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:-
  - i) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada kerajaan dengan sepenuhnya semua perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak kerajaan.
  - ii) Dia akan berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kerjaya Jururawat selama lima tahun selepas berkursus dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana rumah sakit dan klinik-klinik di Negara Brunei Darussalam, di bawah Kementerian Kesihatan.
  - d) **Sijil Kesihatan.**  
Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui Kerajaan.

<b>TAHUN PERTAMA</b>	
Elaun sara hidup	- \$250.00/= sebulan.
<b>TAHUN KEDUA</b>	
Elaun sara hidup	- \$270.00/= sebulan.
Elaun Shift dan Night Duty	- \$180.00/= sebulan.
<b>TAHUN KETIGA DAN 6 BULAN.</b>	
Elaun sara hidup	- \$300.00/= sebulan.
Elaun Shift dan Night Duty	- \$200.00/= sebulan.

Mereka yang berjaya dan lulus dalam latihan akan disokong menjadi Jururawat dalam sukatan gaji M5 - M6

### 5. PERMOHONAN

- a) Semua permohonan hendaklah menggunakan borang khas yang dikeluarkan oleh Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.  
Semua pertanyaan hendaklah ditujukan kepada Maktab Jururawat melalui Tel No: 332663 atau 330806
- b) Semua borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Pengetua maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam, di Tingkat 3, tidak lewat pada 16 Mac, 1992.


### 6. PERHATIAN

Sebarang borang permohonan yang diterima tidak disertakan dengan perkara-perkara yang dikehendaki atau tidak ditulis dengan lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Negara Brunei Darussalam dari tarikh yang dihadkan tidak akan dilayan.

### KEMUDAHAN DAN ELAUN PENUNTUT

- (a) Pemohon-pemohon yang terpilih memasuki maktab akan mendapat elaun makan-minum sebanyak \$100.00 sebulan dan juga elaun mencuci pakaian sebanyak \$20.00 sebulan.

## RUANGAN ALAI



## PAT-PAT GULAMBIR

### SOALAN

1. Gambar ini diambil dari sudut tertentu, sebutkan apakah nama lengkap bangunan ini?
2. Di daerah manakah letaknya bangunan ini?

### SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan alai yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika banyak alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti kemeja T; alatulis atau buku-buku.
3. Gambar comel alai akan disiarkan dalam PELITA BRUNEI di ruangan Pat-Pat Gulambir.

### TARIKH TUTUP

1. Hantarlah borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

### BORANG JAWAPAN Pat-Pat Gulambir .....

Jawapan :

1. ....
2. ....

Nama : \_\_\_\_\_

Umur : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Telefon rumah (jika ada) : \_\_\_\_\_

Sekolah : \_\_\_\_\_

Hantarlah borang jawapan alai:

Kepada,  
Ruangan Alai,  
Pat-Pat Gulambir, 4,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan 2041,  
Negara Brunei Darussalam.

### NAMA PEMENANG PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN 1 JANUARI, 1992

Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 1 Januari, 1992 ialah **Bangunan Kementerian Pendidikan.**

Mereka yang berjaya memenangi hadiah setelah dijalankan undian ialah :

**AWANGKU MD. YUNUS PENGIRAN SABUDDIN**  
NO 126-C KAMPONG BAKUT BERUMPUT  
BANDAR SERI BEGAWAN 2482  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.  
SEKOLAH : MENENGAH AWANG SEMAUN.

**MOHD. NAZRI BIN HAJI MD. SATRI**  
6 F-15 JALAN BAHAGIA  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
SEKOLAH : MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN.

**AZOANA BINTI HAJI AWANG.**  
NO 31. JALAN 5. SIMPANG 189  
KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.  
SEKOLAH : MENENGAH LAMBAK KANAN.



AWANGKU MD. YUNUS PENGIRAN SABUDDIN



MOHD. NAZRI BIN HAJI MD. SATRI



AZOANA BINTI HAJI AWANG

# IKLAN-IKLAN



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

### Syarat-syarat Tawaran :-

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat (1) Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tawaran Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, bolehlah diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL : JKR 10 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "AX" & "A" sahaja untuk :

PROJEK NO : 91AB/KPS001  
KERJA-KERJA PEMULIHAN BAGI BLOK B YANG SEDIA ADA DI KOMPLEKS PERINDUSTRIAN BERIBI (PERINGKAT 1) JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 6 Februari 1992.

Tarikh Tutup : 10 Februari, 1992

Cagaran Tawaran : \$500.00

### BIL : JKR. KB 3 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" & "AX" sahaja untuk :

PROJEK NO : AR607/2804  
MENINGKIKAN MUTU DAN MEMANTAPKAN JALAN KECIL KUALA BELAIT, DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 6 Februari 1992.

Tarikh Tutup : 10 Februari, 1992

Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

### BIL : JKR. KB 4 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "AX" & "A" sahaja untuk :

PROJEK NO : AW617/0601  
PENYAMBUNGAN BEKALAN AIR KE KAMPONG KUALA BALAI, KUALA BELAIT (PASA 1), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 6 Februari 1992.

Tarikh Tutup : 10 Februari, 1992

Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

## TAWARAN PERUSAHAAN KILANG MAKANAN TERNAKAN

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berminat untuk mengendalikn Perusahaan Kilang Makanan Ternakan. Pemohon-pemohon mestilah berkemampuan terutama dari segi pengalaman, kewangan, tenaga pekerja dan penggunaan teknologi bagi pengendalikn Kilang Pembuatan Makanan ternakan.

2. Tawaran hendaklah diamlatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam peti Tawaran Kecil Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Rabu 26 Februari, 1992.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/ tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Dokumen-dokumen dan barang-barang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Unit Industri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



## JABATAN TELEKOM

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada wakil-wakil penjual yang berkelayakan dipelawa bagi mendapatkan "Lesen Pembekal Alat Telefon", untuk kegunaan orang ramai di Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat dan penerangan-penerangan lanjut diperolehi daripada Bahagian Perdagangan, Jabatan Telekom, Bangunan Kementerian Perhubungan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam.



## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### Bilangan Tawaran : JDB/TD/2/1992

PROJEK CADANGAN MEMBINA 2 BUAH JETI BATU BAGI MENGGANTI JETI KAYU DI MUKIM BURONG PINGGAI AYER

1) CADANGAN JETI NO. 14 KAMPONG BURONG PINGGAI AYER

2) CADANGAN JETI KG. SETIA NEGARA

TAWARAN ada dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar untuk membina jeti-jeti seperti di atas.

2. Tawaran hendaklah dihantar di Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam, dalam sampul surat yang tertutup tidak lewat pada 6 Februari 1992 jam 4.00 petang. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit sahaja) dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran dengan jujur.

4. Penerangan lanjut boleh diperolehi dari Penyalaras Projek di Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### Bilangan Tawaran : JDB/TD/3/1992

PROJEK CADANGAN MEMBINA 2 BUAH JETI BATU BAGI MENGGANTI JETI KAYU DI MUKIM SABA

1) CADANGAN JETI NO. 33 KAMPONG SABA

2) CADANGAN JETI NO. 35 KAMPONG SABA

TAWARAN ada dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar untuk membina jeti-jeti seperti di atas.

2. Tawaran hendaklah dihantar di Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam, dalam sampul surat yang tertutup tidak lewat pada 6 Februari 1992 jam 4.00 petang. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit sahaja) dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran dengan jujur.

4. Penerangan lanjut boleh diperolehi dari Penyalaras Projek di Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



## JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

### Bilangan Tawaran : JPE/LTK/29/1992

Tajuk Kerja :

SUPPLY AND DELIVERY OF UNIFORM TO ELECTRICAL SERVICES DEPARTMENT STORE AT GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran : \$100.00

Tarikh Tutup : 26 Februari, 1992 hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan

Kelayakan Pemborong : Peniaga Tempatan yang berdaftar dan mahir dalam selok belok Tukang Jahit.

### Bilangan Tawaran : JPE/LTK/32/1992

Tajuk Kerja :

ELECTRICAL, TELEPHONE & FIRE ALARM INSTALLATION FOR LECTURE AND MINI-THATRE AT RELIGIOUS TEACHERS TRAINING COLLEGE, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran : \$100.00

Tarikh Tutup : 22 Januari, 1992 jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan

Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A", "B" dan "C"

### Bilangan Tawaran : JPE/LTK/33/1992

Tajuk Kerja :

REWIRING ELECTRICAL INSTALLATION FOR BURNT BARRACK, BLOCK 8, JALAN WASPADA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cagaran : \$100.00

Tarikh Tutup : 29 Januari, 1992 hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Kementerian Pembangunan

Kelayakan Pemborong : Pemborong elektrik kelas "A", "B" dan "C"

PERINGATAN :

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bangunan SPA, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.



## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

### Bilangan Rancangan : JPA/AT/92/1

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa "bagi membekal 'SPARE PARTS FOR AIRPORT EQUIPMENT'".

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan.

### TAWARAN BAGI MEMBEKAL SPARE PARTS FOR AIRPORT EQUIPMENT

Bilangan Tawaran : JPA/AT/92/1

Tarikh Tutup : 19 Februari, 1992

Kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 2, Bangunan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 1150, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Rabu, 18 Februari 1992.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operesen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran \$100.00.

6. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Operesen, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam.

Telefon : [02] 330142 sambungan 1010

Teleks : BU 2267

Faks : [02] 331706

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

# IKLAN-IKLAN



## JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN

- TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat 3 Februari, 1992 jam 12.00 tengah hari.
- Tawaran-tawaran yang diterima dari tarikh dan masa yang tidak ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan nama perkara-perkara yang ditawarkan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

BIL: 1/1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan untuk membekalkan perkara berikut bagi tahun 1992 bagi:

**MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan di masa pejabat dibuka sehingga hari Khamis 29 Januari, 1992.

Cagaran tawaran: \$200.00

BIL: 2/1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal tempatan untuk membekalkan:

**MEMBEKALKAN KENDERAAN-KENDERAAN DAN KELENGKAPAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan di masa pejabat dibuka sehingga hari Khamis, 30 Januari, 1992.

Cagaran tawaran: \$200.00 (tiap-tiap jenis kenderaan).

BIL: 3/1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal tempatan untuk membekalkan:

**MEMBEKALKAN TONG SAMPAH KEPADA JABATAN LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen bolehlah didapati dari Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan di masa pejabat dibuka sehingga hari Khamis, 30 Januari, 1992.

## JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK

TEMPAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA	TARIKH MENGEMBALIKAN
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	26.1.92	Ahad	9.00 — 10.00 pagi	8.2.92
Kampong Perpindahan Serasa Muara	26.1.92	Ahad	10.15 — 11.15 pagi	8.2.92
Di Hadapan Kedai Pekan Muara	26.1.92	Ahad	11.30 — 12.00 T/hari	8.2.92
Sekolah Rendah Junjong	27.1.92	Isnin	9.00 — 10.00 pagi	10.2.92
Sekolah Rendah Panchor Murai	27.1.92	Isnin	10.15 — 11.15 pagi	10.2.92
Sekolah Rendah Lumapas	27.1.92	Isnin	9.30 — 10.30 pagi	10.1.92
Sekolah Inggeris Berakas	27.1.92	Isnin	2.00 — 3.00 petang	10.2.92
Sekolah Agama Perpindahan Berakas	27.1.92	Isnin	3.30 — 4.15 petang	10.2.92
Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok	28.1.92	Selasa	8.30 — 9.30 pagi	11.2.92
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	28.1.92	Selasa	9.45 — 10.45 pagi	11.2.92
Sekolah Rendah Serasa	29.2.92	Rabu	9.45 — 10.15 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Mentiri	29.2.92	Rabu	10.30 — 11.00 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar	29.2.92	Rabu	11.15 — 11.45 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Pulauie	29.2.92	Rabu	9.30 — 10.30 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Pintu Malim	29.2.92	Rabu	9.00 — 10.00 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Tungku	29.2.92	Rabu	10.30 — 11.30 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Lumut, Belait	27.1.92	Isnin	9.30 — 10.30 pagi	10.2.92
Sekolah Rendah Teisai, Tutong	29.2.92	Rabu	9.45 — 10.45 T/hari	12.2.92
Sekolah Rendah Rampayoh, Belait	30.1.92	Khamis	9.45 — 10.45 pagi	13.2.92
Sekolah Rendah Labi, Belait	30.1.92	Khamis	11.00 — 12.00 T/hari	13.2.92
Sekolah Rendah Puni	27.1.92	Isnin	9.00 — 10.00 pagi	10.2.92
Sekolah Rendah Bukok	27.1.92	Isnin	10.15 — 11.15 pagi	21.2.92
Sekolah Rendah Kenua	29.2.92	Rabu	9.00 — 10.00 pagi	12.2.92
Sekolah Rendah Semabat	29.2.92	Rabu	10.15 — 11.15 pagi	12.2.92



## KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-syarat Tawaran :

- DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Bahagian Akuan, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Pejabat Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
- Tawaran-tawaran hendaklah dibantar ke alamat-alamat yang berkenaan di bilangan 3 dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan hendaklah dibantar tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 12 Februari, 1992 dan dialamatkan kepada:
- Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Cagaran bagi tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

### TAWARAN-TAWARAN KECIL

Bil. Tawaran	Keterangan	Cagaran
KK/TK/1/92	MEMBEKAL DAN MEMASANG TANGKI PENYIMPAN AIR UNTUK HOSPITAL PENGIRAN ISTERI HAJJAH MARIAM TEMBURONG	\$100.00

## DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 19 TAHUN 1986

EX-PARTE : PG. YEKOP BIN PG. TIMBANG Penghutang Penghakiman

### NOTIS KEPADA PEMUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 24 Februari, 1988. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 22 Februari, 1992 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Februari, 1992, jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

Bertarikh 7 Januari, 1992.



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 1, Blok "B" Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 5 Februari, 1992.

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
- Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
- Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
- Tawaran-tawaran hendaklah dibantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pendidikan, Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Unit Tawaran Kecil, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

ISNIN - KHAMIS	8.00 pagi - 11.00 pagi
	1.30 petang - 2.30 petang
SABTU	8.00 pagi - 10.00 pagi

- Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$100.00 dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (Bona-fide tender).
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.

### BIL. TAWARAN KETERANGAN

DA/TQ/08/92	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN DAN PADANG: SEKOLAH MENENGAH BERAKAS (11 EKAR) bagi tempoh 2 tahun
DA/TQ/09/92	MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN DAN PADANG: i) SR. ANGGER DESA (4 EKAR) ii) SR. DELIMA SATU (4 EKAR) Bagi tempoh 2 tahun
DA/TQ/10/92	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG TANGKI AIR.
DA/TQ/11/92	MEMBEKALKAN, MENGHANTAR DAN MENGUJI TRANSPARENCY MAKER
DA/TQ/12/92	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENGUJI ALAT TAYANG SLIDE (Slide Projector, Trays and Screen)
DA/TQ/13/92	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENGUJI JANAKUASA (Diesel Generator)
DA/TQ/14/92	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENGUJI STUDENT MICROSCOPE
DA/TQ/15/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERUSI DAN MEJA PRASEKOLAH
DA/TQ/16/92	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJI ALAT PENGHEBAH
DA/TQ/17/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERABOT PERPUSTAKAAN
DA/TQ/18/92	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENGUJI OVERHEAD PROJECTOR DAN SCREEN
DA/TQ/19/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MEJA DAN KERUSI GURU DARJAH
DA/TQ/20/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MEJA DAN KERUSI MURID
DA/TQ/21/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MEJA DAN KERUSI GURU BESAR
DA/TQ/22/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR WHITE BOARD
DA/TQ/23/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MEJA SOFA (Kerusi Tetamu)
DA/TQ/24/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAPAN HILAU
DA/TQ/25/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAPAN KENYATAAN (Soft Board)

## Belia dan Sukan

Kelolaan Haji Ahar Haji Ismail



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah mengurniakan hadiah kepada juara perseorangan perempuan, Hajjah Kartinah. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

### Pasangan YAM Pengiran Muda Abdul Qawi, Chong Wei Lung muncul juara

PASANGAN Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Chong Wei Lung keluar sebagai juara bergu Kejohanan Badminton Bawah 21 Tahun anjuran Royal Brunei-JASRA yang berakhir di Kompleks Sukan RBA pada 18 Januari.

Dalam perlawanan akhir itu, Yang Amat Mulia dan Chong Wei menundukkan Pasangan Mohammad dan Mahari straight set 15-10, 15-13.

Di perlawanan set pertama, Yang Amat Mulia dan Chong pada mulanya mengatasi Mohammad dan Mahari jauh 8-2, tetapi kemudian rapat dengan kedudukan 11-10 sebelum kecundang dengan 15-10.

Kemudian di set kedua pandangan Mohammad dan Mahari memperlihatkan peningkatan yang baik dengan memberikan tentangan sengit hingga kedudukan pungutan mata sering bertentangan. Bagaimanapun di saat akhir permainan Yang Amat Mulia dan Chong mengatasi dengan 13-10. Pada saat itu Mohammad dan Mahari terus mencabar dan menyamakan kedudukan menjadi 13-13 sebelum tewas 15-13.

Sementara itu dalam perlawanan perseorangan lelaki, Wong Kong Soon dengan mudah menumpaskan Ho Lee Soum straight set 15-5, 15-1.

Juara muda itu menguasai keseluruhan per-

mainan dengan mengamalkan pukulan 'jumping smash' serta 'dropshot' yang mengelirukan.

Keadaan tersebut membuatkan Ho Lee Soum keletihan dan gagal memberikan tentangan.

### Hajjah Kartinah raih hadiah \$600.00

HAJJAH Kartinah Haji Minggu berjaya menjuarai Kejohanan Badminton Perseorangan Perempuan Bawah 21 Tahun anjuran Royal Brunei-JASRA setelah menundukkan Fauziah Haji Mohd. Salleh 7-11, 11-6, dan 12-10 dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan RBA Ahad 18 Januari lepas.

Hajjah Kartinah menghadapi laluan sengit sebelum memenangi pertandingan itu dalam tiga set permainan.

Fauziah pada mula perlawanan set pertama memulakan permainan cukup berkesan dengan mendahului di set pertama 11-7. Tetapi di perlawanan set kedua pula Hajjah Kartinah bangkit menyerlah dan seterusnya memenangnya set kedua itu dengan 11-6.

Dalam perlawanan penentuan di rubber set pula pertarungan semakin hebat

dan kedudukan mata sering bertentangan hingga ke kiraan dius 9-9.

Dalam keadaan dius itu, Hajjah Kartinah mengambil kesempatan yang terbaik untuk memenangi perlawanan itu dengan 12-10.

Kemudian dalam perlawanan bergu perempuan pula Hajjah Kartinah sekali lagi turun berpasangan dengan Karyanti menentang pasangan Fauziah dan Hajjah Siti Maizan yang kemenangan berpihak kepada pasangan Hajjah Kartinah dan Karyanti 15-11, 15-12.

Dalam pertarungan itu kedua-dua pasangan berentap hebat dengan mempamerkan corak yang hampir seimbang tetapi pasangan Hajjah Kartinah dan Karyanti lebih bernasib baik dengan banyak memanfaatkan peluang terbuka.

### Berangkat saksikan Kejohanan Badminton Bawah 21 Tahun

PUTERA sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat menyaksikan dan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang Kejohanan Badminton Bawah 21 Tahun anjuran RBA-JASRA di Kompleks Sukan RBA pada 18 Januari lepas.

Juga berangkat menyaksikan perlawanan akhir itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah.

Dalam perlawanan itu, pasangan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Chong Wei Lung muncul sebagai juara dengan meraih hadiah wang \$750.00 bersama piala rebutan.

Juara perseorangan pula disandang oleh Wong Kong Soon dengan meraih hadiah wang \$750.00 bersama piala rebutan.

Dalam bahagian perseorangan perempuan pula dijuarai oleh Hajjah Kartinah Haji Minggu dengan meraih hadiah wang \$600.00 bersama piala manakala dalam bahagian bergu perempuan juga disandang oleh pasangan Hajjah Kartinah dan Karyanti dengan meraih hadiah wang \$600.00 bersama piala.

Juara dan naib perseorangan lelaki serta juara bergu lelaki dijangka akan menyertai Kejohanan Seluruh England pada bulan Mac depan.



KAMI juara... Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Chong Wei Lung menerima piala rebutan. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

### Juarai bahagian gross kejohanan Golf

PENGUASA Polis Awang Zainal Abidin bin Haji Sanip menjuarai bahagian 'gross' keseluruhan Kejohanan Golf sempena Tahun Baru yang berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club, Jerudong Park pada hari Ahad, 12 Januari lepas.

Tempat kedua dimenangi oleh Kolonel Haji Abd. Aziz bin Abdullah.

Manakala juara bahagian 'nett' keseluruhan pula dimenangi oleh Dato Paduka

Malai Ali bin Malai Haji Othman.

Sementara tempat kedua dimenangi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Muda Abdul Kahar.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.



JUARA bahagian 'gross' keseluruhan Kejohanan Golf Sempena Tahun Baru, Penguasa Polis Awang Zainal Abidin bin Haji Sanip menerima piala dari Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim. — Gambar oleh Masmaleh Haji Mohd. Ali.

## Belia dan Sukan

Kelulusan Haji Abat Haji Ismail

# ABDB, Kota Ranger terus berentap untuk rebut juara

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Kota Ranger berasa lega apabila kedua pasukan seri 1-1 dalam pertemuan yang hebat dan penuh dramatik dalam perlawanan bolasepak Liga BAFA-Standard Chartered di Padang Berakas Kem Jumaat lepas.

Dengan keputusan itu kedua-dua pasukan berjaya mengekalkan rekod tanpa kalah dan perjuangannya seterusnya untuk menduduki tangga teratas tergantung kepada baki perlawanan seterusnya.

Faktor bermain di tempat sendiri bagi ABDB dan kelebihan mempunyai barisan pemain elit kebangsaan bagi Kota Ranger tidak mendatangkan apa-apa kesan dan keputusan seri itu diterima sebagai 'nasib baik'.

Kedua-dua pasukan, yang dianggap sebagai pilihan 'favourite' untuk menjuarai liga ini memulakan awal permainan berhati-hati dengan hanya sekali sekala membuat percubaan bahaya.

Setengah jam kemudian corak permainan Kota Ranger berubah sedikit demi sedikit dengan memamerkan rentak yang cepat, melakukan serangan-serangan di kiri dan kanan melalui rangkaian penyerang yang terdiri dari Rosanan Samak, Ishak Haji Yusof dan Zaini Tumih.

Serangan-serangan tersebut bagaimanapun berjaya dipatahkan oleh barisan pertahanan ABDB yang dikemudikan oleh Pengiran Tajuddin Pengiran Othman, Yusof Rashid dan Aji Hussein.

Sekalipun kebal pertahanan ABDB itu, Kota Ranger hampir pasti memperoleh jaringan gol pertama minit ke 39 melalui Ishak Haji Yusof apabila rembatan kirinya terkena palang pintu gol.


Dalam kelekaan Kota Ranger mengatur seran-

gan demi serangan itu, ABDB kemudian mengambil kesempatan mengatur serangan kilat di minit ke 44 melalui Awangku Kamal Bashah yang membuat gerakan solo dari kiri dan terus menyepak masuk ke tepi pintu gol menewaskan Yunos Yusof penjaga gol Kota Ranger.

Menyedari sudah tertinggal 0-1, Kota Ranger menggembelng tenaga dengan menumpukan serangan di bahagian tengah pula yang digerakkan oleh

Awangku Momin Pengiran Ahmad bersama Sahari Timbang. Usaha ini tidak mendatangkan kesan.

Bagaimanapun penantian jaringan penyamaan 1-1 oleh Rosanan Samak amat melegakan Kota Ranger. Jaringan penyamaan tersebut berpunca daripada kesilapan pertahanan ABDB Aji Hussein yang menghantar bola perlahan ke belakang tetapi dapat dipintas oleh Rosanan Samak dan terus merembat masuk.



SENGIT ... Pasukan Sabina jersi belang mengasak ke kubu Indera, dalam pertarungan itu Indera menang 2-1. — Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.



قَسَاتَوَانِ بُولِ سَبِينَا نِكَارِ اَبْرُو زَيْدِ السَّلَامِ  
LIGA BAFA - Standard Chartered '92

## ABDB kekalkan rekod tanpa kalah

HARAPAN Pertama untuk merebut tangga teratas Liga BAFA-Standard Chartered nampak 'pudar' sama sekali apabila tumpas teruk 4-0 kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ahad lepas.

Kekalahan tersebut secara hormat 'memadam-

kan' harapan menggunung kelab dari Daerah Tutong itu yang sebelum ini dianggap sebagai salah sebuah pasukan pilihan.

Dengan baki dua lagi perlawanan menentang 3PML dan Sabina minggu depan, laluan untuk mengutip mata penuh begitu

tipis sekali kerana kedua pasukan itu cukup kental untuk ditundukkan.

Sebaliknya ABDB adalah pasukan yang paling cerah untuk merebut juara setelah mengekalkan rekod tanpa kalah dalam kesemua perlawanan, sementara baki 3 perlawanan lagi iaitu menentang pasukan-pasukan di tangga bawah seperti Madang, Polis Diraja Brunei dan Youngsters tidak banyak masalah bagi ABDB.

Selain ABDB, Kota Ranger juga mempunyai peluang yang sama untuk mengejar kejuaraan dengan hanya mendapat lebih 4 gol mengatasi ABDB, peluang untuk juara adalah cerah.

Kemenangan besar ke atas Damang Sari, PDB dan Youngsters minggu depan sudah pasti meletakkan Kota Ranger ke tangga teratas manakala ABDB juga perlu mendapatkan gol yang banyak dalam tiga perlawanan terakhir untuk menentukan tempat yang sama.

## Sekalipun menang 2 - 1 Indera masih tersisih

SEKALIPUN menumpaskan Sabina 2 - 1, Indera masih tersisih daripada pertandingan merebut kejuaraan bolasepak Liga BAFA-Standard Chartered.

Kemenangan dalam baki dua perlawanan terakhir minggu depan belum menjamin untuk mencapai matlamat itu, kerana pencapaian dua kali seri dan dua kali kalah sudah 'memalapkan impian'.

Dalam pertemuan dengan Sabina di Padang Jabatan Kebajikan Belia, dan Sukan Ahad lalu, Indera sekurang-kurangnya mencatatkan 5 jaringan melalui Salim Haji Othman, tetapi yang berhasil hanya 2 jaringan saja.

Salim Haji Othman yang menjadi 'perusnah' kepada Sabina pada perlawanan itu bertindak pantas dan banyak sasaran rembatannya menepa-

ti badan penjaga gol Sabina, Ibrahim Bakar.

Dalam perlawanan separuh masa pertama, kedua dan pasukan gagal menjaringkan sebarang gol dan bola banyak berlegar di tengah kawasan.

Tetapi di perlawanan separuh masa kedua corak permainan Indera semakin menyerlah dan mempunyai banyak peluang terbuka untuk menjaringkan gol. Bagaimanapun kecemerlangan Ibrahim Bakar bertindak cekap, berjaya menggagalkan kesemua percubaan itu.

Meskipun bertindak cukup baik, barisan pertahanan Sabina 'bocor' juga akhirnya di minit ke 75 dan 82 oleh jaringan Salim Haji Othman manakala jaringan tunggal Sabina diperolehi melalui sepakan penalti oleh Mohd. Rafie Haji Abdul Majid di minit terakhir perlawanan hendak ditamatkan.

### KEDUDUKAN

#### Kedudukan Terakhir Pasukan

Pasukan	Main	M	S	K	J	B	Mata
Kota Ranger	8	6	2	0	32	6	20
ABDB	8	6	2	0	27	3	20
Pertama	9	6	1	2	28	14	19
Youngsters	9	5	2	2	33	11	17
Indera	9	5	2	2	27	12	17
Sabina	9	5	1	3	18	12	16
3PML	8	4	1	3	26	11	13
Damang Sari	8	2	1	5	18	40	7
PERKASA	9	2	1	6	11	41	7
PDB	9	1	0	8	8	39	4
Izen	9	1	0	8	8	39	3
Madang	8	1	0	7	6	37	3

### KEPUTUSAN

#### Keputusan perlawanan dari 14 hingga 19.

14 Januari, 1992  
Perkasa 4 - Damang Sari 2

15 Januari, 1992  
Indera 2 - Pertama 3  
Sabina 2 - Madang 0

17 Januari, 1992  
ABDB 1 - Kota Ranger 1  
Indera 7 - PERKASA 0  
Pertama 4 - Damang Sari 1  
Youngsters 4 - PDB 1  
Madang 0 - Izen 2  
3 PML 1 - Sabina

19 Januari, 1992  
Damang Sari 2 - PDB 2  
Izen 0 - Kota Ranger 6

3 PML 0 - Perkasa 7  
Sabina 1 - Indera 2  
ABDB 4 - Pertama 0  
Madang 0 - Youngsters 10


# ISTERI AN SEMINAR UNA DAN M SEKITAR

k menghindarkan pencemaran dan  
dalam sekitar.

g Teramat Mulia kemudiannya  
pameran yang antara lain menekankan  
pencemaran alam sekitar dan langkah  
indarkannya dan menjaga keselamatan

a ratus peserta yang mewakili jabatan-  
tan, persatuan-persatuan belia dan per-  
yang bergabung dengan Majlis Wanita  
ei Darussalam menyertai seminar yang  
na dua hari bermula 10 Januari lepas.

AMBAR-GAMBAR OLEH  
HARUN RASHID



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan bersabda di Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.



g Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berangkat ke Majlis Seminar Pendidikan  
i dan Pemeliharaan Alam Sekitar anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (atas).  
a gambar kanan ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam ketika menjunjung ziarah  
an majlis Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.



rganal pen-  
ing hadir di

SEBAHAGIAN daripada para peserta yang mengikuti Seminar Pendidikan Pengguna dan Pemeliharaan Alam Sekitar.

# Syarahhan khas....Syarahhan khas....Syarahhan khas....

## Berjaga-jaga menghadapi perang akidah

**H**ADIRIN dan hadirat yang dihormati. Di saat yang penuh berkat ini, mari kita amat-amati dan mengingat kembali peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda berkumpul dengan para sahabat, Baginda bersabda yang bermaksud:

"Pada suatu saat nanti, akan datang di tengah-tengah kamu di mana orang lain di sekeliling kamu akan bersatu mengerumuni kamu, seperti bersatunya orang-orang mengerumuni makanan di atas meja makan."

"Suatu saat nanti di mana keadaan umat Islam sedemikian rupa, yang Barat mahu menerkam, yang Timur mahu menghancurkan, yang Selatan mahu memijak-mijak, yang Utara pun juga akan menjelajah. Keadaan kamu seperti makanan di atas meja hidangan."

Sebahagian para sahabat merasa terkejut lalu mereka bertanya: "Apakah jumlah kami waktu itu sedikit ya Rasulullah? Sehingga kami dikengkap sedemikian rupa. Lalu Baginda menjawab:

"Sama sekali tidak, kamu tidak sedikit, bahkan jumlah kamu adalah sangat banyak."

"Walaupun kamu golongan majoriti, tetapi kamu seperti buih di lautan, banyak, tetapi terumbang-ambing, tidak punya daya kekuatan. Banyak, tetapi dipermainkan gelombang lautan dihepaskan ke tepi pantai tanpa mempunyai makna dan erti."

"Keadaan kamu pada masa itu ialah berkuantiti tetapi tidak berkualiti, sehingga orang lain mudah saja menepung kamu, akidah kamu diselewangkan dengan dibanjiri oleh peradaban dan kebudayaan yang menjauhkan diri dari agama, segala maksiat menepung kamu sehingga kamu melepaskan nilai-nilai Islam yang murni."

Dan yang lebih dahsyat lagi, sabda Baginda, akan dicabut kehebatan kamu di mata musuh-musuh kamu sehingga masa itu orang lain memandang umat Islam tidak menggerunkan, remeh sahaja, tidak ada apa-apa lagi. Pada saat itu di hati kamu dicampakkan penyakit 'Wahan'. Maka para sahabat bertanya, apakah dia penyakit wahan itu ya Rasulullah? Maka Baginda bersabda:

"Penyakit wahan itu tidak lain dari hanya terlalu mencintai dunia dan terlalu takutkan mati."

Dua golongan inilah yang menyebabkan golongan majoriti dipermainkan oleh golongan minoriti.

Ini adalah merupakan satu analisa sosial bahawa pada suatu saat nanti kita umat Islam yang besar jumlahnya akan diserbu dari segala penjuru, akidah diselewangkan, kebudayaan dan peradaban dirosakkan, makanan dan minuman diracun, pakaian ditelanjangi dan sebagainya sehingga kita melepaskan nilai-nilai Islam yang kita cintai ini. Demikianlah gambaran ke

adaan yang akan pasti datang kepada kita umat Islam yang telah diperingatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

### PERANG

Marilah sekarang kita melihat adakah benar di zaman sekarang kira insya Allah tidak akan mengalami perang seperti Perang Badar yang begitu hebat yang pernah dialami oleh Rasulullah dan para sahabat. Tetapi sesungguhnya perang yang kita hadapi di zaman ini tidak kurang hebatnya dengan Perang Badar. Tidak kurang dahsyatnya dengan Perang Uhud. Tidak kurang ngerinya dari Perang Khandak. Hanya saja yang kita hadapi sekarang ini bukan hujung pedang, bukan hujung tombak dan bukan hujung panah. Tetapi yang kita hadapi sekarang ini adalah perang akidah, perang ideologi, perang mempertahankan keyakinan, yang mana jika kita kalah sekarang kita masih beragama, tetapi bagaimana anak-anak kita, cucu-cicit kita, generasi yang akan hidup pada 20 tahun, 30 tahun akan datang dan seterusnya. Wallahu a'lam bisawab.

Islam, tuan-tuan dan puan-puan, tidak mungkin hilang dari dunia ini, tetapi tidak mustahil Islam akan gulung tikar dari kampung kita, dari bandar kita atau dari negara kita jika kita tidak menjaganya, jikalau kita tidak memeliharanya, bahkan jikalau kita tidak mewariskan kepada anak-anak kita, generasi yang akan datang.

Marilah kita mengingat kembali sejarah berkembangnya Islam di Sepanyol, yang pernah berjaya dan pernah mewarnai negara Eropah. Dan sekarang ini hanya tinggal cerita sahaja. Ini pernah diperingatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam satu hadis Baginda:

"Akan datang di satu masa nanti di tengah-tengah umatku di mana pada masa itu, Islam ada tetapi hanya tinggal nama sahaja, dan Al-Quran pun ada tetapi hanya tinggal tulisannya sahaja."

**SYARAHHAN khas di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1412H/1992M yang disampaikan oleh Awang Haji Kassim bin Haji Lamat, Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Uagama.**



Apabila kita tidak mewariskan Islam ini kepada generasi yang akan datang, maka serbuan-serbuan terhadap akidah kita dari segenap penjuru semakin hari kita rasakan kehebatannya, tidak mustahil sejarah Islam di Sepanyol akan terjadi di tempat kita. Na'uzubillahi minzalik.

Bukanlah suatu yang mustahil, jika kita tidak menjaga dan mewariskan Islam ini kepada generasi yang akan datang, maka hasrat musuh-musuh Islam akan tercapai. Maka ketika itu, walaupun umat Islam akan menjadi golongan terbesar tetapi dapat dipermainkan oleh golongan minoriti kerana di hati kita sudah bersarang penyakit terlalu cintakan dunia, maka kita akan hanya berlumba-lumba mengejar kesenangan dunia semata-mata.

Akibatnya, sukar untuk berbuat kebajikan kerana agama amat sukar terwujud di dalam kehidupan kita. Manakala penyakit yang terlalu takut kepada mati, baik mati kerana ajalnya, atau mati usahanya atau mati pangkat dan kedudukannya dan sebagainya, sehingga yang demikian akibatnya jatuhlah kita menjadi umat yang tidak beribadah di mata orang lain.

### PERANG AKIDAH

Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kita ketika ini menghadapi perang akidah, perang menghadapi peradaban dan kebudayaan yang boleh

menghancurkan moral anak-anak kita dan perang menghadapi banjinnya maksiat dan mungkarat. Maka kita adalah berkewajipan menjaga diri kita, menjaga anak-anak kita, menjaga generasi akan datang dengan mengarahkan dan mendidik mereka sesuai dengan kehendak Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya.

Oleh itu, bagaimana idealnya seseorang Muslim lebih dahulu memberikan didikan kepada anak-anaknya di dalam situasi kita hadapi serbuan-serbuan terhadap akidah kita datang dari segenap penjuru dan datangnya silih berganti. Ke mana anak-anak kita ini harus kita arahkan sebagai melaksanankan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Tanggungjawab kita kepada anak-anak adalah merupakan amanah, mensia-siakan amanah adalah berdos besar. Itu sebabnya Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan kita:

"Hai orang-orang yang beriman, jagalah dan peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka."

Jadinya, kalau kita yang hidup di zaman ini sudah selalu beristighfar menekan dada melihat situasi yang berlaku pada masa ini, maka kita sudah boleh bayangkan betapa hebatnya cubaan dan cabaran yang akan ditempuh oleh generasi kita di 30 tahun, 40 tahun akan datang, tentulah jauh lebih berat lagi dari yang kita hadapi pada ketika ini.

Persoalannya sekarang, bagaimana kita mendidik anak-anak kita, maka tidak ada cara yang lebih sesuai dan sempurna selain dari cara didikan yang terkandung dalam kitab suci Al-Quranul Karim.

Dalam mendidik anak-anak berpandukan Al-Quran, perkara utama ialah soal akidahnya. Persoalan yang paling merisaukan Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam: buat anak cucunya ialah:

"Anak-anakku, andainya aku sudah tiada lagi dan sudah meninggalkan kehidupan dunia ini apa yang akan kamu sembah, jika ayahmu sekarang ini rajin ke masjid melakukan rukuk, dan sujud, iktikaf dan membaca Al-Quran, masihkah engkau masuk ke masjid untuk rukuk dan sujud, masihkah engkau beriktikaf atau masihkah engkau membaca Al-Quran?" — Surah Al-Baqarah ayat 133.

Jadinya dalam perkara ini, ditanamkan bukan saja keyakinan bertauhid tetapi sekaligus menyembah Allah yang kita yakinkan dengan tauhid itu tadi. Bukanlah berbeza dengan kita sekarang ini, kita tidak pernah berfikir apa yang anak kita sembah apabila kita sudah tiada. Tetapi kita sekarang awal-awal sudah berfikir apa yang anak-anak kita makan kalau kita sudah tiada. Bukan menyembah apa yang kita khuatirkan tetapi makan apa. Maka justeru itulah kita hanya mendidik anak-anak kita dengan didikan keduniaan semata-mata dengan mengenaikan didikan agama.

Jikapun kita menghantar anak-anak ke sekolah agama, tetapi hanya semata-mata ingin melepaskan beban menjaga anak-anak di rumah sahaja. Soal didikan agama dianggap sebagai perkara sampingan sahaja tidak memberikan makna apa-apa terhadap diri anak-anak. Apa yang dipentingkan ialah persekolahan yang dapat menjamin masa depan anak-anak untuk mendapatkan pekerjaan yang lumayan tanpa memikirkan anak-anak mereka terdedah dengan pengaruh budaya dan peradaban yang boleh menghancurkan dan mengharamkan akidahnya.

### DIDIKAN TAUHID

Mengapa kita tidak berfikir seperti Nabi Ibrahim yang mana sebelum memberikan didikan kecerdasan, sebelum memberikan didikan ilmu sains dan disiplin ilmu-ilmu yang lain terlebih dahulu ditanamkan didikan tauhidnya. Dan sepatutnya persoalan yang dikhuatirkan oleh Nabi Allah Ibrahim itu jugalah yang sepatutnya mengkhawatirkan kita semua terhadap anak-anak kita.

Strategi musuh-musuh Islam untuk menghancurkan umat Islam adalah terlalu licin dan teratur rapi, sehingga kita tidak terasa bahawa kita terperangkap dengan jerat-jerat bisa yang dipasang melalui amal-amal yang bertopengkan kebajikan.

Patur dungsat orang di zaman sekarang tidak akan menghentam Islam secara terang-terangan, apa lagi mengarahkan kekuatan tentera untuk menghancurkan Islam — tidak sama sekali. Jadinya jalan yang paling mudah dirintis oleh musuh-musuh Islam ialah dengan cara memisahkan umat Islam dari Islamnya. Biarkan mereka bernama Muslim, biarkan peta tertulis negara Islam tetapi ditanamkan budaya-budaya yang menyebabkan cara bergaul mereka, cara berumah tangga mereka, cara berjinan mereka, sehingga kepada cara mereka berpakaian, cara mereka makan dan minum, cara mereka mendidik dan menyekolahkan anak, sama sekali tidak lagi mencerminkan nilai-nilai yang Islamik.

Kalau kita sekarang ini penuh menyedari betapa terancamnya akidah anak-anak kita, maka yang wajib kita tanamkan di jiwa anak-anak kita dengan jiwa tauhid supaya ianya sehati dalam hati, meresap ke seluruh darah dan nadinya sehingga tidak akan dapat dipisahkan akidah Islamiah itu dari dirinya.

Dahulu, ada satu tradisi orang tua-tua kita, kalau anak-anak gadis dipinang orang, soalan yang ditanya kepada orang yang meminang: "Adakah anakmu yang ingin meminang anak saya ini sudah khátam Al-Quran atau belum, rajin bersembahyang atau tidak?" Sehingga kebolehan yang ditanyakan adalah merupakan satu kebanggaan pada ketika itu. Tetapi apa pun motif pertanyaan seperti itu, pada zaman sekarang sudah dianggap lapuk, paling-paling yang ditanya kepada yang meminang, apa kerjanya, berapa gajinya sebulan dan sebagainya. Jadinya yang kita persoalkan adalah berkisar soal-soal material, status kerja, sosial dan sebagainya. Perkara pandai membaca Al-Quran tidak masuk kamus, perkara rajin bersembahyang langsung tidak terlintas dalam fikiran, akibatnya terjadi pergeseran nilai. Maka mendidik anak mengikut cara Al-Quran adalah sebaik-baik cara.

**KALAU kita sekarang ini penuh menyedari betapa terancamnya akidah anak-anak kita, maka yang wajib kita tanamkan di jiwa anak-anak kita dengan jiwa tauhid supaya ianya sehati dalam hati, meresap ke seluruh darah dan nadinya sehingga tidak akan dapat dipisahkan akidah Islamiah itu dari dirinya.**

# Syarahnan khas....Syarahnan khas....Syarahnan khas

DARI MUKA 10

## DIDIKAN LOKMAN

Mari kita teliti model didikan yang ideal seperti yang terkandung dalam Surah Lokman dari ayat 13 dan seterusnya. Apakah pendidikan pertama yang harus kita berikan kepada anak-anak mengikut model didikan Lokman, ialah pertama:

**"Hai anak-anakku jangan engkau sekali-kali menyekutukan Allah."**

Jadinya menanamkan tauhid ke dalam jiwa anak-anak adalah merupakan dasar utama dalam pendidikan Islam sebelum dikenalkan ilmu-ilmu yang lain. Kalau dasar tauhid ini sudah tertanam dalam jiwa anak-anak ia merupakan benteng yang kuat.

Mengapa kita terlebih dahulu menanamkan jiwa dan roh tauhid ini kepada anak-anak? Pertama, kerana kita tidak hanya ingin mempunyai anak yang pintar tetapi lebih dari itu kita juga sekaligus ingin mempunyai anak yang benar.

Segala macam disiplin ilmu dan segala macam pengisian intelektual manusia, mungkin di satu segi membuat ia pintar tetapi di segi lain belum tentu akan membuat dia benar.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah memberi peringatan:

**"Orang yang hanya bertambah ilmu pengetahuannya tetapi tidak bertambah hidayah dari Allah tidak mungkin mantap keimanannya, maka seluruh nilai-nilai ilmunya hanya akan menjauhkan dirinya daripada Allah Subhanahu Wataala."**

Sebab yang kedua : Sungguhnya jiwa dan roh tauhid yang melekat dalam diri anak-anak pada puncaknya akan melahirkan satu disiplin murni di mana si anak dalam kehidupannya merasakan kehadiran Allah dekat dalam hidupnya, dan ia sedar sedar-sedarinya bahawa tidak ada satu perbuatan walau bagaimana kecil sekalipun tidak boleh disembunyikan dari pengetahuan Allah Subhanahu Wataala.

Sebab yang ketiga ialah dengan penanaman roh keimanan ini maka diharapkan anak-anak dalam pertumbuhannya sanggup mengendalikan hawa nafsunya secara wajar dan bukan sebaliknya.

Kemudian pendidikan tahap kedua berdasarkan model didikan Lokmanul Hakim ini ialah menanamkan rasa hormat kepada kedua ibu bapa.

**"...dan Kami wasiatkan kepada manusia supaya berbakti kepada kedua ibu bapanya. Kerana ibunya yang telah mengandungnya dalam kepayahan yang berlipat ganda."**

Jadinya bagaimana menanamkan rasa hormat terhadap orang tua di hati anak-anak? Maka jawabnya bagaimana ibu bapa dapat menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anaknya.

Justeru itulah, sebelum anak-anak kenal tadika, sekolah-sekolah rendah, menengah dan seterusnya, maka anak-anak terlebih dahulu kenal lingkungan rumahtangganya. Maka gurunya adalah ibu bapanya, di sini berlakuklah apa yang dinamakan keteladanan yang jauh lebih berhasil dari sekadar teori-teori yang didengar.

## KRISIS WIBAWA

Kegagalan kita menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak menyebabkan kita kehilangan wibawa di mata mereka, maka jika ini berlaku, nescaya kita akan menghadapi kesukaran dalam membentuk keperibadian mereka.


Bukankah di zaman sekarang ini kita telah mengalami krisis wibawa, krisis melawan guru, hanya disebabkan teguran guru yang mendidik, harta benda guru dirosakkan bahkan ada yang sanggup membunuh ibu bapanya sendiri. Peristiwa-peristiwa seperti ini tidak seharusnya terjadi, kerana bukan saja bertentangan dengan nilai-nilai budaya kita sebagai bangsa, tetapi bertentangan dengan ajaran agama yang suci.

Kemudian, didikan tahap ketiga menurut Al-Quran berdasarkan model didikan Lokmanul Hakim ini ialah menanamkan etika moral. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

**"Wahai anakku sesungguhnya kalau ada satu kebajikan yang kamu kerjakan, kecil tidak nampak pada pandangan mata yang zahir, yang kecil itu tersembunyi di puncak langit, di dasar bumi yang paling dalam atau di tengah-tengah batu hitam sekalipun, Allah pasti mengetahuinya dan pasti akan memberikan balasan yang seadil-adilnya."**

Inilah yang dinamakan pendidikan akhlak supaya anak-anak bermoral. Berbuat baik bukan kerana mahu dilihat orang. Tidak melakukan kesalahan bukan kerana adanya undang-undang. Kita tanamkan didikan akhlak ini kepada anak-anak supaya mereka sentiasa sedar bahawa ke manapun ia berada dia sentiasa diawasi dan dilihat oleh Allah Subhanahu Wataala.

Intelektual yang tinggi sekalipun, IQ yang bernilai luar



PARA diplomat asing, setiausaha Setiausaha tetap kerajaan serta lain-lain pegawai-pegawai kerajaan dan orang ramai ketika hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

kita sahaja selepas itu kita akan tinggalkan semua kesenangan yang kita miliki di dunia ini. Adakah kita semua rela mengengap kesenangan yang jauh lebih besar di akhirat nanti hanya semata-mata ingin mengejar kesenangan yang terhad di dunia ini.

Kita seringkali terpesona dengan kesenangan dunia sehingga kita berlumba-lumba

puskan zaman jahiliah tersebut dengan membawa manusia ke zaman yang terang-benderang. Kegagalan kita bererti kita telah mewariskan satu generasi jahiliah moden. Kalau zaman jahiliah orang-orang mabuk kerana minum arak, tetapi zaman jahiliah moden akan mabuk dari berbagai-bagai sumber yang banyak. Jika di zaman jahiliah setiap anak perempuan ditanam hidup-hidup tetapi di zaman jahiliah moden ini telah membunuh anak yang masih dalam kandungan kerana malu dari hasil perbuatan sendiri yang tidak bermoral dan bermarah.

Setelah diajarkan tauhid, taat kepada kedua ibu bapa dan mempunyai nilai-nilai moral yang luhur maka baharulah dididik:

**"...maka diajarkan anak-anak supaya mengerjakan sembahyang."**

Kerana rumahtangga Muslim digariskan oleh agama Islam supaya memastikan seisi keluarga melaksanakan tanggungjawab bersembahyang. Dalam Islam anak yang berumur tujuh tahun sudah diajar bersembahyang dan manakala ia berumur 10 tahun jika luput sembahyangnya dibolehkan untuk dipukul sebagai mendidik.

Sikap kita sering memberikan galakkan berupa hadiah hanya untuk kemajuan pelajaran anak sahaja tetapi kita jarang mendengar kita memberikan hadiah galakan apabila anak-anak kita rajin bersembahyang atau menghafal Al-Quran.

Jadinya, penekanan terhadap didikan sembahyang kepada anak-anak ini adalah perkara penting, yang mana dengannya dapat mengubungkan anak-anak kepada Allah Subhanahu Wataala secara langsung. Kerana kita diberikan nikmat akal untuk kita berkhidmat dalam hidup ini tetapi penentu segala iktikar kita sama ada kita berjaya atau sebaliknya terletak sepenuhnya pada kekuasaan Allah Subhanahu Wataala.

Setelah dididik mendirikan sembahyang, Al-Quran menggariskan kurikulum pendidikan Islam selanjutnya:

**"Tegaklah membina yang makruf dan tegaklah mencegah yang mungkar."**

Ini adalah merupakan sikap hidup yang perlu ada pada setiap anak-anak, supaya mereka boleh tampil di dalam masyarakat pada membina yang makruf dan mencegah yang mungkar sesuai dengan keupayaan masing-masing.

## DIWARNAI KEBAIKAN

Bukankah kita bercita-cita ingin mempunyai anak yang bermanfaat sekurang-kurangnya untuk keluarganya, apalagi untuk bangsa, negara dan agamanya. Salah satu dari ciri-ciri orang yang bermanfaat ialah ia boleh menjadi penganjur yang makruf dan mencegah yang mungkar. Dalam hal ini didikan anak-anak kita supaya menjauhi sikap yang mengangap urusan agama itu adalah urusan golongan tertentu atau peribadi sahaja. Padahal urusan keagamaan ini adalah merupakan tanggungjawab kita bersama selagi kita dinamakan orang-orang Islam, apa lagi yang ada hubungannya dengan amar makruf dan nahi mungkar. Dengan adanya rasa tanggungjawab yang dipikul sama-sama, insya-Allah kita akan menjadi satu ummah yang diwarnai dengan kebaikan dan terhindar dari segala kejahatan dan kemungkaran.

Inilah dia dasar-dasar pendidikan dalam Al-Quran bermodelkan didikan Lokmanul Hakim yang mana menggariskan empat perkara asas, pertama : tauhidnya, kedua menghormati orang tua, ketiga didikan akhlak dan yang keempat membiaskan ia hidup dalam suasana keagamaan yang dapat nilai-nilai agama Islam yang suci.

Dari sana diharapkan nilai-nilai ilmu yang diperolehinya dari bangku sekolah akan menciptakan keseimbangan dengan yang dianjurkan oleh Al-Quran. Sehingga keseimbangan ini wujud akan terjalinlah keseimbangan dalam pola berfikir dan akhirnya dalam melahirkan kesinambungan dalam tindakan dan perbuatannya.

Inilah dia harapan kita semua, semoga Allah akan memberkati usaha kita dan semoga keadaan yang baik pada ketika ini akan lebih baik untuk generasi kita yang akan datang. Sekian sahaja.

Wabillahit Taufik  
Walhidayah  
Assalamualaikum  
Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

## SIKAP kita sering memberikan galakan berupa hadiah hanya untuk kemajuan pelajaran anak sahaja tetapi kita jarang mendengar kita memberikan hadiah galakan apabila anak-anak kita rajin bersembahyang atau menghafal Al-Quran.

Krisis wibawa ini juga kita harus sedari bahawa ianya banyak membentuk keperibadian anak-anak kita terutama tentang pergaulannya, yang dibacanya, dan ia ditontonnya dan yang disaksikannya dalam kehidupan sehari-hari.

Memang benar kita menyekolahkan mereka, tetapi berapa jam sahaja mereka berada di sekolah, hanya lebih kurang enam ke tujuh jam sahaja, sedangkan mereka hidup seharian semalam 24 jam. Ini bererti mereka lebih banyak berada di dalam rumahtangganya, dengan kawan-kawannya, di dalam lingkungan di mana ia tinggal yang keseluruhannya sangat besar pengaruhnya dalam membentuk keperibadian anak-anak kita.

biasa sekalipun, atau disiplin ilmu yang banyak memenuhi otak sekalipun, tanpa diiringi oleh etika moral yang murni orang sentiasa dan seringkali mencari kesempatan melakukan pelanggaran hukum Allah.

Pendidikan akhlak inilah yang seringkali kita lupa. Bagi setengah kita, pendidikan itu hanya untuk mencerdaskan otak anak-anak, supaya mereka beroleh hidup dalam suasana zaman yang semakin moden dan mencabar. Kalau inilah tujuan pendidikan yang kita harapkan kepada anak-anak kita, maka kita hanya mampu menjadikan mereka berjaya di dunia ini tetapi gagal di akhirat. Padahal paling lama kita mengepaci kejayaan di dunia ini hanya selama umur

mengejar kesenangan tersebut. Dalam Al-Quran ada menyatakan bahawa hidup ini adalah merupakan perlumbaan dan Al-Quran memberikan peringatan:

**"Kamu telah lalai kerana berlumba-lumba memperbanyakkan harta, mempertinggikan pangkat dan kedudukan sehingga kamu akan masuk ke liang kubur baharulah sedar dan insaf tetapi sudah terlambat."**

## JAHILIAH MODEN

Jika kita gagal mendidik anak-anak dengan didikan akhlak yang sempurna maka mereka akan balik ke zaman jahiliah semula, sedangkan agama Islamlah yang mengha-



MAJLIS Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan juga dihadiri sama oleh kaum wanita dari seluruh negara. Gambar atas kelihatan isteri pembesar-pembesar negara.

## Kira-kira lapan ribu orang melabur di TAIB

TUTONG, 16 Januari. — Kira-kira 8,000 orang dari seluruh negara kini telah melabur di Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) sejak dilancarkan pada 29 September tahun lepas.

Menurut seorang jurucakap dari Perbadanan TAIB jumlah tersebut termasuk juga penyimpanan yang bukan beragama Islam.

Bagi memudahkan rakyat dan penduduk setempat menyimpan dan melabur di institusi kewangan berkanun itu, TAIB membuka cawangan-cawangan di Daerah Belait dan Tutong yang juga telah beroperasi.

Cawangan TAIB bergerak bagi Daerah Belait telah beroperasi pada awal bulan November tahun lepas.

Oleh  
Bolhassan HAB

sementara di Daerah Tutong ia telah bermula pada 16 Januari yang baru lalu.

TAIB bergerak cawangan Tutong beroperasi seminggu sekali iaitu setiap hari Khamis di Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Penubuhan TAIB yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sebagai salah satu cara untuk mempraktikkan Islam sebagai cara hidup dan ianya juga dimaksudkan untuk memperkembangkan sosio-ekonomi umat Islam.

## 29 orang penuntut menerima anugerah sijil

TUTONG, 16 Januari. — 29 orang penuntut dari Sekolah Menengah Muda Hashim yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti luar sekolah telah menerima anugerah sijil The Duke of Edinburgh's.

Seorang wakil dari United Kingdom, Dayang Rachel P. Green yang juga seorang ahli skim The Duke of Edinburgh's telah menyampaikan sijil tersebut di Sekolah

Menengah Muda Hashim di sini.

Skim The Duke of Edinburgh's mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1973 dan hanya Sekolah Menengah Muda Hashim saja mengikuti skim tersebut pada tahun 1990.

Untuk menjadi ahli skim itu sekurang-kurangnya bergiat aktif dalam jabatan dan skim itu telah dilaksanakan di merata dunia.



DAYANG Rachel P. Green ketika menyampaikan sijil anugerah The Duke of Edinburgh's kepada salah seorang penuntut Sekolah Menengah Muda Hashim. — Gambar oleh Amat Maksin.



MAJLIS pengislaman bagi Awang Mohamad Shukri bin Abdullah beserta isteri dan lapan orang anak di Surau Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

## 10 orang lagi memeluk Islam

GADONG, 15 Januari. — Sekeluarga 10 orang bangsa Iban termasuk lima orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan telah memeluk

agama Islam di Surau, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei di sini.

Awang Tutong anak Mili, 38 tahun, seorang

anggota Pasukan Polis Diraja Brunei telah memilih nama Islamnya sebagai Mohamad Shukri bin Abdullah dan isterinya Dayang Radoi anak Mergi, 31 tahun memilih nama Islamnya sebagai Nor Siti Fatimah binti Abdullah.

Oleh  
Bolhassan HAB

sat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Manakala lapan orang anak mereka kini masing-masing dikenali sebagai Amizuladi Azmi bin Mohamad Shukri; Mohamad Kamaruddin bin Mohamad Shukri; Mohamad Zambere bin Mohamad Shukri; Norazimah binti Mohamad Shukri; Mohamad Faisal bin Mohamad Shukri; Mohamad Shifful Rizeal bin Mohamad Shukri; Norhayati binti Mohamad Shukri dan Nordiana binti Mohamad Shukri.

Sementara itu isteri Pesuruhjaya Polis, Datin Hajjah Fatimah menyampaikan cenderamata kepada Dayang Nor Siti Fatimah dan anak-anak perempuan mereka.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Majlis pengislaman itu telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Pu-

## Bantuan darah dari orang ramai menggalakkan

GADONG. — Bantuan darah dari orang ramai di negara ini adalah sangat menggalakkan. Bantuan seumpama ini secara langsung membantu perkhidmatan Pusat Simpanan Darah (Blood Bank) di rumah-rumah sakit di negara ini dalam penyimpanan darah yang cukup bagi kegunaan-kegunaan di masa-masa kecemasan yang memerlukan tambahan darah.

Dalam hubungan ini, perkhidmatan Pusat Simpanan Darah, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah pun berusaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi darah dengan mengadakan kempen-kempen pengambilan darah secara besar-besaran sejak 1973 lagi.

Pada tahun 1988 sebanyak 5,288 pain darah dikumpulkan dan pada tahun 1989 telah menurun dengan 4,934 pain darah begitu juga pada tahun 1990 dapat mengumpulkan 4,922 pain.


Kita hampir sebulan melangkah tahun 1992, Simpanan Darah Bergerak meneruskan kegiatan mereka untuk menjalankan kempen-kempen pengambilan darah seluruh negara untuk memastikan keperluan darah di negara ini mencukupi.

Baru-baru ini bertempat di Pusat Latihan Polis Gadong, seramai 80 orang anggota polis dari berbagai cawangan telah menderma darah bagi

Oleh  
Dk. Fatimah PHMN

menambah tabung darah di negara ini.

Menurut Pusat Simpanan Darah, Rumah Sakit RIPAS setakat ini, tabung tersebut menerima derma darah dari orang ramai sebanyak 266 pain darah.



SEBAHAGIAN daripada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dari berbagai cawangan ketika menderma darah mereka. — Gambar oleh Pengiran Haji Abu Bakar.

## Menerima kunjungan muhibah


BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain hari ini menerima kunjungan muhibah Datuk Bandar Adelaide, Australia dan Presiden Pencalonan Adelaide Sebagai Tahun Rumah Sukan Komanwel 1998, Konsuler Steve Condous, di pejabat Yang Berhormat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Residency.

Datuk Bandar yang dalam rangka lawatan dua hari itu

diiringi oleh Dayang Julie Nykiel, Penolong Pengarah Sukan.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Philip Knight juga hadir di majlis itu.

Sukan PELITA difahamkan, lawatan itu bertujuan bagi mendapatkan sokongan Negara Brunei Darussalam selaku ahli gabungan Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) terhadap hasrat pihak Adelaide untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika menerima kunjungan muhibah Datuk Bandar Adelaide, Australia dan Presiden Pencalonan Adelaide Sebagai Tahun Rumah Sukan Komanwel, Konsuler Steve Condous di pejabat Yang Berhormat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Residency. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Dianugerah Bintang Kebesaran Republik Filipina

YANG Dimulikan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman bin Haji Damit, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Republik Filipina 'The Philippine Legion of Honour' (Degree of Commander).

Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino telah meluluskan penganugerahan Bintang Kebesaran Republik Filipina tersebut kepada Yang Dimulikan atas perkhidmatan cemerlang yang Dimulikan dalam menjalin perhubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua angkatan bersenjata dengan lebih rapat lagi.

Penganugerahan Bintang Kebesaran Filipina itu telah berlangsung di Kem Jeneral Emilio Aquinaldo pada 11 Disember, 1991 lalu semasa lawatan rasmi Yang Dimulikan ke Republik Filipina atas undangan Jeneral Lisandro C. Abadia, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina dari 10 hingga 12 Disember, 1991 yang lalu.

Menyempurnakan penyampaian bintang tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Pertahanan Kebangsaan Republik Filipina, Jeneral Renato S. De Villa.

Turut hadir di upacara tersebut Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar dan Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina.

## Marubeni kendalikan telefon bergerak selular

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 18 Januari. — Satu majlis menandatangani kontrak bagi projek membekal, menghantar, memasang serta mengendali pelancaran sistem telefon bergerak selular di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Syarikat Marubeni Corporation dari Jepun berlangsung hari ini di Dewan Theatret Bangunan Kementerian Perhubungan di sini.

Menandatangani perjanjian kontrak bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Pengarah Telekom, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar dengan saksinya ialah Timbalan Pengarah Telekom, Pengiran Haji Shahminan bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Syarikat Marubeni Corporation pula diwakili oleh Pengurus Umum Telekom System Department, Marubeni Corporation, Awang Tetsuo Kawabata dengan saksinya ialah Awang Raiki Tanaka, Pengurus Penjualan South East Asia Division, Syarikat NEC Corporation.

Sistem ini akan mempunyai 24 base stesen dan boleh menampung 12 ribu pelanggan yang mana sistem ini dilengkapi dengan 586 saluran RF dan ianya ditempatkan di kawasan-kawasan yang sudah dikenalpasti dan boleh memberi liputan penerangan dan penerimaan signal yang cukup bagi jalanan utama di negara ini.

Di peringkat awal projek ini melibatkan pemasangan 180 saluran RF bagi lapan base stesen di Daerah Brunei dan Muara dan dijangka boleh digunakan pada bulan Ogos tahun ini. Ini diikuti pula dengan pemasangan selanjutnya di seluruh negara yang mana keseluruhan projek ini dijangka siap pada penghujung tahun ini. Projek ini dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang ke-6.

Projek Sistem Telefon Bergerak Selular yang baru



PENGARAH Telekom, Dato Paduka Awang Haji Abdullah yang mewakili kerajaan menandatangani perjanjian kontrak bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan dan pelancaran sistem telefon bergerak selular dengan Syarikat Marubeni Corporation, Jepun yang diwakili oleh Pengurus Umum Telekom System Department, Marubeni Corporation, Awang Tetsuo Kawabata yang berlangsung di Bilik Theatret Bangunan Kementerian Perhubungan, Berakas. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Tanamkan roh keislaman

MASIN, 12 Januari. — Ketua Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Ghani berkata dorongan dan galakkan dari ibu bapa, penjaga dan guru-guru adalah penting bagi menanamkan roh keislaman di dada anak-anak dan murid-murid sekalian kerana mereka akan membesar atas keimanan yang kukuh, akhlak yang terpuji dan pendidikan yang baik.

"Kita sama-sama mahukan akan lahir generasi akan datang, generasi yang berilmu, berakhlak mulia, beramal salih dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala," jelas beliau semasa berucap di Majlis Sambutan Hari Terbuka di Sekolah Ugama Masin, Kawasan Brunei I di sini.

Murid-murid yang berpakaian tinggi saja, ujar beliau, tidak mencukupi jika dada mereka lapang dan kosong dengan ilmu agama kerana ilmu agama adalah yang dituntut untuk dunia dan akhirat.

Senang hidup di dunia tam-

bahnya, tidak akan sempurna jika tidak ada bekal untuk hari akhirat. Dari itu jangan murid-murid abaikan pelajaran agama yang diajarkan oleh guru-guru.

Beliau menyeru ibu bapa dan penjaga murid-murid supaya sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak sekolah demi untuk kejayaan para murid, baik di bidang pelajaran mahupun di bidang yang lain.

Acara pada hari itu termasuk peraduan menghafaz ayat-ayat lazim dan membaca Al-Quran, peraduan berzanji, membaca rencana Jawi bagi para murid di sekolah berkenaan di samping penyertaan ibu bapa, penjaga murid-murid para penduduk Kampung Masin dan sekitarnya.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Zikir Asma'ul Husna oleh para murid. Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat di majlis itu. Majlis itu diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Awang Haji Md. Yuslan bin Haji Tengah.



AWANG Abdul Aziz bin Abd. Rahman.

## Pengarah Agensi Pelaburan yang baru

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan supaya Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Abu Bakar, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan meneruskan tanggungjawab Pengarah Perkhidmatan Kewangan di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga berkenan melantik Awang Abdul Aziz bin Abd. Rahman sebagai Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei mulai 2 Januari, 1992.



YANG Dimulikan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman ketika dianugerahkan bintang 'The Philippine Legion of Honour' (Degree of Commander). Penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Pertahanan Kebangsaan Republik Filipina, Jeneral Renato S. De Villa. Juga kelihatan ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar.

# KESELAMATAN MAKANAN DAN KAWALAN UBAT-UBATAN DIUTAMAKAN DI NEGARA INI

BERAKAS, 12 Januari. — Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar berkata, keselamatan makanan dan kawalan terhadap bekalan ubat-ubatan amat diutamakan di mana Negara Brunei Darussalam mengimport lebih daripada 90 peratus makanan dan hampir 99 peratus keperluan ubat-ubatan dari luar negeri.

Dari itu tambah Yang Berhormat Negara Brunei Darussalam sedang berusaha mewujudkan undang-undang keselamatan terhadap makanan dan telah mengambil langkah awal mengenai pendaftaran ubat-ubatan demi memastikan keselamatan makanan dan mengawal ubat-ubatan.

Sehubungan dengan kata Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan bekerja rapat dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti Pertanian dan Biro Kawalan Narkotik untuk membendung kemasukan ubat-ubatan yang diharamkan.

Langkah tersebut juga bertujuan untuk mencegah makanan yang tercemar dengan racun pembunuh serangga dari dibawa masuk ke negara ini, ujar Yang Berhormat.

Berucap ketika membuka rasmi Mesyuarat Sektor

Oleh  
Dk. Saidah POA

Kesihatan Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura (BIMS) selama empat hari di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kekurangan tenaga pekerja yang mahir dari segi profesional dan teknikal merupakan masalah yang belum dapat diatasi.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat berharap kerjasama di antara keempat-empat buah negara dapat dimintakan untuk memenuhi keperluan dan mengembangkan tahap keupayaan ahli-ahli kesihatan.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh 37 orang peserta dari Indonesia, Malaysia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Antara agenda yang dibincangkan termasuklah kawalan penyakit berjangkit, sekatan perikanan, ubat terkawal, menambah kemahiran tenaga manusia melalui latihan dan masalah yang berkaitan.

Mesyuarat kedua BIMS dijangka akan diadakan di Singapura lewat tahun ini.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar, Menteri Kesihatan Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Amat Maksin.

# Seminar Peranan Elit Dalam Perubahan Dasar dan Pentadbiran untuk pegawai-pegawai kanan

Oleh  
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 14 Januari. — Lebih 100 orang ketua jabatan dan pegawai kanan kerajaan hari ini menghadiri seminar mengenai 'Peranan Polisi Elit Dalam Perubahan Dasar dan Pentadbiran' (The Role of Policy Elites In Administrative and Policy Reform), salah satu siri ceramah anjuran bersama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengurusan dan Keselamatan Kerajaan

dengan kerjasama Institut Harvard Bagi Pembangunan Antarabangsa (HIID), Amerika Syarikat.

Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengurusan dan Keselamatan Kerajaan,

Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Kula berkata, seminar itu bertujuan memberi para peserta pemahaman baru dalam proses atau rangka kerja yang berubah dan inisiatif baru yang boleh dimasukkan ke dalam agenda umum; faktor-faktor yang menentukan bagaimana sesuatu keputusan boleh dicapai; faktor-faktor yang menentukan sama ada sesuatu keputusan mengenai perubahan dasar berjaya dilaksanakan atau tidak.

"Seminar ini berorientasi ke arah mengenal pasti peranan dasar elit dalam menghadapi cabaran tahun-tahun 90-an dan abad akan datang. Ia mempunyai peranan penting dalam menentang isu-isu pentadbiran dan perubahan dasar dalam agenda kerajaan dan seterusnya untuk memastikan perubahan-perubahan atau inisiatif-inisiatif boleh dilaksanakan secara berkesan," jelas beliau.

Ceramah itu disampaikan oleh Dr. John Woodward Thomas, seorang 'Institute Fellow' di Institut Harvard Bagi Pembangunan Antarabangsa (HIID) dan Penyarah Dasar Awam di John F. Kennedy School of Government, Universiti Harvard.



PENCERAMAH dari Institut Harvard Bagi Pembangunan Antarabangsa (HIID), Dr. John Woodward Thomas ketika memberikan ceramah mengenai 'Peranan Polisi Elit Dalam Perubahan Dasar dan Pentadbiran' (The Role of Policy Elites In Administrative and Policy Reform). — Gambar oleh Masmaleh Haji Mohd. Ali.

# Syarikat Minyak Shell Brunei keluarkan minyak 162,000 tong sehari

Oleh  
Dk. Saidah

SERIA, 10 Januari. — Pada penghujung tahun 1990 iaitu apabila peperangan di Timur Tengah mencapai kemuncaknya bekalan minyak terancam, harga minyak naik ke paras paling tinggi kira-kira 40 ringgit Amerika setong.

Bagaimanapun ekoran dari peristiwa ketenteraan yang berlaku dengan cepat telah membawa kepada kejatuhan harga minyak yang dramatik kerana berakhirnya ancaman ke atas bekalan minyak.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Awang George Innes membuat kenyataan tersebut di Majlis Penyampaian Cenderamata Penghargaan Kerja Lama kepada 60 orang kakitangan Syarikat Minyak Shell Brunei yang telah berkhidmat antara 25 hingga 40 tahun di Kelah Ria Shell Brunei di sini.

Beliau menambah menjelang penghujung suku pertama, harga minyak mentah Brunei telah jatuh ke paras kurang daripada 20 ringgit Amerika setong.

Menjelang hujung tahun tersebut, tambah beliau lagi harga minyak mentah menjadi lebih kukuh walaupun terdapat tanda-tanda kelemahan menjelang hujung tahun.

Oleh  
Dk. Saidah

Katanya tahun lepas harga minyak mentah Brunei hitung panjang yang dicapai ialah di antara 21 dan 22 ringgit Amerika setong.

Menurut beliau dari segi pengeluaran, sejajar dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Syarikat Minyak Shell Brunei telah mengeluarkan minyak mentah mengikut keupayaan yang menghasilkan pengeluaran hitung panjang sebanyak 162,000 tong sehari bagi tahun tersebut.

Pencapaian ini tambah beliau adalah satu prestasi cemerlang yang boleh dibanggakan oleh semua kakitangan dan secara ketebulan dalam tahun tersebut iaitu dalam mengeluarkan mengikut keupayaan satu rekod penting telah dicatatkan.

"Padang Seria telah mengeluarkan minyaknya yang keselbilan tong dan banyak daripada mereka yang hadir petang ini berkongsi dalam kejayaan tersebut yang

telah mengambil masa 62 tahun untuk mencapainya," ujar beliau.

Katanya satu tugu indah berdekatan dengan penemuan Telaga Seria-1 telah menjadi satu peringatan kekal peristiwa tersebut dan kepentingannya ditegaskan oleh keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercampur duli ke upacara perasmian pada 18 Julai tahun lalu.

Di samping itu tambah beliau pengeluaran gas juga pada satu paras yang baik dan memenuhi permintaan tempatan serta eksport gas cecair asli ke Jepun.

Mengenai eksport ke Jepun tambah beliau, sejumlah 158 kargo telah dihantar ini termasuk enam kargo tambahan daripada kehendak dalam kontrak.

Menurut beliau satu loji menstabil kondensat boleh dilihat dekat Loji Memproses Gas dan Reformer pula telah siap dari segi mekanikal menjelang akhir tahun.

Dalam suku pertama tahun ini tambah beliau reformer tersebut akan mula beroperasi dan membekalkan reformate yang mana adalah perlu dalam pembuatan gasolin

premium bagi pasaran tempatan.

Ini bermakna Negara Brunei Darussalam akan mempunyai keupayaan sendiri dari segi barangan ini dan satu kemajuan ke arah gasolin berplumbum rendah dan akhirnya memudahkan kemajuan ke arah gasolin tanpa plumbum, terang beliau.

Di majlis itu Awang George Innes juga telah menyampaikan cenderamata kepada empat orang kakitangan yang telah berkhidmat selama 40 tahun, 19 orang yang berkhidmat 35 tahun, 12 orang yang berkhidmat selama 30 tahun dan 25 orang yang berkhidmat selama 25 tahun.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong; Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Kassim serta pegawai-pegawai kanan kerajaan serta Syarikat Minyak Shell Brunei.

Majlis tersebut telah diserikan dengan persembahan kebudayaan dari berbagai kaum di Daerah Belait serta perutusan beliau di daerah ini di samping cabutan ini bertuah.



PENGARAH Urusan dan Ketua Esekutif Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang George Innes ketika menyampaikan cenderamata kepada salah seorang kakitangan syarikat itu. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

## SEKTOR SWASTA DISERU ADAKAN KAUNTER PENERANGAN BAGI MENJAYAKAN TAHUN MELAWAT ASEAN 1992

JALAN TUTONG, 11 Januari — Sektor swasta khususnya gedung gedung perniagaan, hotel-hotel dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam industri pelancongan diseru agar mengadakan kaunter penerangan bagi menjayakan Tahun Melawat ASEAN 1992 (VAY 92).

Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Dayangku Hajjah Urai binti Pengiran Ali menyeru demikian ketika merasmikan kaunter penerangan sempena VAY di salah sebuah gedung terkemuka dekat sini.

Salah satu tujuan utama mengadakan kaunter tersebut ialah untuk memberi penerangan meluas mengenai Negara Brunei Darussalam kepada para pelancong.

Oleh  
Bolhassan HAB

Di samping itu kaunter penerangan juga boleh memamerkan kraftangan buatan tempatan serta hasil seni negara-negara anggota ASEAN.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi seterusnya menyeru pihak swasta terutama gedung gedung perniagaan, hotel-hotel dan sebagainya supaya meningkatkan lagi mutu layanan kepada para pelancong yang mengunjungi tempat-tempat perniagaan masing-masing.

Dengan cara yang demikian ia akan dapat memamerkan negara kita kepada para

plancong, yang mana terkenal dengan adat kebudayaan dan tatasusila kebruneian yang kaya dengan adat resam dan ramah mesra berbudi pekerti tinggi.

"Dengan adanya kerjasama yang diberikan itu nanti, semogalah matlamat projek Tahun Melawat ASEAN 1992 bagi Negara Brunei Darussalam ini akan tercapai," katanya.

Setelah menyempurnakan majlis perasmian kaunter itu beliau dan lain-lain jemputan dibawa menyaksikan pameran kraftangan Negara Brunei Darussalam dan negara-negara anggota ASEAN.

Antara barangan yang dijual di kaunter penerangan itu ialah cenderamata khas sempena Tahun Melawat ASEAN.



PENGARAH Lembaga Kemajuan Ekonomi, Dayangku Hajjah Urai ketika menyaksikan pameran yang memaparkan kraftangan Negara Brunei Darussalam dan negara-negara anggota ASEAN di Perasmian Kaunter Penerangan sempena Tahun Melawat ASEAN 1992. — Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

## Enam ejen pelancongan menerima anugerah

Oleh  
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 12 Januari. — Enam belas buah ejen pelancongan dan kargo yang mencapai prestasi cemerlang telah menerima anugerah dalam tiga kategori yang berasingan dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) malam tadi.

Penyampaian anugerah dilakukan oleh Pengarah Urusan RBA, Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim di Restoran Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Tiga buah syarikat yang menerima 'Anugerah Istimewa Juta Ringgit' kerana berjaya mencapai penjualan melebihi sejuta ringgit ialah Freme Travel Services Sendirian Berhad, Kuala Belait; Anthony Tours and Travel Agency, Bandar Seri Begawan; Travel Center (B) Sendirian Berhad, Bandar Seri Begawan.


Manakala penerima 'Anugerah Sepuluh Terbaik'

ialah Brunei Travel (BSB), Freme Travel (BSB), Straits Central Agencies (BSB), Wing On Travel (BSB), Ken Travel (BSB), Zura Travel (BSB), Jasra Harrison's Sendirian Berhad (BSB), Seri Islamic Tours (BSB) dan Century Travel (BSB).

Sementara penerima 'Anugerah Kargo Terbaik' ialah International Packing Services, Zas Company Sendirian Berhad dan Jayapuri (B) Sendirian Berhad.

Majlis itu juga dihadiri oleh para pegawai kanan RBA dan kira-kira 200 orang jemputan.

Ketika ini terdapat lebih 40 buah ejen pengembaraan dan pelancongan dilantik oleh RBA.



PENGARAH Urusan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim menyampaikan anugerah kepada wakil salah sebuah syarikat yang berjaya mencapai prestasi yang cemerlang. — Gambar oleh Masmaleh Haji Mohd Ali.

## 15 pegawai ABDB dinaikkan pangkat

BERAKAS, 10 Januari. — Seramai 15 orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dinaikkan pangkat di majlis yang berlangsung di Mes Pegawai, Berakas Garrison hari ini.

Penyampaian disempurnakan oleh Pemerintah

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman bin Haji Damit.

Mereka yang dinaikkan ke pangkat Mejar ialah 180 Pemangku Mejar Pengiran Haji Mohd. Ali bin Pengiran Haji Tuah, 181 Pemangku Mejar Haji Awang Yaakub bin Haji Mohd. Tahir dan 182 Pemangku Mejar Mohammad Bohari bin Lumba.

Manakala 203 Kapten Abu Bakar bin Awang Hassan pula dinaikkan pangkat ke Pemangku Mejar.

Sementara 284 Pemangku Kapten Ahmad Sufri bin Haji Mohd. Yusoff, 255 Pemangku Kapten Roslan bin Dato Paduka Haji Yaakub, 306 Pemangku Kapten Aminuddin Ihsan bin Dato Paduka Haji Abidin dan 243 Pemangku Kapten Selamat bin Pehin Dato Haji Mohammad pula dinaikkan ke pangkat Kapten.

256 Letenan Zulkifli bin Hassan dan 307 Letenan Hussein bin Dato Paduka Haji Mohammad pula dinaikkan ke Pemangku Kapten.

Sementara 351 2nd Letenan Zainorin bin Zainal Abidin, 352 2nd Letenan Rahimi bin Haji Abdul Karim, 356 2nd Letenan Zil Hisam bin Abdul Rahman, 347 2nd Letenan Harmadi bin Haji Mamit, 352 2nd Letenan Mohd. Sheh bin Bagul dan 353 2nd Letenan Idrus bin Ibrahim dinaikkan pangkat Letenan.

## Jururawat hadir taklimat penerangan

Oleh  
Dk. Saidah POA

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Januari. — Seramai 31 orang Penolong Jururawat Kanan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang sedang mengikuti Kursus Jururawat Masyarakat pengambilan kedua telah menghadiri taklimat penerangan di Jabatan Penerangan di sini.

Mereka telah diketuai oleh Matron Mary Loo Voon Sim dan Sister Hajjah Taibah binti Pehin Dato Pekerna Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Mereka telah mendengar taklimat bertajuk 'Struktur Pentadbiran dan Penerangan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab.

Dalam taklimat tersebut beliau telah menggariskan tentang sejarah, latar belakang serta fungsi jabatan berkenaan yang telah dirubuhkan pada 1 April, 1952 yang mana pada masa itu dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan Brunei.

ramai.

Menurut Sister Hajjah Taibah taklimat tersebut adalah salah satu daripada kandungan mata pelajaran di dalam kursus yang mereka ikuti.

Kursus yang mereka ikuti selama setahun itu telah bermula pada bulan Ogos tahun lepas dan akan berakhir pada bulan Ogos tahun ini.

Pengambilan pertama kursus serupa itu telah pun diadakan

pada bulan Oktober, 1990.

Dalam taklimat itu mereka telah berkesempatan beramah mesra serta mengadakan sesi soal jawab dengan pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan.



PENOLONG Jururawat Kanan Kementerian Kesihatan ketika menghadiri taklimat penerangan yang berlangsung di Jabatan Penerangan di Jalan McArthur. — Gambar oleh Amat Moksin.

Dari muka 4

Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien kemudian dijunjung berkenalkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja.

Baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Istana Edinburgh, tempat persemayaman baginda di sepanjang keberangkatan lawatan ini.

Di Istana Edinburgh, keberangkatan tiba baginda berdua dijunjung oleh Penolong Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan Pengelola Wijaya Diraja Dato Paduka Awang Haji Huraiah bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha.

Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien diiringi oleh 30 orang ahli rombongan.

Dari muka 1

pegawai-pegawai kanan kerajaan dan isteri diplomat-diplomat asing.

Buku 'Resipi Kegemaran BISTARI' berharga \$25 mengandungi 97 jenis resipi termasuk kuih-muih, lauk-pauk, ayam dan daging yang dikumpulkan sejak awal hingga tahun lalu.

Hasil jualan buku ini akan dikumpulkan untuk tabung BISTARI manakala pertunjukan koleksi pakaian akan didermakan kepada tabung kebajikan di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien bin Talal, Raja Jordan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan ketika berkenan berangkat di istiadat mengadap dan junjung ziarah di Balai Penghadapan Istana Nurul Iman sejurus sebelum Majlis Persantapan bagi Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien di Istana Nurul Iman.

Sambungan dari muka 1

koperasi sekolah adalah perlu dan sudah sampai masanya untuk dilaksanakan.

Setakat ini tiga buah sekolah dan maktab telah menubuhkan koperasi masing-masing.

Seminar yang bertemakan 'Koperasi Bermula Dari Sekolah' itu disertai oleh lebih dari 100 orang peserta yang

terdiri dari sekolah-sekolah, maktab-maktab, pusat-pusat latihan dan teknikal termasuk institusi pengajian tinggi.

Dalam seminar 3 hari itu para peserta telah mendengar kertas kerja yang dibentangkan oleh pensyarah undangan dari Maktab Kerjasama Malaysia, Puan Hayati Haji Md. Salleh dan Puan Jamilah Din.

Sambungan dari muka 1

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan telah berkenan berangkat ke Istana Edinburgh bagi majlis perpisahan.

Di majlis itu, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien yang diiringi oleh 30 orang ahli rombongan adalah keberangkatan kali ketiga baginda ke negara ini.

Berangkat ke Majlis Jamuan Teh

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Teh sempena Pelancaran Buku Resipi Kegemaran BISTARI, anjuran Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan BISTARI, hari ini, berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia yang disertai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dijunjung oleh Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajjah Edah binti Haji Mohd Noor dan ahli jawatankuasa tertinggi pertubuhan itu.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menerima cenderamata yang disampaikan oleh BISTARI.

Majlis jamuan teh diserikan dengan pertunjukan fesyen pakaian wanita yang digayakan oleh peragawati-peragawati dari Singapura. Hasil daripada penjualan koleksi ini akan didermakan kepada tabung kebajikan di negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan dibawa menyaksikan pameran hasil kerjatangan yang disertai oleh kedutaan-kedutaan asing di negara ini.

Menurut BISTARI, penjualan buku Resipi Kegemaran BISTARI itu akan dikumpulkan untuk tabung BISTARI.

Majlis Persantapan

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan bagi meraikan Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien bin Talal, Raja Jordan di Istana Nurul Iman malam tadi.

Sejurus sebelum Majlis Persantapan itu, satu istiadat mengadap dan junjung ziarah telah berlangsung di balai penghadapan di istana berkenaan.

Baginda berdua telah berkenan menerima mengadap Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, beberapa orang menteri kabinet dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja serta ahli-ahli rombongan kerabat diraja Jordan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan juga berkenan berangkat di istiadat itu.

Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien berangkat tiba pagi semalam bersama 30 orang ahli rombongan bagi lawatan muhibah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran buku Resipi Kegemaran BISTARI anjuran Badan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan, (BISTARI) yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di ibu negara. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Pengiran Anak Hajjah Zarish, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. — Gambar oleh Harun Rashid.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Teh Pelancaran Buku Resipi Kegemaran BISTARI anjuran Badan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI). Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.



مناني كدولتن تانه ايركو  
MENANAI KEDAULATAN TANAH AIRKU

دترينكن اوله جياتن قراغن، جياتن فردان منري دان دچيتن اوله جياتن فرچيتقن كراجان، كمنترين اونوغ، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.